

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 11</b>	<b>Selasa</b>	<b>8 Oktober 2013</b>
----------------	---------------	-----------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013	(Halaman 36)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 66)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 99)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.15(3)	(Halaman 100)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Program Transformasi Sikap – <i>Y.B. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah</i>	(Halaman 100)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA  
Selasa, 8 Oktober 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari Sweden yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Yang Terutama Ulf Holm, Timbalan Speaker Parlimen Sweden berserta empat orang Ahli Parlimen Sweden. *[Tepuk]* Kepada Yang Berhormat Tuan Yang Terutama Ulf Holm dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan keberkesanan, masalah-masalah yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil kementerian dalam usaha menyeragamkan harga-harga barangan dan perkhidmatan di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak berbanding dengan di kawasan bandar dan juga di Semenanjung, termasuk menamatkan pelaksanaan *Cabotage Policy*.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahaai Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, soalan yang pertama. Kerajaan amat memandang serius isu berkaitan kenaikan harga barangan keperluan rakyat. Kerajaan juga sedar bahawa isu harga barangan boleh menjejaskan kos sara hidup rakyat terutamanya penduduk di pedalaman dan yang berpendapatan rendah.

Oleh yang demikian kementerian telah mengambil langkah-langkah menyeragamkan harga khususnya bagi barangan bersubsidi di Sabah, Sarawak dan juga Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Penyeragaman harga yang dilaksanakan hanyalah melibatkan barangan bersubsidi sahaja dan ia tidak termasuk perkhidmatan. Pelarasan harga bagi barangan bersubsidi telah dilaksanakan menerusi program penyeragaman harga yang merangkumi barangan keperluan bersubsidi seperti beras ST15, tepung gandum, minyak masak, gula pasir, gas LPG, petrol RON 95 dan juga diesel sejak pada tahun 2009.

Di samping itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, penyeragaman harga barangan bersubsidi, kementerian juga telah melaksanakan penyeragaman harga barang-barang FAMA, Coop1Malaysia dan juga KR1M, supaya harga barang dapat diseragamkan di antara Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Program ini telah banyak memberi faedah kepada rakyat dan untuk makluman, pelaksanaan program ini telah berjaya memberi faedah kepada anggaran seramai 44.5 juta penduduk di kawasan luar bandar terutama di pedalaman Sabah, Sarawak, Labuan dan juga beberapa kawasan di Semenanjung.

Program ini juga telah banyak menstabilkan bekalan barangan dan harga runcit barang kawalan juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Mengenai dengan dasar kabotaj pula, ia sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun saya cuba untuk menjelaskan sedikit mengenai dengan perkara ini, kerana dasar kabotaj ini adalah satu dasar yang menetapkan bahawa perkhidmatan perkapalan domestik di dalam perairan Malaysia dikhaskan hanya untuk kapal-kapal Malaysia sahaja.

Ini kerana ia bertujuan untuk pertama, membangunkan kapasiti dan juga keupayaan perkapalan tempatan dan yang keduanya mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal-kapal asing menyebabkan pengaliran keluar wang negara dalam bentuk tambang kapal dan juga insurans.

Dan untuk itu makmal kos sara hidup telah dijalankan oleh PEMANDU di Sabah dan Sarawak pada 1 hingga 12 September pada 15 hingga 25 Oktober 2012 untuk meneliti lebih lanjut mengenai dengan isu-isu yang menyumbang kepada kos barangan yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kedua-dua makmal berkenaan mendapati bahawa dasar kabotaj bukanlah merupakan faktor yang menyumbang kepada kos harga barangan yang tinggi di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Terima kasih. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat khasnya kementerian berkenaan yang diwakili oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma ingin menambah sebagai soalan tambahan. Sejauh manakah hasil dasar yang baru ini? Dan apakah belanjawan yang telah disediakan untuk tahun ini? Sejauh mana ianya telah diperuntukkan, dibelanjakan untuk meringankan beban kos sara hidup bagi para penduduk khasnya di kawasan pedalaman supaya kita dapat mencapai impian 1Malaysia 1Harga untuk seluruh negara.

■1010

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan soalan tambahan. Hasil daripada dasar yang baru, yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan supaya penyeragaman harga di seluruh negara berjalan dan kita melihat bahawa peningkatan bagi segi harga-harga barangan terutama sekali di pedalaman telah pun meningkat daripada semasa ke semasa.

Kita cuba untuk memperbanyakkannya. Ini kerana Yang Berhormat untuk menjayakan program penyeragaman ini, kita mesti mewujudkan kedai-kedai runcit yang sedia ada atau pun kita hendak mempertingkatkan kedai-kedai runcit yang sedia ada di pedalaman untuk menjadi *point of sell* bagi barangan kawalan dan juga penyeragaman harga ini supaya memudahkan orang ramai atau pun masyarakat di luar bandar mendapat bekalan-bekalan ini di *point of sell* yang kita wujudkan di luar bandar.

Jawapan kepada soalan tambahan yang kedua mengenai dengan jumlah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos pengangkutan sahaja pada tahun ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM236 juta bagi segi penyeragaman untuk membantu kos pengangkutan barangan yang dibawa ke luar bandar. Daripada RM236 juta itu, RM60 juta lagi tambahan pengangkutan lagi untuk tiga barangan iaitu barangan FAMA, Coop1Malaysia dan juga barangan KR1M sebanyak RM60 juta.

Jadi, keseluruhannya RM296 juta kos pengangkutan disediakan oleh kerajaan. Sejumlah yang cukup besar untuk menyeragamkan harga ini. Ini kerana kita difahamkan bahawa kerana kos pengangkutan inilah yang menyebabkan barang-barang di luar bandar meningkat begitu tinggi. Jadi, kita tanggung kos pengangkutan ini. Setakat ini *alhamdulillah* hingga ke Oktober ini lebih kurang 63% daripada jumlah itu telah pun kita belanjakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya hanya ringkas sahaja. Daripada pelbagai item yang mendapat subsidi ini, berapa banyakkah yang dilabelkan bahawa ini adalah subsidi daripada kerajaan. Maksud saya secara spesifik Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya kalau kita pergi ke stesen-stesen

minyak ada dilabelkan bahawa untuk setiap liter minyak ini harganya menerima subsidi sekian banyak daripada kerajaan yang saya rasa patut dialu-alukan.

Malah, perkara ini pernah saya timbulkan di Dewan ini kira-kira dua, tiga tahun yang lalu dan rakan di sebelah sana menyindir saya. Takkan semua sekali hendak dilabelkan sebagai subsidi katanya. Akan tetapi saya rasa ini patut dimaklumkan kepada rakyat awam bahawa banyak item pengguna yang menerima subsidi. Soalan saya secara spesifik, selain daripada di stesen-stesen minyak, ada tidak makluman sedemikian diberikan untuk item-item yang lain. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat mengenai dengan barangan yang selain daripada minyak yang selalunya memang kita ketahui bahawa minyak RON 95 dan juga minyak diesel disebut di mana-mana mengenai dengan subsidi yang diberi oleh kerajaan. Selain daripada itu, kita juga ada barang-barang lain yang juga disubsidi contohnya gula, minyak masak, tepung, beras, gas dan lain-lain. Cuma apa Yang Berhormat persoalkan tadi ialah di stesen-stesen minyak itu disebut mengenai dengan subsidi yang diberi oleh kerajaan terhadap RON 95 dan juga minyak diesel.

Akan tetapi, barang-barang lain memang kita selalu memaklumkan kepada masyarakat dan juga rakyat mengenai dengan barangan yang disubsidi dan jumlah subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan begitu banyak. Barang-barang subsidi ini terutama sekali ialah barang-barang GMTD ini gula, minyak, tepung yang menjadi barang keperluan asas kepada rakyat di seluruh negara termasuklah beras yang saya sebutkan tadi. Jadi, pemakluman ini kita sampaikan kepada semua rakyat melalui media dan sebagainya, jumlah-jumlah subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Cuma minyak sahaja di stesen-stesen minyak tetapi di kedai-kedai yang diberikan subsidi oleh kerajaan ini kita tidak sebut satu persatu labelnya. Akan tetapi notis-notisnya ada kita keluarkan di kedai-kedai yang ditanggung. Memang kita maklum dan kita sediakan dia punya senarai-senarai itu di tempat-tempat yang menjual barang-barang subsidi ini. Terima kasih.

**2. Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah dan insentif dari kementerian untuk membantu merangsangkan pelabur-pelabur tempatan untuk melabur di dalam negara bagi merencanakan *Domestic Direct Investment (DDI)* seiring dengan perhatian yang diberikan kepada *Foreign Direct Investment (FDI)*.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, terima kasih kerana mengemukakan soalan yang penting ini. Mungkin agak panjang sedikit kerana terlalu teknikal tetapi saya cuba pendekkan. Akan tetapi sebelum itu untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menerima delegasi daripada Sweden. Saya maklumkan kepada mereka kenapa bangunan ini besar sangat *Upper House* tetapi saya nyatakan kepada mereka ini adalah Dewan sementara persidangan untuk kedua-dua Dewan sama ada Dewan Negara atau pun Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan domestik merupakan tonggak kepada Pelan Transformasi Malaysia, Model Ekonomi Baru, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Selaras dengan kepentingan pelaburan domestik, kerajaan telah menyasarkan 73% pelaburan domestik di bawah ETP bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Daya saing Malaysia kini bergantung kepada pengukuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta peralihan kepada industri-industri bernilai tambah yang tinggi, berteknologi tinggi, berintensif, berpengetahuan dan berasaskan inovasi.

Transformasi ini tidak akan berjaya dilakukan sekiranya pelaburan domestik tidak diperkukuhkan seiring dengan usaha-usaha menarik pelaburan langsung asing dalam bidang-bidang pertumbuhan baru. Untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti pelaburan domestik, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah penggalakan seperti berikut:

- (i) penubuhan dana strategik pelaburan tempatan atau pun DISF berjumlah RM1 bilion untuk membantu pelabur tempatan mendapatkan lesen atau membeli syarikat asing bagi tujuan memperoleh dan mengguna pakai teknologi. Ini sedang berjalan;
- (ii) memperluas definisi syarikat-syarikat kecil atau pun syarikat kecil-kecilan. Maknanya, memperluas definisi syarikat kecil-kecilan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan meningkatkan dana pemegang saham daripada RM0.5 juta kepada tidak melebihi RM2.5 juta dan pemilikan ekuiti yang dipegang oleh rakyat Malaysia ditingkatkan daripada 60% kepada 100%. Sehubungan itu, lebih banyak syarikat pemilikan Malaysia akan layak untuk memohon insentif cukai yang khusus bagi syarikat kecil-kecilan dalam bentuk taraf perintis dan potongan cukai 100% selama lima tahun atau elaun cukai pendapatan sebanyak 60% selama lima tahun;

- (iii) Menggalakkan syarikat-syarikat kecil yang menyediakan perkhidmatan supaya bergabung menjadi satu entiti yang lebih besar. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk pengurangan cukai korporat kepada 20% untuk tempoh lima tahun dari tarikh penggabungan serta pengecualian duti setem untuk dokumen penggabungan; dan

■1020

- (iv) kerajaan juga memberi peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia di mana dana pemegang saham tidak melebihi RM0.5 juta dan 60% pegangan saham tempatan untuk memohon, dengan syarat memohon galakan insentif walaupun syarikat baru beroperasi selama satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi global yang mencabar, Malaysia masih mampu menarik sejumlah pelaburan besar dalam pelbagai sektor ekonomi dari tempoh Januari hingga Jun 2013 dengan nilai pelaburan diluluskan sebanyak RM97.4 bilion berbanding dengan RM75 bilion pada tempoh sama tahun 2012. Maksudnya meningkat dan dalam tempoh tersebut pelaburan tempatan telah menyumbang RM66.7 bilion ataupun 68.5% manakala pelaburan asing hanya menyumbang sebanyak RM30.7 bilion iaitu 31.5%. Sekian, terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab cuma saya ingin bertanya sedikit, sekiranya kerajaan Malaysia bersetuju menandatangani perjanjian TPPA, adakah ianya akan memberi kesan kepada pelaburan tempatan? Keduaanya, sekiranya TPPA ini dilaksanakan maksudnya akan banyak *foreign direct investment* akan masuk, jadi adakah perancangan kerajaan untuk mencapai 73% ini pada tahun 2020 akan dapat kita realisasikan? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Saya cuba untuk kaitkan sama ada FDI atau DDI ini dengan TPPA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sudah tentulah ada kesan dan kesan itu sama ada negatif ataupun positif. Akan tetapi yang kita cuba buat ialah untuk memberi kesan positif yang paling maksimum dan mengurangkan kesan negatif yang paling minimum. Kalau boleh saya jawab secara umum, kesannya kepada pelaburan tempatan ialah sudah tentu akan meningkatkan kualiti produk kita untuk bersaing dengan produk negara-negara lain.

Maksudnya ada kaedah tertentu bagaimana kita boleh meningkatkan kualiti barang kita supaya setanding dengan produk negara-negara lain. Kesan negatif yang merugikan itu sebenarnya adalah lebih kepada andaian seolah-olah kita akan rugi, sebenarnya tidak

sebab kita sedang berunding dan akan terus berunding sebagaimana yang disebut, di umum semalam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bali. Di mana apa-apa kepentingan yang boleh menjejaskan kedaulatan, kepentingan pelaburan tempatan dan sebagainya akan diambil kira untuk memastikan bahawa semuanya tidak terjejas.

Kalau terjejas pun sedikit, umpamanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menyelesaikan masalah trafik di satu persimpangan, daripada tidak ada *traffic light* ada *traffic light*. Kalau ada *traffic light* ada juga kemalangan tetapi sedikit. Akan tetapi kalau tidak ada *traffic light* mungkin ada kemalangan dan akan berlaku dengan izin, *congestion* di kawasan persimpangan tersebut. *[Ketawa]* Ini perkara-perkara umum yang saya sebutlah. Kita juga tidak perlu bimbang tentang kenaikan FDI kerana sudah tentulah tadi ada disebut, kita sudah tubuhkan Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) di mana kita cuba menggalakkan supaya ada satu pendekatan dan usaha daripada dana tersebut, yang mana syarikat tempatan boleh melabur dan boleh membeli syarikat asing, itu contoh. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah saya tertarik dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan yang menggabungkan syarikat-syarikat kecil untuk meningkatkan pelaburan tempatan. Jadi, pertanyaan saya ialah setakat ini berapakah penggabungan ini telah dapat dijayakan dan apakah usaha kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat kecil ini terutama syarikat bumiputera dapat kita galakkan dan bantu mereka bergabung agar suatu hari mereka menjadi syarikat yang besar dan mampu sehingga membeli syarikat asing, terima kasih..

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi. Terus terang saya katakan saya tidak ada *figure* ataupun angka yang disediakan tentang jumlah syarikat kecil yang digabungkan, mungkin kita boleh semak dengan kementerian yang berkenaan. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi, kerajaan menyediakan insentif dalam bentuk pengurangan cukai korporat kepada 20% untuk tempoh 5 tahun dari tarikh penggabungannya serta pengecualian duti setem untuk dokumen penggabungan. Ini di antara langkah selain daripada tadi disebut kita tubuhkan Dana Strategik Pelaburan Domestik tempatan yang boleh menggalakkan sebenarnya syarikat-syarikat yang kecil ini bergabung dan membeli syarikat asing ataupun kita sediakan juga dana tersebut untuk kita bawa teknologi ataupun apa-apa komponen atau input yang boleh menaikkan taraf syarikat tempatan kepada sebuah syarikat yang lebih besar. Sekian, terima kasih.



**3. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kementerian untuk membendung penyalahgunaan laman sosial bagi tujuan mempersendakan agama Islam di negara ini. Senaraikan juga jenis tindakan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah yang membangkitkan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah bin Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed pada 9 Oktober dan 10 Oktober 2013 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan media sosial dan penyalahgunaan internet.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan media sosial dan penyalahgunaan internet. Ini adalah kerana Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ataupun AKM 1998 bukanlah satu-satunya undang-undang yang terpakai dalam menangani penyalahgunaan media sosial dan internet.

Antara undang-undang lain yang terpakai ialah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer 1998, Kanun Keseksaan dan Enakmen Jenayah Syariah. Tindakan-tindakan yang diambil bagi menangani masalah ini adalah dengan mengenal pasti jenis kesalahan yang telah dilakukan, yang kedua mengenal pasti suspek untuk dibuat siasatan dan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pendakwaan.

Sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2013, pihak SKMM telah menyekat 6,640 laman sesawang yang melanggar AKM 1998 serta undang-undang bertulis yang lain. Sehingga Jun 2013 sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan SKMM bagi kesalahan di bawah seksyen 233 AKM 1998 dan sejumlah 5 kes adalah melibatkan kesalahan menghina agama Islam. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Tindakan proaktif juga telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mendidik pengguna-pengguna di Malaysia mengenai penggunaan internet secara positif dan bertanggungjawab serta mengamalkan pengawal selia sendiri.

■1030

Sehubungan dengan itu, kempen Klik Dengan Bijak dan kempen Media Sosial Sihat telah dilancarkan. Pelbagai aktiviti seperti seminar, ceramah dan juga penampilan di media massa telah dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendidik kesedaran terhadap kepentingan penggunaan internet dan laman sosial secara positif. Pada masa ini kerajaan tidak mengawal aliran maklumat di internet kerana pendirian dan jaminan kerajaan menerusi MSC *Bill of Guarantee*, dengan izin. Walau bagaimanapun, pendirian tersebut bukanlah jaminan bahawa kebebasan mutlak diberi kepada pengguna untuk menggunakan internet ataupun melanggar undang-undang negara.

Dalam usaha bersama-sama dengan kerajaan, orang awam juga boleh menyalurkan maklumat berkaitan penyalahgunaan internet kepada forum kandungan yang ditubuhkan di bawah AKM 1998 ataupun forum pengguna di bawah akta yang sama dan juga Biro Aduan SKMM yang telah ditubuhkan bagi menangani penyebaran dan paparan kandungan yang menyalahi undang-undang. Dengan langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang diperkenal dan dijalankan oleh pihak kerajaan akan dapat membantu dan membendung aktiviti yang tidak bertanggungjawab di internet dan menjadikannya lebih selamat dan terkawal. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan tadi yang mana jawapan itu mengesahkan kita bahawa kita sedar wujudnya sindrom salah guna laman sosial ini sama ada daripada orang bukan Islam mahupun orang Islam sendiri. Daripada jawapan yang telah diberikan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan bahawa ada satu kerjasama dengan agensi-agensi lain bagi membanteras gejala ini. Jadi soalan tambahan saya, apakah ada satu kerjasama dengan jabatan yang berkaitan agama Islam dan jika ada, apakah bentuk mekanismenya? Saya merujuk kepada kes di mana kes penghinaan Islam yang dilakukan melalui video Chetz Yusof ataupun Maznah Yusof ini yang telah berlegar hampir tiga tahun tanpa disedari oleh SKMM sehinggalah dimuatkan oleh seseorang di video, setelah tiga tahun barulah tindakan diambil terhadap video tersebut.

Kita juga menyedari bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah melaksanakan lawatan ke Amerika Syarikat dan turut melawat pusat internet antarabangsa *Google*. Apakah Kerajaan Malaysia dan juga kementerian tidak belajar atau mengambil apa-apa pengalaman daripada lawatan ini supaya kita mempunyai kepakaran

dari segi teknikal, undang-undang mahupun jumlah kakitangan untuk menangani masalah ini dan memastikan bahawa laman sosial yang cenderung ke arah penghinaan mahupun memecahkan perpaduan ini dapat ditutup, dapat disekat ataupun *didelete*, dengan izin statusnya supaya gejala ini dapat kita banteras? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengenai kes Chetz Togom ataupun laman web yang memaparkan seorang individu meraikan hari raya bersama tiga ekor anjing, sebenarnya pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas suspek berkaitan. Dari segi kerjasama yang telah dilakukan ialah di mana kandungan video tersebut telah dirujuk kepada pihak JAKIM kerana dalam hal ini pihak JAKIM adalah pihak yang pakar dari segi mengesahkan sama ada ianya adalah satu aktiviti atau kegiatan menghina Islam. Makluman yang dimaklumkan oleh pihak JAKIM kepada pihak suruhanjaya di bawah kementerian adalah *confirm* ianya disahkan menghina Islam.

Oleh kerana ia melibatkan sensitiviti keagamaan dan banyak laporan polis telah dibuat, maka perkara ini telah dibuka satu kertas siasatan dan diserahkan kepada pihak polis kerana ianya akan di ambil tindakan Akta Hasutan. Sebenarnya dalam kes-kes sedemikian, SKMM biasanya diminta untuk memberikan bantuan teknikal kepada pihak polis jika diperlukan. Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan pasukan petugas khas di bawah SKMM bagi memantau dan memintas maklumat di mana-mana gerbang *cyber* khususnya yang mencemarkan kesucian agama Islam bagi menjamin kebolehpercayaan maklumat? Adakah kerajaan bercadang menyenaraihitamkan seterusnya membekukan akaun mana-mana individu yang menggunakan laman sosial untuk menghina dan mencemarkan kesucian agama Islam serta Yang di-Pertuan Agong? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan sebenarnya di bawah SKMM memang ada mewujudkan satu unit yang memang membuat pemantauan sama ada pemantauan secara khusus ataupun pemantauan secara rambang mengenai aktiviti-aktiviti yang menyalahi kegiatan media sosial. Di samping perkara yang sama, pihak SKMM juga memperuntukkan di bawah setiap lesen yang dikeluarkan kepada pihak pemberi perkhidmatan terutamanya di bawah Seksyen 263 yang mengehendaki pemegang lesen untuk membantu mencegah perlakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di mana undang-undang bertulis negara.

So, kalau kita lihat seksyen ini adalah jelas bahawa kerjasama yang erat antara pihak pemegang lesen dan juga pihak SKMM, dan sekiranya terdapat mana-mana individu yang memuat turun ataupun yang telah disenaraihitamkan perkara ini boleh diambil pertimbangan untuk mewujudkan satu rekod supaya sekiranya terdapat mana-mana aduan dan semakan boleh dirujuk kepada pihak SKMM. Sekian, terima kasih.

**4. Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tahap pengangguran terkini di Malaysia serta bilangan penganggur mengikut tahap pendidikan, kaum dan negeri, apakah punca pengangguran di negara ini dan langkah-langkah jangka panjang yang dibuat oleh kerajaan bagi menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som di atas perhatian soalan nombor empat. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini sikap pemimpin-pemimpin kita, saya yakin negara kita dapat menghadapi masa hadapan yang cukup baik di atas keprihatinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran yang dicatatkan bagi suku tahun kedua 2013 negara adalah 3.0% bersamaan dengan 411,400 orang kadar pengangguran. Kadar pengangguran negara kita masih rendah jika dibandingkan dengan beberapa negara maju yang lain yang saya ambil contoh antaranya ialah:

<b>Negara</b>	<b>Kadar Pengangguran [%]</b>
Sepanyol	26.3
Itali	12.0
US	7.4
Australia	5.7
Jepun 3.8%	3.8

Jadi, kalau ikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa negara-negara yang kadar penganggurannya kurang daripada 4%, 4% ke bawah dianggap adalah negara-negara yang mempunyai guna tenaga penuh dengan izin *full employment*.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Dato' Boon ini amat menyeluruh. Saya ambil masa sedikit Tuan Yang di-Pertua kerana ini maklumat untuk kita. Bilangan pengangguran

mengikut tahap pendidikan, kaum dan negeri di Malaysia adalah seperti berikut. Bilangan penganggur mengikut tahap pendidikan ada panjang.

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>2012</b>	<b>Suku Tahun Kedua 2013</b>
Pendidikan rendah Tahun 6	23,600	28,000
Pendidikan Menengah Rendah [Tingkatan 1-3]	53,900	60,000
Pendidikan Menengah Atas [Tingkatan 4 dan 5] & Program Kemahiran Asas	183,800	193,000
Tingkatan 6 dan Program Matrikulasi	16,300	14,700
Program kemahiran kursus dan teknikal	7,900	10,200
Diploma		44,200
Ijazah		36,500
Pendidikan tidak formal		1,700
Tiada pendidikan		12,600
<b>Jumlah</b>		<b>411,400 orang = 3.0%</b>

Manakala kadar pengangguran mengikut kaum pula adalah seperti berikut:-

<b>Jenis Kaum</b>	<b>2012 (%)</b>	<b>Suku Tahun Kedua 2013 (%)</b>
Warganegara Malaysia	3.2	3.3
Bumiputera	3.5	3.4
Melayu	3.1	3.0
Bumiputera lain termasuk negeri Sabah, Sarawak dan Orang Asli	5.2	5.0
Cina	2.2	2.9
India	4.4	3.3
Lain-lain	6.6	3.6
Bukan warganegara Malaysia	1.6	1.5
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, bilangan penganggur mengikut negeri. Saya ambil terus Tuan Yang di-Pertua agak panjang sedikit. Mungkin *detail* saya akan beri kepada Yang Berhormat Dato' Boon Som.

<b>Negeri</b>	<b>Suku Tahun Kedua 2013</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Johor</b>	49,300	
<b>Kedah</b>	16,500	2.0
<b>Kelantan</b>	15,400	2.4
<b>Melaka</b>	1,800	0.5
<b>Negeri Sembilan</b>	16,900	3.6
<b>Pahang</b>	19,000	2.8

<b>Pulau Pinang</b>	13,100	1.6
<b>Perak</b>	36,400	4.0
<b>Perlis</b>	3,500	3.6
<b>Selangor</b>	71,200	2.4
<b>Terengganu</b>	11,000	2.6
<b>Sabah</b>	75,000	4.4
<b>Sarawak</b>	45,500	3.9
<b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b>	33,900	3.8
Jumlah	411,500	3

Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan ini Tuan Yang di-Pertua panjang. Dalam itu ada empat hingga lima soalan yang kait-mengait. Patutnya boleh jadi tiga soalan tambahan.

Punca-punca pengangguran. Punca pengangguran boleh saya sebut sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kita ada membuat satu kajian dalam tahun 2008 yang dibuatkan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dan Universiti Utara Malaysia. Antara sebab-sebab pengangguran ialah seperti berikut:

- (i) imbuhan dan ganjaran. Maknanya kadar imbuhan dan ganjaran;
- (ii) sikap tidak cenderung terhadap sektor 3D. 3D ini biasanya diambil alih oleh *foreign workers* dengan izin pekerja asing. 3D ini maknanya *dirty, difficult and dangerous* sektor pekerjaan;
- (iii) pentingkan kemudahan dan lokasi kawasan tempat kerja;
- (iv) memilih pekerjaan yang menawarkan imbuhan setimpal kelulusan sahaja. Maknanya kalau universiti, kalau dia dapat kerja bawah dia tidak hendak. Dia hendak gaji universiti juga;
- (v) mobilisasi. Maknanya ada pekerja kita yang suka bekerja di tempat sendiri. Kalau di luar dari kampung dia tidak mahu;
- (vi) faktor komunikasi;
- (vii) *soft skill*;
- (viii) kemudahan kokurikulum yang tidak mengikut keperluan industri. Mungkin ini dari segi Kementerian Pendidikan boleh melihat umpamanya.

Kita juga ada mendapat maklumat sikap majikan juga menyumbang kepada pengangguran ini. Ini banyak menunjukkan sebagai majikan mencari pekerja yang berpengalaman dan mereka juga hendak mencari pekerja yang berkemahiran,

berpendidikan dan kadang-kadang ada yang hendakkan penampilan wajah. Kalau cantik okey, tidak cantik mungkin tidak berapa okey.

Kemudian saya harap tidak ada majikan yang menjadikan beberapa sebab untuk mereka tidak mengambil pekerja umpamanya berasaskan sesuatu kaum, agama, pakaian dan sebagainya yang mungkin menjadikan isu-isu sensitif. Saya harap ini tidak ada demi masa depan negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ini panjang lagi yang saya kira dalam soalan pertama ini yang akhirnya ialah langkah-langkah. Hendak baca Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin secara ringkas. Selebihnya maklumat itu mungkin boleh dibuat secara bertulis.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Langkah-langkah saya sebutkan secara ringkas. Antara beberapa langkah yang telah dibuat oleh kerajaan ialah Program Transformasi Ekonomi Negara, ini dasar kerajaan melalui Pembangunan Koridor Utara, Timur, Iskandar dan sebagainya. Program penempatan pekerja yang dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia, yang kita adakan 12 program termasuklah portal *JobsMalaysia*, karnival pekerjaan, penempatan, temu duga terbuka, penempatan separa masa dan lain-lain yang telah pun kita boleh mendapatkan pekerjaan kepada anak muda kita seramai lebih kurang 150,299 orang sehingga bulan Ogos 2013.

Skim Latihan 1Malaysia yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri bersama EPU, Program *Soft Skill*, dan banyaklah program lain yang kalau saya sebutkan semuanya Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah, Program Latihan Pembangunan Modal Insan, Program Kemahiran Siswazah, Program Latihan *Graduate*, Program Pembangunan Perantisan Siswazah dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingat Dato' Boon Som, kalau tidak ada soalan tambahan pun saya ingat sudah cukup banyak. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya fikir maklumat itu cukup penting. Jadi saya kira kalau boleh buat secara bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Terima kasih. Silakan Dato' Boon Som.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang begitu bernas dan penuh dengan fakta dengan suara yang lunak macam P.Ramlee. Saya ingat saya hendak dengar panjang lagi jawapannya.

Jadi sekarang ini kita lihat di hotel, pekerja asing yang tidak kurang kemahirannya. Adakah ia akan menjadi pesaing kepada pekerja-pekerja di Malaysia ini terutama sekali graduan kita? Adakah kerajaan mencadangkan supaya membuat satu program iaitu menawarkan pekerja-pekerja kebanyakannya memilih pekerjaan? Jadi kita tawarkan

pekerjaan kepada masyarakat pedalaman seperti kelulusan SPM dan sebagainya untuk kerja secara kontrak seperti dua tahun kontrak, tiga tahun supaya mereka adakan pekerjaan memandangkan sekarang ini kita tengok harga getah pun jatuh menjunam. Ramai lagi rakyat kita yang akan menganggur. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Sebab itu saya kata tadi kalau saya baca semua jawapannya sudah lengkap. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kita mempunyai 29 juta penduduk. Sebanyak 13 juta adalah tenaga kerja yang sepatutnya bekerja dalam negara kita ini. Sebanyak 1.4 juta ialah sektor awam. Ini maklumat tambahan. Pekerja swasta kita ada enam juta. Pekerja asing sebanyak 2.1 juta. Maknanya pengangguran kita hanya 411,000 sahaja tetapi pekerja asing ada di negara kita ialah sebanyak 2.1 juta.

Walaupun itu sudah menurun daripada Mac 2013 daripada 2.2 juta atas usaha yang dilakukan oleh kementerian saya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain pihak dalam kita cuba melegalizekan, memperaturkan pekerja-pekerja asing ini kita telah dapat menurunkan sebanyak 2.1 juta. Ini bermakna kalau katalah 411,000 ini dapat diisi oleh pekerja kita, kita tidak ada masalah. Sebab itu saya mengatakan bahawa tidak ada pengangguran di negara kita ini. Cuma faktor kenapa pengangguran boleh berlaku? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator usaha dibuat oleh kerajaan umpamanya, saya berterima kasih banyak kerana apa yang kita buat memang ada dalam pemikiran Yang Berhormat Senator. Maknanya pemikiran Senator ini selari dengan kementerian kita maknanya dengan kerajaan. Ini yang kita mahu.

Umpamanya saya beritahu, baru-baru ini dalam bulan September iaitu pada 26 hingga 29 September, kita mengadakan satu KEK iaitu Karnival Kemahiran Malaysia di mana kita menjemput sebanyak 33 buah syarikat swasta yang menawarkan lebih daripada 3,000 pekerjaan dan hari itu sahaja kita telah mendapatkan 400 orang anak muda mendapat *direct* kerja.

■ 1050

Ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita akan panjangkan ke Parlimen-Parlimen, ke kawasan-kawasan Senator supaya apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Senator tadi dapat kita penuhi. Ini kerana seperti mana saya sebutkan tadi, dalam tahun ini sehingga Ogos kita telah dapat memberikan pekerjaan kepada 155,299 orang melalui 12 program termasuklah *Job Fair*, tawaran kerja *direct*. Saya baru-baru ini pergi ke Besut, ke Maran kawasan saya sendiri, di Sarawak pun ada kita buat. Ini usaha yang telah pun dilakukan oleh kerajaan. Cuma, saya berharap kepada pemimpin-pemimpin kita supaya bagaimana kita memberikan kesedaran dan semangat kepada anak muda kita supaya



mereka jangan terlalu selesa berada dalam negara sendiri walaupun kita aman makmur. Kita berikan sokongan kepada Perdana Menteri kita untuk keamanan negara, tetapi rebutlah peluang yang ada kerana ini adalah negara yang cukup istimewa, penuh dengan kekayaan yang perlu kita rebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukup. Terima kasih banyak.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada era kerajaan yang lepas, ada usaha kerajaan untuk menubuhkan kolej-kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membekalkan belia dan beliawanis di setiap Parlimen di Malaysia ini untuk mendapat kemahiran dan sekali gus dapat mengurangkan pengangguran di kalangan belia dan beliawanis kita.

Soalan saya, apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian dalam penubuhan kolej-kolej komuniti di seluruh Parlimen Malaysia ini agar anak-anak muda kita, belia-belie kita dapat dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran seperti mana yang dijalankan di Institut Kemahiran Bina Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran MARA. Jadi, itu sahaja soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kolej komuniti ini di bawah Kementerian Pendidikan. Kalau saya boleh *pass* kepada Timbalan Menteri sebelah ini, saya bagi dia jawab tetapi oleh kerana bukan forum dia, *floor* saya, saya terpaksa memberikan jawapan. Saya pun tidak pandai jawab. Cuma untuk makluman, di samping kolej-kolej yang diadakan di bawah Kementerian Pendidikan, MARA dan sebagainya, kita juga mempunyai kolej ataupun institut latihan kita di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Institut Latihan Perindustrian dan juga ADTEC maknanya *advance institute* di bawah kita di mana kita melatih anak-anak muda kita yang dalam bidang kemahiran ini, elektronik, *electrical* dan sebagainya. Di Malaysia ini kita ada 32 institut latihan kemahiran yang berfungsi sebagai penjana pekerja mahir dan menawarkan latihan kemahiran prapekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah. Jadi ini institut latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia, tidak termasuk kolej komuniti, itu di luar, itu di bawah Kementerian Pendidikan.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya baru pergi ke Jerman pada Julai baru ini, kita bawa 14 orang anak muda kita bersaing di peringkat *World Skills Competition*, pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa. Daripada 14 orang ini, kita mendapat 9 *medallion medal*, *medallion* ini bawah daripada gangsa, emas, perak dan gangsa. Maknanya okey, maknanya negara kita ini memang hebat. Jadi sebab itulah kalau institusi-institusi ini boleh memainkan peranan, saya yakin kita boleh mencapai tahap

negara maju 2020 dengan 50% pekerja mahir iaitu lebih kurang enam juta orang. Terima kasih.

**5. Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan harga barangan dinaikkan berikutan kenaikan harga petrol.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin bertarikh 8 Oktober iaitu hari ini; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertarikh 9 Oktober 2013 dan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertarikh 10 Oktober 2013 yang soalnya menyentuh perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, pertamanya ialah penguatkuasaan undang-undang. Dalam penguatkuasaan undang-undang ini, kita mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan menggiatkan lagi pemeriksaan dan juga pemantauan yang rapi dan menyeluruh melalui pelaksanaan Ops Harga 2013 yang telah pun bermula pada 6 Julai 2013 yang lalu. Ia bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan, memanipulasi harga serta juga mematuhi perundangan yang telah dikuatkuasakan melibatkan tindakan pemeriksaan yang aktif secara penguatkuasaan serta penguatkuasaan yang tegas. Ini telah membuahkan hasil yang positif dan akan diteruskan sehingga akhir tahun 2013 ini.

Keduanya dalam langkah-langkah ini ialah kita menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah, tindakan notis di bawah Akta Kawalan Harga dan juga Anti Pencatutan 2011 akan dikeluarkan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga-peniaga yang gagal ataupun enggan memberi kerjasama ataupun penjelasan terhadap kenaikan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Di dalam penguatkuasaan undang-undang ini juga, kita juga mewajibkan peniaga runcit terutamanya meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah perintah harga kawalan iaitu Penandaan Harga oleh Penjual Runcit 1993. Dengan ini, pengguna boleh mendapat maklumat mengenai dengan harga serta membuat perbandingan harga sebelum melakukan sebarang perbelanjaan ataupun pembelian. Penanda harga ini memberi peluang kepada pengguna-pengguna untuk membuat pilihan untuk membeli barangan pada harga yang berpatutan.

Keempatnya, kita juga melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Ini langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ataupun kementerian. Skim kawalan harga musim ini sebagai satu kaedah untuk menyekat harga yang tidak munasabah yang disebabkan oleh permintaan yang tinggi semasa musim perayaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2013 ini Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah pun dilaksanakan semasa Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan dan Hari Raya Puasa. Skim ini akan terus kita laksanakan bagi perayaan-perayaan Deepavali, Krismas yang akan datang. Ini juga dalam program pemantauan harga.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian secara berterusan menjalankan pemantauan harga untuk mengesan sebarang kenaikan harga di pasaran. Pemantauan ini dilakukan oleh seramai 1,845 pegawai penguatkuasaan dan 1,079 pegawai pemantau harga di seluruh negara dan pemantauan harga dibuat di premis-premis perniagaan secara harian, mingguan dan juga bulanan bagi mengesan status pergerakan harga barangan di pasaran. Jadi, kita sentiasa memantau harga barang-barang ini di tiap-tiap kawasan dan lokasi yang kita rasa perlu untuk dibuat tinjauan.

#### ■1100

Untuk itu juga makluman Yang Berhormat program pendidikan kepenggunaan juga kita buat di mana kementerian menekankan kepada peruntukan kesedaran di kalangan pengguna. Ini yang amat penting kerana pengguna akan bertanggungjawab dalam mengekang kenaikan harga barangan. Ini dilakukan melalui program-program pendidikan kepenggunaan agar mereka menjadi pengguna yang bijak mengetahui hak-hak dan tanggungjawab dan memainkan peranan untuk membantu kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang-barang di seluruh negara. Terima kasih.

**Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya berkenaan dengan harga diedarkan di tiap-tiap kedai ada di mana-mana. Apabila kita tengok banyak tempat walaupun pasar raya atau kedai, tidak nampak harganya diedarkan. So itu yang penting. Sepatutnya penguat kuasa kena ambil tindakan.

Itu yang penting. Selain daripada itu, saya nak tahu pihak berkuasa hanya boleh memantau harga barang-barang kawalan tetapi bagaimana dengan barang-barang bukan kawalan. Apa langkah yang boleh diambil untuk mengelak kenaikan harga barang tersebut? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Mengenai dengan barang-barang bukan barang kawalan, kita juga membuat pemantauan dan kita mengharap supaya pengguna sekiranya harga yang ditawarkan oleh peniaga di luar daripada kebiasaan, terlalu tinggi, pengguna mempunyai hak untuk membuat persoalan ataupun membuat laporan kepada kementerian atau pergi pejabat-pejabat yang sedia ada di daerah dan juga di negeri. Ini kerana kalau peniaga-peniaga ini menaikkan harga yang di luar daripada kebiasaan itu adalah satu perkara yang boleh kita mengambil tindakan melalui undang-undang ataupun akta yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat mengenai dengan penguatkuasaan yang kita jalankan, kita begitu bersungguh-sungguh melaksanakan operasi ataupun kawalan ini kerana untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pencapaian operasi yang kita jalankan mulai daripada 6 Julai kita buat di seluruh negara sebelum perayaan-perayaan dulu dan sehingga ke hari ini pencapaian dalam ops ini begitu menggalakkan. Ini kerana dalam ops ini daripada 6 Julai hinggalah pada 7 Oktober yang lalu iaitu semalam, sebanyak 390,659 pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan di seluruh negara. Tindakan kes yang telah kita ambil, kita memang serius dalam hal ini. Sebanyak 2,917 kes dan jumlah rampasan yang kita buat untuk makluman Yang Berhormat bernilai RM814,451.53. Keseluruhan nilai kompaun yang kita kenakan pada peniaga-peniaga ini ialah RM249,000 lebih.

Jadi kes-kes yang dihasilkan merupakan 2,085 kes di bawah kesalahan tidak meletakkan tanda harga ataupun senarai harga barang yang dijual dan 9 kes di bawah kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan 825 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat. Jadi ini ops yang kita buat untuk memantau supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi harga barang-barang yang kita kawal dan kalau barang-barang yang kita tidak kawal, pengguna mempunyai hak untuk membuat laporan kepada pejabat-pejabat kita di negeri dan juga daerah. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Bila harga naik, rakyat rasa susah dan sedih. Akan tetapi sebaliknya perniagaan yang orang meniaga rasa sangat suka hati sebab mereka boleh untung melalui kenaikan harga. Ambil contoh, gula naik harga sehingga 20 sen sahaja tetapi setiap cawan kopi naik 10 sen.

Jadi yang ini berlaku seluruh negara. Jadi saya fikir pemantauan oleh kementerian belum cukup dan tegas untuk mencegah masalah tersebut. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita akui ada peniaga-peniaga yang menaikkan harga mengikut suka hati apabila harga subsidi minyak dikurangkan, depa ambil kesempatan untuk menaikkan harga tetapi yang pentingnya Yang Berhormat ialah kerjasama daripada orang ramai ataupun pengguna untuk membantu kerana peniaga-peniaga yang ada di seluruh negara begitu banyak jumlahnya. Jadi kita memerlukan kerjasama daripada pengguna terutamanya untuk melaporkan kepada kita sekiranya terdapat rasa ketidakpuasan hati di atas harga-harga yang diberi oleh peniaga-peniaga. Contohnya restoran seperti Yang Berhormat sebut tadi, teh naik 10 sen, 20 sen dan makanan roti canai dan sebagainya. Sekiranya terjadi, kita minta supaya orang ramai membantu kita untuk membuat laporan supaya lawatan segera boleh dibuat oleh penguat kuasa di seluruh negara.

Kita juga ada membuat pemantauan secara rambang. Sekiranya terdapat laporan secara khusus di restoran mana-mana ataupun di tempat mana-mana, kita akan terus membuat lawatan ke situ dan membuat tinjauan mengenai aduan-aduan yang dibuat. Kita akui memang kesempatan ini diambil oleh peniaga-peniaga di seluruh negara untuk menaikkan barang-barang bukan sahaja di restoran-restoran tetapi juga di kedai-kedai runcit yang lain. Jadi itulah kita minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, supaya kerjasama daripada pengguna kerana pengguna mempunyai hak yang cukup besar untuk memastikan membantu kerajaan supaya kita pengguna jangan dianiaya oleh peniaga-peniaga yang sentiasa memikirkan keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan beban yang ditanggung oleh rakyat di seluruh negara. Terima kasih.

**6. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

- (a) sejak MIMOS Berhad ditubuhkan pada tahun 1985, berapakah jumlah dana R&D yang diperuntukkan dan berapakah jumlah dana secara purata setiap tahun; dan
- (b) daripada bilangan projek dan dana tersebut berapakah yang telah dikomersialkan dan berapakah nilai (RM) produk-produk yang telah dikeluarkan hasil daripada R&D dan jumlah peluang pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan dan apakah kriteria yang digunakan untuk memilih syarikat yang akan menerima hasil R&D yang boleh dikomersialkan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Khalid yang menanyakan soalan. Saya seperti yang dimaklumkan saya mohon menjawab pertanyaan ini bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya akan mengambil sedikit masa untuk menjawab kerana ia agak panjang ya. Untuk makluman Dewan yang mulia, MIMOS telah ditubuhkan pada tahun 1985 sebagai satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menerajui penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi maklumat dan komunikasi dan mikroelektronik bagi memenuhi keperluan negara dalam membangunkan industri tempatan elektronik dan semikonduktor daripada hanya menjalankan aktiviti pembungkusan, pemasangan dan pengujian kepada aktiviti yang mempunyai nilai yang lebih tinggi dari segi *upstream* dengan izin dan *downstream*.

Mulai tahun 2006, mandat MIMOS hanya memfokuskan kepada R&D untuk persaingan nasional dan menjana syarikat teknologi yang baru. MIMOS tidak lagi menjalankan aktiviti perniagaan mulai tahun 2006. Dalam tempoh RMKe-7 iaitu antara sekitar 1996 hingga tahun 2000, MIMOS telah diperuntukkan siling bagi lima projek berjumlah RM1,437 juta ataupun RM1.4 bilion. Secara purata jumlah dana yang diterima tahunan dalam RMKe-7 ialah sebanyak RM287 juta.

**■1110**

Manakala dalam tempoh RMKe-8 di antara 2001 hingga 2005, MIMOS telah diperuntukkan siling bagi 12 projek yang berjumlah RM858 juta. Secara purata, jumlah dana yang diterima tahunan dalam RMKe-8 ialah sebanyak RM171 juta. Dalam tempoh RMKe-9 iaitu di antara 2006 hingga 2010, peruntukan sebanyak RM400 juta telah disediakan bagi melaksanakan 15 projek R&D. Secara purata, jumlah dana yang diterima tahunan dalam RMKe-9 ialah RM80 juta. Bagi tiga tahun pertama dalam RMKe-10 iaitu antara sekitar 2011 hingga 2013, MIMOS telah diperuntukkan siling sekali lagi bagi tujuh projek R&D yang berjumlah RM150 juta. Secara purata jumlah dana yang diterima tahunan dalam tiga tahun untuk RMKe-10 ialah RM50 juta.

Mengenai persoalan produk R&D, potensi peluang pekerjaan dan kriteria pembelian syarikat bagi tujuan pengkomersialan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, MIMOS telah memberi tumpuan kepada pembangunan teknologi teras ataupun *core technologist* dengan izin mulai tahun 2006. Sepanjang tiga tahun terakhir iaitu RMKe-9 iaitu antara 2008 hingga 2010, MIMOS telah berjaya membangunkan 16 *research laboratory prove of concept* dengan izin, 18 *technology platforms* dengan izin dan 23 produk ataupun solusi yang dipindahkan kepada penerima teknologi tempatan untuk dikomersialkan.

Teknologi yang dihasilkan oleh pihak MIMOS melalui *market funnel* adalah berjumlah RM1.01 bilion. Sepanjang dua tahun pertama RMKe-10 antara 2011 hingga 2012, MIMOS telah menerajui dan membangunkan 50 *research laboratory prove of concept* dengan izin, 19 *technology platforms*, 30 produk dan telah memindahkan teknologi kepada 40 penerima teknologi yang berjaya menjana sekitar RM1.9 bilion, melalui *market funnel* sehingga hujung tahun 2012. *Market funnel* ini adalah peluang perniagaan yang ditaja oleh teknologi MIMOS.

Penerima teknologi MIMOS juga dapat menghasilkan nilai pengkomersialan sebanyak RM263 juta pada tahun 2012 sahaja. Secara kumulatif melalui *market funnel*, sebanyak RM4.6 bilion telah dihasilkan di samping nilai pengkomersialan berjumlah RM398 juta. Penghasilan nilai dari segi pengkomersialan teknologi telah meningkatkan keyakinan industri tempatan khususnya penerima teknologi MIMOS untuk bersaing di luar negara dan ini juga membantu mengukuhkan ekosistem ICT negara.

Sehingga Ogos 2013, MIMOS telah memfailkan sebanyak 741 *pattern* dengan MyIPO, 500 *pattern* difailkan di peringkat antarabangsa melalui *pattern cooperation treaty (PCT)* di bawah seliaan *World Intellectual Property Organization (WIPO)* dengan izin dan 102 paten di pelbagai negara luar. Di antara tahun 2009 hingga 2011, MIMOS telah menyumbang sebanyak 40% daripada permohonan paten antarabangsa untuk Malaysia. Ini telah menyumbang kepada daya saing negara kerana bilangan paten yang difailkan adalah salah satu *indicator* tahap inovasi yang diukur oleh *World Economic Forum (WEF)*, dengan izin.

Bilangan permohonan melalui PCT telah meningkatkan kedudukan MIMOS ke tangga keenam pada tahun 2012 berbanding tangga ketujuh pada tahun sebelumnya, di kalangan institusi penyelidikan kerajaan di peringkat antarabangsa. Dari segi keupayaan mereka bentuk produk, MIMOS berada pada tangga ke empat pada tahun 2012 berdasarkan penilaian oleh *Red Dot Institute Essen Germany* iaitu sebuah *design studio* yang paling unggul di dunia. Sebanyak 517 peluang pekerjaan telah dijana oleh sembilan buah anak syarikat MIMOS. Ini tidak termasuk bilangan pekerjaan telah dijana oleh penerima teknologi MIMOS. Syarat pemilihan sebagai syarikat penerima hasil R&D MIMOS adalah pendaftaran sebagai syarikat di Malaysia, mempunyai projek sedia ada serta keupayaan untuk membangun teknologi dan mengurus projek sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ini berangkai sedikit. Apakah bentuk kerjasama antara kerajaan dan agensi-agensi lain dalam mempromosikan dan mengkomersialkan

hasil penyelidikan, baik di peringkat dalam negeri dengan pihak swasta mahupun di peringkat antarabangsa.

Apakah sumbangan MIMOS dari segi aplikasi ICT dalam sektor pertanian serta apakah bidang-bidang utama R&D yang sedang ditumpukan oleh MIMOS dan apakah rasionalnya pemilik bidang-bidang tersebut. Akhir sekali, apakah sumbangan MIMOS di dalam bidang *information* dan apakah kementerian bercadang untuk mencantumkan siber seperti Malaysia dengan MIMOS. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Senator. Saya tidak mempunyai perincian bagaimana dan sebagainya sekarang dan kalau boleh saya minta untuk menjawab secara bertulis, terhadap soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh. Terima kasih. Soalan tambahan. Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin bertanya sedikit kepada MIMOS Berhad. Saya ingin tahu bagaimana MIMOS dapat memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar IPTA dan IPTS, kerana sebagaimana yang kita tahu, bidang penyelidikan ini adalah amat penting untuk melahirkan modal insan yang berteknologi tinggi. Jadi adakah perancangan MIMOS untuk membantu pelajar-pelajar di bidang teknikal seperti mekanikal dan *electrical* yang boleh kita hasilkan paten-paten yang lebih baik. Maknanya *linking*, dengan izin antara MIMOS dan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada jawapankah? Kalau tidak, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyuruh Menteri yang berkenaan untuk membuat jawapan secara bertulis dan terperinci. Terima kasih.

**7. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah program khusus yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan awal kanak-kanak dan sejauh mana keberkesanannya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk merangka kurikulum khusus kepada anak-anak Orang Asli pada peringkat prasekolah yang merangkumi kandungan pembelajaran dan kaedah pengajaran kepada guru-guru pelajar prasekolah anak Orang Asli.



**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan nombor tujuh daripada Yang Berhormat Senator, kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah, ada dan sedang melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan awal kanak-kanak. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Program Ibu Bapa Penggalak Pembaca. Program ini melibatkan kaum ibu di perkampungan Orang Asli, di mana mereka dilatih dan dibimbing dengan teknik dan budaya membaca yang betul di samping ditanamkan minat dan sikap kesedaran terhadap pendidikan yang berterusan kepada kanak-kanak. Sebanyak 25 buah kelas telah diwujudkan di perkampungan Orang Asli dengan penglibatan ibu-ibu seramai 81 orang sebagai tenaga pengajar dan seramai 424 orang kanak-kanak yang telah mengikuti kelas ini. Kesan dari pelaksanaan program ini, didapati kanak-kanak mempunyai keyakinan diri untuk melangkah ke tabika, berdikari serta peningkatan jumlah kemasukan ke sekolah rendah semakin meningkat setiap tahun;
- (ii) Program Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP). Program ini diwujudkan khas ataupun khusus untuk golongan dewasa iaitu Masyarakat Orang Asli – ibu bapa-ibu bapa di kawasan pedalaman. Program ini bertujuan untuk membasmi kadar buta huruf di samping meningkatkan minat dan kesedaran terhadap pendidikan terhadap pendidikan kepada anak-anak mereka. Sehingga kini, sebanyak 87 buah kelas telah ditubuhkan dengan seramai 89 orang tenaga pengajar dan 2,465 orang dewasa Orang Asli sebagai peserta. Pelaksanaan program ini telah memberikan impak positif di mana peserta program telah mampu mengenal huruf dan angka di samping dapat menyebut serta menulis perkataan dan angka tersebut dengan betul;
- (iii) Program Pembangunan Minda Insan (PPMI). Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Masyarakat Orang Asli mengenai maklumat semasa berkaitan dasar-dasar kerajaan di samping menyediakan perkhidmatan secara terus kepada golongan

sasar seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan masyarakat, pendaftaran pemilih, pendaftaran ahli pertubuhan keselamatan dan temu duga pekerjaan secara terbuka.

■1120

Perlaksanaan program ini telah berjaya meningkatkan kefahaman dan kesedaran golongan ibu bapa termasuklah belia dan beliawanis tentang peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.

Tuan Yang di-Pertua, program pra sekolah yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS. Sehubungan itu kurikulum prasekolah adalah tertakluk kepada kedua-dua kementerian dan agensi tersebut. Walau bagaimanapun pihak JAKOA akan sentiasa memberi pandangan dan maklum balas kepada mereka bagi meningkatkan mutu pendidikan dan pengajaran program tersebut. Sekian terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang cukup baik dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa kejayaan prasekolah bukan sahaja memerlukan prasarana yang baik tetapi juga kesedaran ibu bapa secara menyeluruh adalah sangat penting. Saya berpandangan bahawa untuk anak-anak Orang Asli ini persediaan dari segi emosi dan kemahiran sosial kanak-kanak perlu diberikan perhatian yang sewajarnya terutamanya di peringkat prasekolah lagi untuk persediaan mereka ke alam persekolahan yang sebenarnya.

Oleh itu soalan tambahan saya, bagaimanakah kementerian memberi perhatian kepada isu persediaan dari segi emosi dan juga apakah contoh-contoh program yang dijalankan untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran sosial kanak-kanak ini dan bagaimanakah keberkesannya akan dipantau? Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang betul pendidikan bukan hanya sekadar kita menyediakan prasarana yang terbaik akan pengisiannya tetapi yang penting juga pemantauannya perlu kita buat yang terbaik. Jadi untuk menjawab Tuan Yang di-Pertua, pendekatan kementerian memberi perhatian kepada isu persediaan dari segi emosi adalah dengan mengadakan banyak program yang berbentuk pembangunan minda dan modal insan yang mempunyai atau berkaitan dengan elemen perubahan dan kesediaan emosi.

Contoh-contoh program ini untuk kemahiran sosial kanak-kanak Orang Asli ini adalah program-program formal seperti kita mengadakan kelas tabika dan taska serta program-program khas seperti program sukaneka, program minda lawatan sambil belajar,

kem-kem motivasi yang kita adakan dan sediakan untuk mereka ini serta ceramah-ceramah perubahan minda. Manakala cara kita untuk memantau keberkesanan program-program seperti yang telah saya sebutkan tadi, pemantauan ini kerap kali diadakan, perbincangan dengan pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru-guru, dari jabatan dan sebagainya. Mereka yang berhak, *stakeholders* boleh dikatakan begitu yang berkaitan dengan kemajuan masyarakat Orang Asli ini yang kita tingkatkan secara langsung di antara semuanya.

Jadi soal ibu bapa dan guru-guru ini kita anggap sebagai satu pertubuhan atau kaedah yang begitu penting kerana kedua-dua pihak ini adalah mereka yang secara langsung bersama kanak-kanak masyarakat Orang Asli. Kita juga mengadakan hari terbuka untuk semua pihak ini agar boleh berkumpul dan bertukar fikiran ataupun hari laporan kad prestasi anak-anak mereka di kelas dan ini adalah contoh-contoh cara kita memantau keberkesanan kaedah-kaedah yang telah saya sebut tadi. Sekian terima kasih.

**8. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan usaha-usaha terkini dan kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh Perbadanan Pembangunan Kampung Baru setelah lebih satu tahun perbadanan itu wujud dengan pelantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Perbadanan seperti diperuntukkan oleh Akta khas yang diluluskan oleh Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) pada penghujung tahun lalu, 2011 yang lalu.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Perbadanan Kampung Baru atau PKB telah diwartakan sebagai Badan Berkanun Persekutuan secara rasmi pada 1 April 2012. Ia berperanan sebagai penggerak utama dan pemudahcara dalam membangun dan memperkasakan semula Kampung Baru, Kuala Lumpur. Sejak mula beroperasi pada 1 September 2012, PKB telah menggariskan hala tuju strategik pembangunan semula Kampung Baru melangkaui 2020 serta mengisinya dengan melaksanakan 22 inisiatif strategik PKB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi turun padang adalah satu cara yang telah dilaksanakan. Selain daripada itu kita juga telah menyediakan pelan induk terperinci pembangunan Kampung Baru dan kita juga telah memulakan pembangunan semula pasar Jalan Raja Bot yang melibatkan 1527 orang penjaja yang kini sedang giat

dilaksanakan. Ia dibangunkan secara berperingkat dengan empat fasa menurut zon melalui pendekatan secara *in situ*.

Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat pembangunan prasarana Kampung Baru yang merupakan projek-projek *touch point* bernilai RM13.65 juta juga telah siap dilaksanakan untuk menaik taraf jalan-jalan utama di dalam Kampung Baru. Penyediaan Rancangan Projek Pemangkin, *rolling plan* ke-4 (RP4) atau Rancangan Malaysia Kesepuluh yang melibatkan sembilan projek utama Kampung Baru yang akan dilaksanakan 2011 hingga tahun 2015.

Kita juga telah menyediakan buku Garis Panduan Pembangunan Hartanah Kampung Baru yang telah diterbitkan pada Jun 2013. Penyediaan pelan pewartaan kawasan operasi pembangunan Perbadanan Kampung Baru (PKB) di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, [Akta 733] kini adalah dalam peringkat akhir semakan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Setelah diperhalusi oleh Jabatan Peguam Negara kelak, pewartaan kawasan operasi PKB ini dijangka akan diisytiharkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada Disember 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir Ogos 2013 sebanyak empat sesi *engagement* khas berupa sesi pemudahcaraan PKB yang melibatkan tujuh siri perbincangan prospek hartanah antara kumpulan pemilik-pemilik tanah dengan pemaju-pemaju berpotensi bagi mencetuskan pembangunan pemangkin sebagai *catalyst development* antara kumpulan pemilik Jalan Watson, Jalan Hamzah seluas 214,806 kaki persegi dan selanjutnya.

Usaha PKB sebagai pemudah cara dalam menggerakkan projek-projek mega oleh pemilik-pemilik tanah utama seperti cadangan satu blok pembangunan bercampur 40 tingkat Mercuri Zikir, Jalan Raja Abdullah. Cadangan satu blok pembangunan bercampur 37 tingkat Tetuan Pembangunan Mas Melayu, Jalan Raja Abdullah. Cadangan satu blok Safwan *Suite Service Apartment* 34 tingkat Jalan Raja Abdullah, cadangan satu blok Safwan *Residence Service Apartment* 39 tingkat Jalan Raja Uda dan cadangan projek pembangunan semula tapak Pasar Minggu Kampung Baru.

Program Pembangunan Usahawan Kampung Baru dengan peruntukan RM2 juta merupakan inisiatif PKB bersama agensi-agensinya utama kerajaan seperti TERAJU, MARA dan PNB bagi membangunkan modal insan. Pertamanya Pembangunan Usahawan Kampung Baru khususnya kepada generasi muda, ibu tunggal dan penjaja juga dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, usahanya kini sedang giat dijalankan bagi menggalakkan pembangunan Kampung Baru melalui usahasama pemaju-pemaju berwibawa termasuk syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang saya rasa cukup komprehensif.

■1130

Cuma saya minta supaya maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat menteri itu tadi disebar luaskan supaya lebih ramai yang tahu sebab terus terang, saya memang orang Kampung Baru tetapi maklumat Yang Berhormat berikan itu tadi tidak tersebar luas sehingga ada tanggapan-tanggapan yang negatif. Jadi maklumat itu cukup bagus dan ternyata kemajuan yang dicapai cukup banyak. Cuma yang saya harapkan supaya maklumat itu disebar luaskan.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya sedikit tentang yang tidak termuat dalam jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai sikap penduduk. Adakah seumpamanya sekarang penduduk Kampung Baru sudah memberikan kerjasama yang selama ini susah didapati. Jadi dengan adanya perbadanan ini, adakah sikap penduduk bertukar? Satu lagi yang saya harapkan Yang Berhormat ialah supaya di dalam membangunkan kembali Kampung Baru ini, selain daripada aspek-aspek fizikal atau aspek-aspek sosioekonomi yang tidak kurang pentingnya diberi perhatian ialah signifikan sejarah Kampung Baru itu terhadap pembangunan politik negara kita ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya pernah mengatakan dahulu bahawa Kampung Baru ini adalah merupakan urat nadi sosiopolitik bangsa Melayu. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang telah saya sebut terlebih awal tadi kita ada sesi *engagement* atau pun turun padang yang kita panggil TUPA. Untuk makluman Yang Berhormat kita bertemu dengan semua pemilik, pewaris tanah di dalam Kampung Baru termasuk tujuh kampung di bawah *Malay Agricultural Settlement* Kampung Baru yang melibatkan 1,381 lot tanah dengan lebih 4,700 orang pemilik berdaftar. Hasil daripada turun padang ini di tiga buah kampung iaitu Kampung Periuk, kampung Hujung Pasir dan Kampung Masjid didapati penerimaannya amat positif sekali dan saya sendiri untuk makluman Ahli Yang Berhormat, telah turun sebanyak dua kali.

Saya hairan kalau Yang Berhormat kata tidak dapat maklum balas, ini adalah satu perkara saya akan tanya dengan pihak PKB, kenapa Yang Berhormat tidak mendapat

maklum balas. Oleh sebab kalau Yang Berhormat penduduk Kampung Baru dan pemilik atau pewaris tanah Kampung Baru, mereka sepatutnya jemput Yang Berhormat kerana saya mengadakan sesi pertemuan dengan ahli-ahli keluarga pewaris dan juga pemilik tanah dalam Kampung Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih daripada 80% pemilik dan pewaris menyokong usaha pembangunan semula Kampung Baru. Untuk sesi turun padang ini, empat kampung selanjutnya akan juga dilaksanakan iaitu Kampung Paya, Kampung Paya Atas A, Kampung Paya Atas B dan Kampung Pindah. Barangkali ini kawasan, tempat duduk Yang Berhormat saya tidak tahu. Ini belum lagi kita bertemu dan *insya-Allah* pada bulan Oktober ini atau pun akhir November ini kita akan bertemu dengan penduduk-penduduk dalam kawasan ini untuk memberi penjelasan berhubung dengan usaha-usaha murni kerajaan mengenai pembangunan semula Kampung Baru kepada pemilik dan pewaris tanah. Yang penting untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang melaksanakan apa yang hendak kita laksanakan untuk kawasan Kampung Baru ini dari segi sejarah dan sebagainya.

Hanya saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pewaris, kalau sudah duduk dalam Kampung Baru ini kita mesti rasional dan kita juga mesti praktikal kerana kebanyakan mereka akan mengira berapa yang mereka boleh dapat. Saya selalu sebut kepada pemilik dan pewaris, apa yang kita kira kalau kita kali dengan kosong akhirnya ia jadi kosong juga. Jadi kalau boleh marilah kita bersama-sama dengan kerajaan untuk kita memajukan kampung ini supaya kita dapat mempertontonkan kepada orang luar negara inilah kampung Melayu tradisi yang dapat dibangunkan oleh kerajaan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Menteri sendiri datang dan menjawab ini petanda baiklah itu. *Sekali air bah, sekali pasir berubah. Insya-Allah.* Seterusnya soalan tambahan yang kedua. Silakan.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasihlah Yang Berhormat Tengku kerana datang sendiri ke Dewan yang mulia ini. sebenarnya saya hendak tanya soalan kedua tadi yang telah pun disentuh oleh kawan saya di depan. Yang Berhormat, dalam jawapan itu Yang Berhormat telah mengatakan bahawa 80% daripada penduduk telah memberi sokongan. Kalau kita ingat awal-awal dulu banyak yang tidak menyokong. Macam-macam alasan. Soalan tambahan saya ialah yang sebenarnya daripada 20% yang bantah ini, kebanyakannya apakah alasannya? Adakah alasan ini semata-mata emosi atau pun sebaliknya? Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang telah saya sebutkan kepada Yang Berhormat Dr. Firdaus tadi bahawa saya sendiri telah turun ke Kampung Baru sebanyak dua kali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya pun anak Kampung Baru. Saya sedar apa yang berlaku dalam Kampung Baru ini mesti kita selesaikan dengan cara terbaik mungkin demi untuk memastikan bahawa kepentingan orang Melayu dalam kampung ini tidak terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat berkaitan 20% ini kebanyakannya seperti saya sebut tadi ialah kerana emosi dan mereka kadang kala kurang faham dan mereka tidak tahu bahawa PKB ditubuhkan sebagai satu agensi untuk menjadi pemangkin atau *catalyst* kepada pembangunan untuk Kampung Baru dan PKB bukanlah merupakan pemaju untuk memajukan Kampung Baru. Ia satu perbadanan yang diwujudkan oleh kerajaan untuk menjadi pemangkin untuk merapatkan di antara pewaris, pemilik dan juga pemaju-pemaju dalam negara ini. *Insyah-Allah* saya berkeyakinan selepas akhir bulan Oktober ini atau pun November saya bertemu dengan tiga kampung lagi, saya akan menyelesaikan masalah 20% yang masih lagi kabur dan masih lagi tidak faham.

Akan tetapi yang pentingnya saya merayu kepada semua pihak marilah kita bersama-sama untuk kita memastikan bahawa apa yang kita hendak laksanakan dalam kampung ini dapat kita laksanakan dengan terbaik mungkin dan janganlah kita emosi dan janganlah kita sebagai rakyat kita ingat tanah di sebelah kita harga begitu tinggi dan kita hendak harga seperti apa yang berlaku di sebelah tanah kita seperti yang saya sebutkan tadi, apa yang harga kita hendak kalau kali dengan kosong ia akan jadi kosong juga. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana Yang Berhormat Menteri menjawab saya membenarkan seorang lagi, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon. Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon ini orang Tionghoa, macam mana agaknya orang Kampung Baru punya hal. Silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Yang Berhormat, galian emas sangat ada berkaitan dengan sayalah di kawasan Raub yang sudah jadi *national issue* kan? Jadi apakah pandangan Menteri tentang isu di Raub ini iaitu operasi mendapatkan emas dengan cara dikatakan sudah jadi isu *national* dengan cara *cyanide operating*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bertanya ini ada berkenaan dengan Kampung Baru atau hal apa ini Yang Berhormat? Lain daripada Kampung Baru?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak, tidak, lain...lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain hal tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh, tidak boleh. Saya persilakan, agaknya yang di belakang itu Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya merujuk kepada Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Baru 2011 iaitu [*Akta 733*] ada menyebut pelantikan pegawai eksekutif perbadanan tersebut. Saya hendak tanya apakan kriteria pelantikan tersebut dan apakan persediaan pelantikannya. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat tanya berkenaan dengan emas. Dia ingat saya cakap berkenaan dengan 'emas'. MAS ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat ialah *Malay Agricultural Settlement area* bukan emas seperti emas permata atau pun emas yang kita pakai dekat tangan. Jadi itu kesilapan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan pelantikan ketua eksekutif. Kriteria yang telah kita tetapkan ialah seperti mana yang kita hendak mengambil orang untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang *chief executive* dalam sebuah syarikat. Jadi apa yang telah kita laksanakan, kita telah melaksanakan saringan-saringan dan sekarang kita mempunyai seorang *chief executive* yang melaksanakan amanah dengan penuh bertanggungjawab dan beliau selalu saja turun ke padang untuk memastikan bahawa apa persoalan dan apa pertanyaan daripada pewaris atau pemilik tanah dapat dijawab dan beliau juga bersama-sama dengan saya kadang kala kita turun ke padang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan. Sekian terima kasih.

#### ■1140

**9. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jenis-jenis galian yang ada, kawasan-kawasannya, jumlah hasil tahunannya; dan
- (b) adakah kawasan-kawasan galian baru terutama bijih besi dan emas dijumpai. Jika ada nyatakan tempat dan jumlahnya.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang



Berhormat, terdapat tiga kategori galian ataupun mineral yang diusahakan di Malaysia iaitu seperti berikut:

- (i) mineral berlogam seperti bijih besi, emas, bijih timah, bauksit dan mangan;
- (ii) mineral bukan logam seperti agregat batuan, pasir dan kerikil, tanah liat, batu kapur, pasir silika, *barite*, *fluorspar* dan *mica*; mineral tenaga iaitu arang batu;
- (iii) mineral berlogam seperti zirkon, *illmenite*, ***struverite***, *rutile* dan nadir bumi pula dihasilkan sebagai produk sampingan daripada perlombongan timah; dan
- (iv) mineral perak yang dihasilkan daripada perlombongan emas.

Taburan galian ataupun mineral utama di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) bijih besi terletak ataupun terdapat di negeri Pahang, Johor, Kedah dan Terengganu;
- (ii) emas terdapat di Pahang, Kelantan, Johor dan Terengganu;
- (iii) bijih timah terdapat di Perak, Pahang, Johor dan Kedah;
- (iv) kaolin terdapat di Perak dan Johor.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil sumber mineral yang dikutip melalui royalti, ses dan lain-lain caj adalah milik kerajaan negeri masing-masing. Kementerian ini tiada maklumat mengenai hasil mineral yang dikutip oleh kerajaan negeri. Untuk makluman, pada tahun 2012, nilai pengeluaran mineral negara telah meningkat kepada RM6.38 bilion berbanding RM6.26 bilion bagi tahun 2011.

Jawapan untuk soalan (b). Tidak ada kawasan bijih besi dan emas yang baru ditemui. Apa yang diusahakan sekarang ialah kawasan enapan lama yang kini berpotensi ataupun *viable* disebabkan harga pasaran global kini lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai lagi pelabur-tempatan yang terlibat secara langsung dalam usaha cari gali tanpa bergantung kepada usaha sama dengan pelabur-pelabur asing? Sebab sekarang ini, apa juga galian yang disebutkan tadi, semuanya bergantung kepada JV antara pengusaha luar dengan tempatan walaupun sudah lama galian emas, bijih besi dan lain-lain ditemui. Apakah usaha kerajaan bagi membantu rakyat tempatan atau pelabur tempatan berdikari? Itu nombor satu.

Nombor dua, kalau usaha cari gali daripada pelabur luar, apakah syarat-syarat, *terms and conditions* dengan izin, yang dikenakan kepada pelabur-pelabur asing dalam usaha cari gali sebarang galian yang ditemui di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk menjawab soalan tambahan yang pertama, sememangnya sudah ramai pelabur-pelabur tempatan sudah pun menceburkan diri mereka dalam usaha untuk menjalankan cari gali ini di negara kita. Memang sudah ramai. Ada pun yang ada *joint venture* adalah di antara mereka yang tidak mempunyai pengalaman tetapi mereka yang sudah mempunyai pengalaman begitu lama, mereka sendiri yang buat. Saya boleh sebut ini sebab di Sarawak, untuk cari gali yang dilakukan sekarang adalah syarikat-syarikat tempatan.

Kedua, pelabur luar yang masuk. Ini terpulang kepada pengusaha-pengusaha kerana mereka yang tidak ada pengalaman, tidak ada ilmu pengetahuan dalam bidang ini, mungkin mereka kena bawa pelabur-pelabur dari luar negara untuk membantu mereka membuat tugas cari gali ini. Saya tahu disebabkan nama-nama syarikat seperti Raub Australian Gold Mine (RAGM) di Raub. Ini sebenarnya kepunyaan orang tempatan. Tidak ada JV dengan syarikat di Australia lagi. Tidak ada lagi. Jadi oleh itu, nama itu mungkin dikekalkan kerana nanti untuk jualan di pasaran luar negara. Kadang-kadang pasaran di luar negara, mereka melihat ataupun menilai sama ada syarikat-syarikat ini ada kepakaran dan pengalaman ataupun tidak. Jadi, itulah yang telah berlaku.

Walaupun demikian, sememangnya kerajaan menggalakkan orang-orang tempatan yang ingin melabur di dalam industri cari gali di mana-mana pun. Oleh itu, di Semenanjung Malaysia, memang di dalam perundangan bahawa orang perseorangan tempatan boleh memohon lesen untuk cari gali. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Lim sebagai orang Pahang juga ya?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya minta maaf. Kesilapan saya tadi. Sebenarnya soalan saya. *[Disampuk][Ketawa]* Jadi, seperti yang saya kata tadi, yang perlombongan emas ini memang berkaitan dengan saya sangat dan disebut tadi nama itu, memanglah bukan orang asing, orang tempatan. Kita pun kenal. Soalan saya, perlombongan emas di Raub sudah jadi *national issue* dengan operasinya mendapatkan emas dengan cara menggunakan *cyanide*. Jadi, saya ingin tahu di manakah perlombongan emas di Malaysia yang bukan guna cara *cyanide*? Sebab ini penting untuk semua orang faham dan jangan diperbodohkan oleh pihak tertentu. Terima kasih.

## ■1150

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Itu adalah soalan yang baik, betul. Kita tidak mahu rakyat diperbodohkan kerana kegunaan *cyanide* untuk pemprosesan emas. Kegunaan *cyanide* untuk pemprosesan emas di merata-rata dunia tidak ada menggunakan bahan kimia yang lain, hanya *cyanide* sahaja. Akan tetapi, di dalam dunia ini kegunaan *cyanide* untuk pemprosesan di dalam lombong emas ini hanyalah 8% daripada keseluruhan isi padu *granite* di dalam dunia ini. Yang lebih adalah untuk digunakan lebih daripada 50% untuk digunakan untuk membuat plastik yang kita pakai setiap hari. Beli barangan pakai plastik masuk dalam beg itu. Itu *cyanide*.

Di dalam pemprosesan sedimen emas ini di dalam kilang seperti di Raub, satu kilogram *cyanide* dimasukkan di dalam satu tan sedimen emas. Satu tan air itu, air emas satu kilogram sahaja. Selepas itu, air itu dikeluarkan ianya dirawat. Apabila dirawat sebab ianya sudah menjadi hidrogen *cyanide*. Hidrogen adalah gas naik ke atas, *cyanide* ini diasingkan dan diambil balik, di kitar semula, diguna pakai lagi. Jadi ini yang perlu rakyat tahu. *Cyanide* ini bukannya tiada di dalam makanan. Kita makan ubi kayu bukan? Siapa tidak makan ubi kayu ataupun siapa makan ubi kayu? Di dalam ubi kayu ada *cyanide*. *Cyanide* masuk di dalam badan kita juga tetapi dengan isu padu yang rendah, tidak mengapalah banyak lagi bahan-bahan beracun masuk di dalam badan kita tetapi boleh diasingkan oleh sistem di dalam badan kita. Sekian, terima kasih.

## ■1153

**10. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan, perancangan kerajaan untuk memastikan pembangunan di kawasan bandar tidak meminggirkan golongan bumiputera yang sejak akhir-akhir ini terpinggir menyebabkan berlakunya penghijrahan ke pinggir-pinggir bandar dan luar bandar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, menurut perangkaan tahun 2012 Malaysia mempunyai sejumlah 6.38 juta orang isi rumah dan 2/3 daripadanya adalah isi rumah bumiputera dan 1/3 bukan bumiputera. Daripada 6.38 juta orang isi rumah ini, 4.6 juta isi rumah terletak di bandar iaitu 72.1% manakala 1.78 juta orang isi rumah terletak di luar bandar iaitu sebanyak 27.9%.

Daripada kalangan 4.24 juta orang isi rumah bumiputera, 63% terletak di bandar dan 37% di luar bandar. Daripada kalangan 2.14 juta orang isi rumah bukan bumiputera,

89.8% di bandar dan 10.2% di luar bandar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai program secara berterusan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam aktiviti pembangunan di kawasan bandar. Di dalam tempoh jangka masa Rancangan Malaysia Kesepuluh sendiri, isi rumah bumiputera di bandar diberi perhatian khusus melalui pelbagai program peningkatan pendapatan dan juga pembangunan kualiti hidup keseluruhannya. Mungkin saya boleh nyatakan enam program tersebut:

- (i) dari segi mempergiatkan Program Perumahan Mampu Milik serta penyediaan perumahan kos rendah di kawasan bandar. Jadi dalam Bajet 2013, sebanyak RM1.0 bilion telah pun diperuntukkan untuk membina 123,000 unit rumah mampu milik dan rumah kos rendah. Ini dilaksanakan melalui PR1MA, SPNB dan juga Jabatan Perumahan Negara. Kebanyakan rumah-rumah ini dibina di kawasan bandar;
- (ii) menubuhkan Pusat Kemahiran Industri Khusus berasaskan keperluan di lokasi sasaran;
- (iii) memperluaskan Program Sokongan Enterprise Makro bagi isi rumah bumiputera 40% terendah di bandar;
- (iv) melaksanakan Dasar Gaji Minimum yang turut membantu golongan bumiputera untuk menampung isu kenaikan kos sara hidup;
- (v) untuk memperluaskan akses kepada kemudahan penjagaan kesihatan melalui Klinik 1Malaysia yang akan diperluaskan dengan menyediakan perkhidmatan kepada isi rumah miskin di bandar dan di kawasan yang mengalami kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan.

Jadi dengan pelaksanaan program-program tersebut, jumlah pendapatan bulanan isi rumah bumiputera di kawasan bandar untuk tahun 2009 iaitu sebanyak RM4,458 telah pun berjaya ditingkatkan kepada paras RM5,301 pada tahun 2012. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masa menunjukkan 11.56 pagi. Jikalau Yang Berhormat hendak buat tambahan ringkas boleh.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayat terakhir sekali silakan.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan sangat baik dan komprehensif sehinggakan soalan tambahan saya sendiri pun sudah dijawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maka dengan itu, tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.57 pg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat semula. Kita sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya telah menerima banyak nama-nama, tidak ada masalah kerana kita akan cuba selesaikan semua Yang Berhormat berucap hari ini pada hari ini. Jikalau difikirkan agaknya masa, kita sambung sampai malam. Walau bagaimanapun, saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat jangan keluar atau meninggalkan Dewan tanpa ada kelulusan kerana saya hendak ada kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab.

Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Silakan Yang Berhormat.

**11.58 pg.**

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2013 sebagaimana yang telah dibentangkan semalam. Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa ini adalah kali kedua Rang undang-undang Perbekalan Tambahan ini dibentang di Dewan yang mulia. Ini bukan kali pertama, ini kali kedua. Kebimbangan kita ialah adakah ini akan menjadi semacam trend di Dewan yang mulia ini bahawa setiap kali datang ke sini dan kita dihadangkan dengan Akta Perbekalan Tambahan dan kita tidak ada pilihan. Akhirnya ianya akan diluluskan.

Rakan-rakan sebelum ini telah pun membangkitkan bahawa apakah tidak ada unjuran awal sepanjang mengenai perbekalan ini. Ertinya apakah kita tidak mempunyai pakar-pakar, ahli-ahli yang mempunyai keahlian dalam membentangkan atau mengemukakan angka-angka sepanjang mengenai perbelanjaan Persekutuan ini.

**■1200**

Tuan Yang di-Pertua kalau misalnya kita berada dalam satu keadaan yang luar biasa seperti mana kita ditimpa dengan bencana alam, gempa bumi, tsunami, berperang misalnya. Maka sudah tentulah bajet ataupun perbelanjaan awal itu terjejas akibat daripada bencana tersebut. Kalau kita dengar ucapan daripada rakan-rakan kita sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan ini, semuanya mengatakan kita dalam keadaan aman sentosa. Jadi apa hal sebenarnya kementerian datang ke sini dan meminta bajet tambahan atau perbekalan tambahan ini. Saya menggaris bawahkan hal ini kerana saya fikir jangan jadikan ini sebagai satu trend di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada perkara B.6 iaitu berhubung dengan penjenamaan negara. Bajet asal ialah RM15 bilion yang diminta tambah RM21 *million*. Ertinya ada pertambahan sebanyak 140%. Apa sebenarnya yang hendak dijenamakan sepanjang hal ini? Ini dalam tahun 2013. Kita mohon Menteri menjelaskan, apakah usaha yang dijalankan oleh Unit Penjenamaan Negara ini? Perkara kedua ialah berhubung dengan B.11 berhubung dengan keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2013. Daripada permintaan RM15 bilion ini, tambahan yang diminta ialah sebanyak RM11.85 bilion untuk keseluruhan permintaan am perbendaharaan RM11.85 bilion. Untuk bayaran subsidi ini ialah RM8.8 bilion. Ini satu angka yang besar dan ianya dikatakan untuk subsidi gas cecair, diesel, petrol serta bantuan tunai.

Mengapa jumlah ini begitu besar? Soalannya ialah siapakah yang mendapat manfaat daripada subsidi gas cecair ini? Adakah orang kampung? Adakah orang di FELDA? Atau siapa? Ini satu angka yang besar. Maknanya daripada RM15 bilion untuk perkhidmatan am perbendaharaan RM11.85 bilion dan RM8.8 bilion adalah menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2013. Kita minta supaya diberikan butiran terperinci sepanjang hal yang saya bangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada B.27 dan lebih menjurus kepada bayaran menampung baki bayaran tol berdasarkan pengiraan trafik sebenar. Apa yang kita dimaklumkan bahawa menurut Menteri pada 19 Julai, 28 syarikat konsesi lebuh raya telah mengutip RM4.8 bilion daripada kutipan tol di seluruh negara. Ini satu angka yang besar. Kita kena bayar lagi kekurangan itu sebanyak RM5 *million*. Kutipan konsesi yang saya sebutkan 28 syarikat tadi ialah RM4.8 bilion. Kemudiannya permintaannya adalah supaya kita bayar lagi sebanyak RM5 *million* kepada syarikat-syarikat konsesi tersebut.

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pagi apabila kita lalui jalan-jalan tol yang diurus oleh syarikat konsesi ini. Kadang-kadang kita bayar untuk masuk dalam kesesakan lalu lintas. Apa usaha mereka? Saya fikir rakan-rakan dalam Dewan ini mengalami pengalaman yang sama. Begitu kita bayar tol terus masuk ke dalam kesesakan lalu lintas. Mereka seolah-olah membiarkan. Ertinya saudara yang mahu masuk ke situ silakan sahaja tetapi soal sesak atau tidak itu bukan urusan saya. Di sini kita kena bayar lagi RM5 *million* kepada syarikat konsesi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada B.45 – Kementerian Belia dan Sukan. Sebanyak RM10 juta untuk menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Kita diaibkan tidak berapa lama dahulu apabila sebuah kelab bola sepak antarabangsa yang datang untuk bermain di Malaysia yang sepatutnya bermain di Stadium Nasional tidak dapat bermain dan terpaksa dipindahkan ke stadium lain. Apa masalahnya? Nah, sekarang datang lagi ke sini minta tambahan RM10 juta. Saya mohon supaya ianya dijelaskan. Ertinya jangan lagi kita dimalukan oleh perbuatan ataupun kesilapan-kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap mengenai isu pencen. Di dalam kertas ini memang ada dinyatakan mengenai pencen dan ada kaitan dengan pencen. Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan lisan saya semalam tetapi isu yang saya hendak timbulkan adalah mengenai kadar pencen bagi golongan sokongan, golongan bawah. Golongan yang tinggi itu satu hal yang lain. Maksud saya ialah pencen yang kita difahamkan sekarang ialah sebanyak RM820. Isunya ialah di Dewan ini kita telah meluluskan satu akta yang bernama Akta Gaji Minimum untuk pekerja-pekerja dalam sektor swasta. Gaji minimum di Malaysia ialah RM900 untuk Semenanjung RM800 untuk Sabah dan Sarawak. Nah, kalau demikian halnya kita cadang supaya pencen minimum untuk pesara-pesara dalam golongan rendah ini dinaikkan dari RM820 sehingga RM900. Itu pun tidak cukup tambah lagi dengan keadaan mereka yang berusia 60 tahun ke atas dan sebagainya dengan perbelanjaan yang meningkat, tidak cukup. Akan tetapi setidaknya ia segaris dengan gaji minimum, tidak rendah daripada itu.

#### ■1210

Ertinya, tidak nanti kita dikatakan bahawa kita ada gaji minimum RM900 tetapi pencen kita bawah daripada gaji minimum. Memang benar, ada perkiraan-perkiraan tertentu di mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yakni mengikut perkhidmatan, tempoh masa dan sebagainya. Akan tetapi soal minimum itu minimum. Kita tidak boleh mengambil kira hal-hal semacam itu.

Kalau kita belajar dari pengalaman di Brunei Darussalam misalnya sebagai contoh. Di Brunei Darussalam tidak kira siapa sekali pun asal sahaja dia sampai kepada satu tahap usia, maka pemerintah Brunei akan bagi elaun bulanan kepada warganegaranya. Walaupun dia ada mempunyai pekerjaan atau dia mempunyai simpanan dan sebagainya, itu soal yang lain. Itu adalah bantuan daripada pemerintah kepada warganegaranya sebagai satu sumbangan. Mungkin ada yang berhujah bahawa ya, Brunei negara kaya dan rakyatnya kecil tetapi yang kita tekankan di sini adalah soal prinsip itu. Angka boleh dibincangkan tetapi prinsip adalah sesuatu yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga halnya mengenai Butiran B.48 ini. Saya ingin menyentuh soal yang sudah pun dibangkitkan di dalam persidangan yang lepas sepanjang mengenai bantuan kepada golongan yang memerlukan. Berapakah jumlah yang diberikan kepada mereka ini? Memang tidak ada satu angka yang cukup tetapi yang kita katakan ini berdasarkan kepada keadaan semasa.

Apakah bantuan sebanyak RM300 itu munasabah kepada keluarga yang daif di Malaysia ini? Apa ertinya kita bercakap mengenai dalam enam tahun mendatang Malaysia akan menjadi negara maju tetapi masih ramai orang yang berhadapan dengan masalah kehidupan ini? Jadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus datang dengan satu angka yang munasabah untuk memastikan bahawa bantuan yang disampaikan kepada mereka yang benar-benar daif ini boleh meringankan beban golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada maksud Butiran B.46 - Kementerian Sumber Manusia. Ini memang satu kementerian yang tidak boleh saya lepaskan begitu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, permintaannya adalah mengenai kerja-kerja penyelenggaraan sebanyak RM28 juta. Sepanjang yang kita ketahui bahawa pusat yang ada adalah mengikut laman rasmi Institut Latihan Jabatan Tenaga Malaysia hanya menyenaraikan 26 institut di seluruh Malaysia sahaja. Apa yang ingin ditanya ialah mengapa ada empat lagi institut yang tidak disenaraikan dalam laman web tersebut?

Saya berharap soalan-soalan yang ditimbulkan akan dapat dijawab oleh Menteri yang berkenaan dan sekali lagi menegaskan bahawa untuk bajet yang akan datang, pihak yang membentangkan hendaklah mengambil kira pandangan-pandangan yakni tidak lagi pada tahun 2014 akan ada lagi permohonan untuk perbekalan tambahan pertama, perbekalan tambahan kedua dan sebagainya melainkan dalam satu keadaan yang cukup luar biasa yang kita tidak dapat elakkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan selepas itu Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**12.15 tgh.**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas mengenai peruntukan tambahan ini. Saya akan membataskan perbincangan saya kepada empat perkara iaitu Butiran B.1 mengenai Parlimen; Butiran B.41 – Kementerian Pendidikan; Butiran B.46 – Kementerian Sumber Manusia; dan Butiran B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan yang diminta untuk Institusi Parlimen ini walaupun dibataskan kepada perkhidmatan dan bekalan. Antara perkara yang saya harap dapat diberi perhatian ialah mengenai perkara yang ada di hadapan kita ini. Komputer ini khabarnya telah dibekalkan ke Parlimen pada tahun 2008. Sekarang kalau kita gunakan amat dengan izin, menimbulkan *frustration* yang tidak berkesudahan. Sudahlah lambat, fungsinya tidak betul dan macam-macam lagi.

Saya telah bercakap dengan kakitangan daripada pembekal yang membekalkan bahan komputer ini kepada kita. Katanya memang ini boleh dianggap sebagai dengan secara bergurau dia mengatakan '*dinosaur*'. Ia sudah terlalu lama umurnya sehingga tidak berfungsi lagi. Jadi saya mintalah supaya langkah-langkah yang proaktif diambil untuk memastikan supaya alat komputer yang ada di hadapan kita ini ditukar supaya manfaatnya betul-betul dapat dioptimumkan. Dalam keadaan sekarang saya rasa ini adalah seakan-akan hanya merupakan satu 'gajah putih' sahaja. Ada di hadapan kita tetapi tidak dapat berfungsi.

Selain dari itu, saya juga ingin bercakap tentang keperluan Parlimen memberi perhatian yang lebih serius kepada jawatan Pegawai Penyelidik Parlimen. Saya dapat kesan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Pegawai Penyelidik atau *Research Officer* di Parlimen kita ini dibebankan dengan tugas yang terlalu banyak. Umpamanya, seorang RO sekarang nisbahnya terpaksa memberi khidmat kepada 14 orang Ahli Parlimen. Ini termasuklah daripada Dewan Rakyat. Sedangkan di negara lain saya faham di Indonesia umpamanya, seorang anggota Parlimen dibekalkan dengan tiga orang *Research Officers* sedangkan kita 14 orang MP hanya diberi khidmat oleh seorang RO.

Dengan demikian, tentu sahaja ini akan menjejaskan kualiti perdebatan kita, bahan-bahan yang hendak kita bentangkan di dalam perbahasan. Oleh kerana itu antara

perkara-perkara yang saya ingin cadangkan ialah supaya jawatan RO ini di*institutionalize*kan dalam erti bahawa seorang RO sekurang-kurangnya bertanggungjawab untuk membekalkan atau memberi maklumat kepada Ahli-ahli Parlimen sama ada di Dewan Negara atau Dewan Rakyat mengenai satu modul atau satu topik yang tertentu. Ertinya kita menjadikan RO ini dengan membahagikannya kepada fungsi-fungsi *specialization*nya.

■1220

Selain dari itu, satu lagi mengenai yang ada kaitannya dengan komputer dan jawatan RO ini ialah tentang kemudahan mendapatkan maklumat dengan serta merta melalui komputer. Ertinya atau dalam bahasa Inggerisnya kalau, dengan izin, perlu ditingkatkan *information retrieval system* dalam Parlimen ini. Ertinya kalau kita memerlukan satu-satu maklumat dengan serta-merta, memadai dengan menekankan satu *button* sahaja. Sekarang tidak.

Umpamanya kalau saya hendak sekaranglah umpamanya, kalau saya ingin mendapatkan ucapan yang pernah diberikan oleh Allahyarham Zulkifli Mohamad kira-kira 40 tahun dahulu. Waktu itu saya jadi seorang *reporter* muda dekat sini dan beliau memberikan satu ucapan sebagai anggota PAS, mendapat pujian yang sangat bagus daripada Tan Sri Mohd Nor pada ketika itu kerana ucapannya yang sangat bernas. Bagaimana agaknya kita dapat memperoleh ucapan daripada Almarhum Dr. Zulkifli Mohamad itu tanpa terlalu banyak melakukan penyelidikan dalam bentuk kertas.

Kalau saya merujuk kepada 30 tahun yang lalu itu barang kali terlalu lama. Setidak-tidaknya untuk generasi 30 tahun selepas kita, bagaimana umpamanya generasi sama ada penyelidik, sama ada Ahli-ahli Parlimen, sama ada siapa-siapa sahaja yang ingin mendapatkan informasi umpamanya tentang ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib mengenai 1Malaysia dengan mudah dapat diperoleh. Khabarnya di *House of Commons* saya difahamkan di England, usaha mendapatkan informasi ataupun *retrieving information* ini terlalu mudah. Terlalu mudah kerana adanya kemudahan komputer.

Saya mengalu-alukan usaha Tuan Yang di-Pertua meningkatkan, memperkasa Dewan Negara ini. Salah satu cara untuk kita memperkasakan Dewan Negara ini agar diteladani juga oleh Dewan Rakyat ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bersetuju Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bersetuju.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih banyak. Jadi itulah antara perkara yang saya ingin kemukakan mengenai perlunya ditingkatkan jawatan Pegawai

Penyelidik dan bukan sahaja di institusi ini, malah juga diberikan kursus dari masa ke semasa.

Jadi saya rasa *point* saya mengenai keperluan meningkatkan sistem maklumat di Parlimen ini sudah saya sampaikan sewajarnya, sudah saya sampaikan sebagaimana sepatutnya walaupun ada *point* lain yang hendak saya timbulkan.

Akan tetapi untuk menjimatkan masa dan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada item kedua yakni sudah tentu iaitu tentang B.41 – Kementerian Pendidikan. Saya ingin membataskan perbincangan saya hanya kepada PPPM iaitu Pelan Pendidikan Pelajaran Malaysia. Apa yang hendak saya timbulkan di sini ialah bahawa dalam Kongres Perdana Pendidikan Kebangsaan yang diadakan pada 27 Ogos yang lalu telah dirumuskan beberapa resolusi yang saya rasa patut dicatatkan, patut 'diHansardkan' di dalam Dewan ini. Dengan itu, saya ingin minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membacakan dua, tiga *point* utama yang dikemukakan dalam resolusi itu.

Kongres Perdana Pendidikan Kebangsaan yang bersidang pada 27 Ogos itu menyokong sepenuhnya Pelan Strategik Pendidikan Malaysia 2013/2015 ini. Menyokong sepenuhnya dan berharap supaya dalam pelaksanaan pelan itu nanti jangan lari daripada falsafah atau kandungan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib yang merupakan panduan utama kita dalam merancang sistem pendidikan di negara ini.

Selain dari itu kalau boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membacakan satu lagi beberapa resolusi yang telah dikemukakan itu. Antaranya, "*Adalah perlu pihak pemerintah berhenti dari terus-menerus menjadikan diri sebagai bangsa sasaran peras ugut (victim of extortion) daripada pihak-pihak tertentu dan juga berhenti daripada melayan tuntutan yang tidak munasabah yang juga bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan 1997 dan segala perundangan yang berkaitan.*" Ini adalah resolusi yang saya bacakan. "*Jangan biarkan golongan tertentu bermain dengan bom waktu yang akan memporak-perandakan perpaduan nasional dan keutuhan Perlembagaan Negara Malaysia. Segala tindakan ketidakpastian (non-compliance) untuk sekian lama hendaklah ditukar kepada compliance, pematuhan agar tiada kekeliruan dalam pelaksanaan peruntukan perundangan dan dasar negara. Kita perlu tegas dan akur mempertahankan perundangan dan Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 152 dan Akta Pendidikan 1996 serta Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib.*"

Banyak lagi resolusinya tetapi yang menjadi inti daripada resolusi kongres ini Tuan Yang di-Pertua ialah supaya PPPM ini dilaksanakan tanpa berkompromi, tanpa tunduk kepada tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah dan sentiasa - ini pandangan saya

sendiri. Sentiasa berpegang kepada tiga objektif pendidikan iaitu membentuk watak, membina watak, membina sumber daya manusia dan membina negara bangsa. Apa pun perancangan pelaksanaan daripada perancangan itu nanti diharapkan supaya kita jangan lari daripada tiga objektif pendidikan itu.

Selain dari itu yang saya juga ingin timbulkan ialah bahawa dari satu segi, PPPM ini adalah kelanjutan daripada PIPP iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang mempunyai enam teras utama yang wujud sebelum ada PPPM ini. Akan tetapi ternyata pencapaian, harapan hendak dicapai oleh PIPP ini tidaklah sama dengan seperti yang kita harapkan.

Antara sebabnya saya rasa ialah kerana kadar atau kaedah atau sistem mengukur pencapaian PIPP pada waktu itu tidak begitu tegas. Oleh sebab itu saya cadangkan dan perkara ini telah mendapat respons sebenarnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam supaya dalam menilai kejayaan atau pencapaian PPPM ini, kesilapan-kesilapan yang berlaku semasa pelaksanaan PIPP itu diambil kira. Dengan demikian, kita harapkan supaya PPPM ini akan terlaksana dan harapan yang kita letakkan dalam program itu akan dapat terlaksana sebaik-baiknya.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan sedikit komen kepada B.48 - Kementerian Sumber Manusia. Pagi tadi kita didedahkan kembali untuk ke sekian kalinya dengan suatu keadaan yang sangat ironis. Ironis dalam erti kita mengalami kadar pengangguran yang walaupun tidak terlalu tinggi, tetapi yang boleh dianggap tinggi. Akan tetapi pada masa yang sama kita kebanjiran tenaga pekerja dari luar negeri. Di mana silapnya? Kenapa semasa sebahagian orang-orang kita menganggur, orang-orang asing datang membanjiri negeri ini untuk bekerja? Ini antara perkara yang harus diberi perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia dengan sungguh-sungguh. Di mana silapnya maka berlaku keadaan sedemikian? Kenapa kerja-kerja yang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing itu tidak dapat dilakukan oleh orang-orang tempatan? Adakah kerana *mismatching*kah atau kerana sikap atau *attitude*?

#### ■ 1230

Mungkin ada kena kaitannya dengan sikap atau *attitude*. Oleh kerana itu adalah juga menjadi tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia untuk mengkaji, untuk meneliti secara mendalam sikap tenaga kerja yang terbazir di negara kita ini kerana sikap golongan orang-orang yang muda atau orang-orang yang masih di dalam keupayaan untuk bekerja itu. Kenapa mereka tidak mahu mengambil kerja-kerja yang dilakukan oleh orang-orang asing itu. Mungkinkah kerana gaji, mungkinkah kerana sikap. Untuk itu saya rasa kementerian Sumber Manusia mempunyai tanggungjawab moral untuk memastikan,

untuk meneliti perkara ini dan merumuskan masalahnya yang akan dapat memberikan penyelesaian.

Akhirnya saya ingin bercakap menyentuh B.48 iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Poin saya hanya kecil saja Tuan Yang di-Pertua. Di tangan saya ini ada satu dokumen yang dikeluarkan oleh UNDP, UNICEF dan EPU. Ertinya walaupun dokumen ini dikeluarkan oleh badan antarabangsa tetapi EPU, institusi kerajaan kita terlibat iaitu tentang apa yang disebut sebagai *Child Poverty In Malaysia*. Katanya 400,000 masih lagi menjadi mangsa *child poverty* ini.

Jadi saya, kita adalah antara negara yang turut menandatangani satu perakuan yang dikeluarkan oleh UNICEF ini mengenai langkah-langkah yang patut diambil untuk mengatasi kemiskinan kanak-kanak ini. Pertama sekali yang saya hendak pastikan adakah angka 400,000 kemiskinan anak-anak ini seperti yang dilaporkan dalam dokumen ini benar atau tidak? Kalau benar, apa langkah-langkah yang konkrit untuk mengatasinya kerana bila kita menyebut kemiskinan ia mempunyai kait berkaitan dengan perkara tentang bukan saja kesihatan tetapi lebih dari itu, pembinaan otak.

Jadi saya harapkan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi perhatian terhadap isu kemiskinan kanak-kanak ini. Jangan kita terlalu terlalai dengan mengatakan bahawa kita tidak lagi mempunyai isu kemiskinan tegar tapi jangan lupa kalau benar apa yang dilaporkan UNDP dan UNICEF ini, maka ini adalah satu bentuk lagi bom jangka yang akan memberi akibat buruk kepada kita di masa akan datang.

Sekianlah, yang ini saya sampaikan mengenai perkara ini. Saya ucapkan terima kasih kepada peluang yang diberikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**12.33 tgh.**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua saya merakamkan setinggi jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada perbelanjaan mengurus tambahan bagi maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri. Saya merujuk kepada perbelanjaan tambahan sebanyak RM 30 juta untuk menampung perbelanjaan operasi TV Al-Hijrah.

Berhubung dengan TV Al-Hijrah ini, saya memang tidak menafikan bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan memang mendapat sambutan yang baik dari kalangan penonton. Slot-slot agamanya banyak memberi ilmu dan maklumat. Namun saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan adakah kerajaan menyiasat penceramah-penceramah dari yang dikatakan dari luar negara yang dikatakan mempunyai masalah di negara mereka tetapi diambil oleh TV Al-Hijrah. Contohnya Sheikh Al-Hamzah Yusof yang selalu keluar di kaca TV yang dikatakan fahamannya tidak diterima di negaranya sendiri.

Jadi saya cadangkan pihak kementerian supaya mengadakan jawatankuasa supaya meneliti personaliti penceramah-penceramah negara asing ini sebelum mereka dibenarkan berceramah atau menjadi penceramah di TV Al-Hijrah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya merujuk kepada peruntukan tambahan untuk membiayai kos operasi Institut Wasatiyah Malaysia dan Suruhanjaya Pendatang Tanpa Izin (PATI) di Sabah yang ditubuhkan baru-baru ini. Di sini saya menyentuh berkaitan Institut Wasatiyah Malaysia. Sejak ditubuhkan, pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dan di sini saya ingin minta penjelasan dan mengetahui apakah program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun ini dan sejauh manakah program tersebut telah memberi kesan kepada pelaksanaan konsep wasatiyah dalam dasar pentadbiran negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh bagi maksud B. 41 Kementerian Pendidikan Butiran 04000 Pembangunan Profesionalisme Perguruan. Kita mengalu-alukan langkah kerajaan menekankan profesionalisme perguruan kita. Bila guru-guru profesional ini mampu mendidik anak bangsa menjadi modal insan yang selaras dengan kehendak semasa. Berdasarkan statistik kita ada lebih 417,749 guru di sekolah menengah dan sekolah rendah. Daripada jumlah tersebut ada guru yang telah mencapai peringkat Doktor Falsafah. Dalam hal ini saya minta statistik terkini jumlah guru-guru kita yang telah memperolehi Ijazah Sarjana dan memperolehi Doktor Falsafah dan apakah juga langkah kerajaan dalam memastikan guru-guru yang mencapai tahap Doktor Falsafah ini dapat menyumbang secara lebih efektif kepada sistem pendidikan negara bagi melahirkan golongan generasi yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Saya juga ingin meminta penjelasan apakah syarat dipermudahkan bagi memberi pelepasan kepada guru yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dengan perbelanjaan sendiri.

Selanjutnya saya ingin merujuk kepada Kementerian Kesihatan maksud B. 42 dengan jumlah tambahan sebanyak RM300 juta bagi menampung perbelanjaan

termasuk lebih RM294 juta untuk menampung kekurangan bekalan ubat *consumable* dan vaksin. Saya lihat dan perhatikan Tuan Yang di-Pertua, ramai yang ambil ubat di hospital atau di klinik-klinik tapi tidak memakan ubat tersebut.

Jadi saya mencadangkan kepada mereka yang tidak makan ubat tersebut supaya dapat dikembalikan semula ke klinik-klinik dan di pihak klinik-klinik supaya dapat menyediakan tempat untuk mengembalikan semula ubat-ubat yang tidak digunakan oleh pesakit.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapa setengah klinik dan hospital hanya memberi nama ubat yang perlu diambil oleh pesakit tetapi pesakit perlu mencarinya sendiri di farmasi-farmasi sedangkan ubat-ubat yang dicari oleh pesakit-pesakit dengan kos yang agak tinggi dan tidak berkemampuan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Memandangkan kerajaan kita adalah kerajaan yang mengutamakan rakyat, maka saya berharap agar pihak kementerian meneliti perkara-perkara ini sebelum PRU- 14 nanti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ringkas saja perbahasan saya pada pagi ini dengan tujuan dan hasrat supaya rakan-rakan lain dapat memberi peluang untuk perbahasan pada hari ini. Jadi itu saja, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong. Ada? Saya harap Yang Berhormat yang telah hantar nama sedia berada dalam Dewan selepas sesi 2.30 petang nanti. Silakan Yang Berhormat.

#### ■1240

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya terus kepada isu-isu yang boleh dibangkitkan selari dengan peruntukan perbelanjaan tambahan bagi tahun 2013 ini.

Perbelanjaan Bekalan bagi Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyentuh mengenai Unit Penjenamaan Negara yang diperuntukkan sebanyak RM21 juta. Setakat ini apakah peranan yang telah dilaksanakan di bawah unit tersebut? Apakah program-program dan projek khas yang telah dilaksanakan di bawah unit tersebut? Dan apakah kesan yang telah dicapai oleh Unit Penjenamaan Negara ini? Bagaimana pula dengan imej negara yang telah dibentuk di bawah unit tersebut dan apakah di bawah unit ini soal perpaduan ditumpukan? Pohon penjelasan.

Maksud B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Saya melihat di bawah perbekalan ini, jumlah yang disebutkan cukup besar iaitu hampir RM12 bilion bagi menampung tuntutan subsidi barangan petroleum dan emolumen penambahbaikan Skim Perkhidmatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia baru-baru ini. Kalau kita lihat, kerajaan mengurangkan subsidi petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter baru-baru ini sebagai sebahagian langkah penyusunan semula subsidi. Langkah ini memang tidak popular. Terpaksa diambil bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara, ketika berdepan persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar.

Paling penting kerajaan perlu meneruskan konsolidasi fiskal bagi mencapai sasaran defisit dalam lingkungan 3% daripada Nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2015 dan bajet seimbang menjelang 2020. Kita dapat melihat reaksi umum sememangnya sudah dijangka kerana sebarang kenaikan harga barangan atau perkhidmatan bukan sesuatu yang diinginkan atau disukai orang ramai. Apa yang dibimbangkan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana iaitu kesan kenaikan bahan api ini terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain.

Pengalaman lalu menunjukkan tekanan inflasi akan meningkat setiap kali harga bahan api dinaikkan. Ini kerana, Malaysia terlalu lama terbiasa dengan bahan api seperti barangan keperluan lain rendah disebabkan pemberian subsidi oleh kerajaan. Saya melihat keadaan ini mengganggu kos sebenar pengeluaran dan perkhidmatan akibat tindakan peniaga mengambil kesempatan membuat untung berlebihan. Hakikat ini boleh dilihat di beberapa negara yang mana harga barangan dan perkhidmatan mereka lebih murah walaupun kos bahan api lebih tinggi berbanding rakyat Malaysia. Inilah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyusun semula sistem subsidi secara pukal yang lebih menguntungkan golongan berada berbanding kumpulan sasaran seperti yang diamalkan selama ini.

Justeru, saya berharap kerajaan perlu merangka sistem subsidi bersasaran dan memastikan golongan yang benar-benar memerlukan mendapat manfaat daripada subsidi berbilion ringgit yang diberi setiap tahun. Sememangnya ia bukan satu tugas mudah, akan tetapi langkah lebih tegas dan berani perlu diambil dan diteruskan sehingga berjaya.

Pemberian bantuan iaitu BR1M kepada rakyat miskin umpamanya bukan sahaja perlu diteruskan tetapi diberi juga kepada rakyat berpendapatan sederhana. Golongan pertengahan ini juga di kalangan pembayar cukai boleh dibantu dengan meningkatkan jumlah pelepasan atau menurunkan kadar cukai. Pada masa yang sama, manipulasi harga dan pasaran oleh peniaga perlu dikekang. Kerajaan juga perlu menghentikan pembaziran atau ketirisan perbelanjaan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara.



Jika, sistem ini tidak diubah selamanya kerajaan akan dikritik setiap kali harga Petrol RON95 dan diesel naik 20 sen seliter.

Bagi Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya. Saya hendak menyentuh berkenaan soal keselamatan pemandu, kelancaran kenderaan lalu lintas. Kematian akibat kemalangan jalan raya ini semakin meningkat. Kita dapat membaca berita baru-baru ini di Genting Highlands 37 orang meninggal dan juga di lebuh raya, tiap-tiap hari kita dengar berita bahawa ada kemalangan dan kematian yang berlaku. Jadi, saya juga terbaca kementerian mencadangkan supaya membina laluan di tengah-tengah Lebuhraya Persekutuan dan bandar raya ini hingga ke Klang untuk menjadikan laluan khas bagi bas bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Malahan dalam cadangan itu, sudah dikemukakan kepada Kabinet dan dijangka mula beroperasi tidak lama lagi selepas mendapat kelulusan kerajaan. Saya berharap cadangan laluan khas yang tidak terhad kepada Lebuhraya Persekutuan tetapi diperluaskan kepada Lebuhraya Utara Selatan dan beberapa lebuh raya lain dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin. Kalau dilihat di Indonesia dan Australia, ia sudah lama dipraktikkan dan terbukti sudah bahawa kadar kemalangan jalan raya berjaya dikurangkan dan dalam pada masa yang sama ia meningkatkan kelancaran aliran trafik.

Saya mencadangkan supaya kenderaan berat dilarang sama sekali untuk bergerak di waktu puncak bagi mengelakkan kesesakan yang lebih teruk. Malahan saya berharap jalan-jalan di kawasan bandar hendaklah diturap dengan menggunakan bahan-bahan yang lebih berkualiti. Pada masa ini, banyak sangat jalan yang berlubang dan beralur-alur terutama di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur di samping bandar raya-bandar raya lain seperti Alor Setar, Ipoh, Georgetown, dan lain-lain. Pohon mendapat perhatian dan tindakan susulan.

Bagi Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan. Saya melihat sejumlah RM126 juta diperuntukkan bagi menampung keperluan tambahan penyelenggaraan gaji pegawai dan kakitangan kontrak, elaun murid, keperluan khas, dan bantuan makanan asrama. Soal keperluan pendidikan dan pembelajaran dan pengajaran sentiasa ditumpu dalam negara ini. Kita berterima kasih kepada kerajaan selama ini. Cuma yang hendak saya bangkitkan ialah supaya melihat juga kejayaan anak-anak keturunan minoriti seperti keturunan Siam sama ada di peringkat UPSR, PMR, SPM dan STPM.

Baru-baru ini pelajar Siam telah mendapat 7A, 8A, sehingga 10A telah tercicir dalam pengambilan ke IPTA, di matrikulasi dan sebagainya. Ini amat sedih. Malah, kerajaan mengiktiraf masyarakat Siam ini adalah sebagai kaum bumiputera. Akan tetapi

apabila dilayan seperti pendidikan ini satu tunjang utama bagi memajukan satu bangsa adalah pelajaran. Jadi, apabila mereka dapat 7A, 10A saya melihat mereka begitu kecewa kerana keciciran mendapat tempat di IPTA. Jadi, saya meminta supaya kerajaan mengambil berat perkara ini supaya pelajar-pelajar ini tidak tercicir di masa akan datang. Tidak perlulah membuat rayuan demi rayuan sehinggalah mereka begitu kecewa dan keluarga juga kecewa.

Bagaimanapun, saya berterima kasih kepada kerajaan bahawa kemasukan pelajar-pelajar Siam di IPTA sudah dipertimbangkan sama seperti bumiputera lain mulai tahun lalu. Sama sekali saya berharap dengan tuntutan itu, pelajar-pelajar keturunan Siam yang memenuhi kelayakan dan syarat tidak lagi menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran mereka di IPTA.

Bagi Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri. Sejak saya dilantik sebagai Senator pada 2010, saya setiap kali dalam perbahasan persidangan Dewan Negara ini, saya bangkitkan isu mengenai bangsa Siam dan Thai. Dalam takrifan Jabatan Pendaftaran Negara menyatakan bahawa Thai adalah mereka yang berkerakyatan Thailand yang memegang pasport Thailand dan memiliki kerakyatan Thailand. Akan tetapi, sekarang ini dalam *register* dalam Kementerian Dalam Negeri ini, dalam IC masyarakat Siam, warganegara Malaysia diletakkan Thai, tidak Siam.

#### ■1250

Padahal dahulu sebelum tahun 1990, masyarakat Siam semuanya adalah Siam. Tetapi sejak tahun 1992 ditukarkan kepada Thai tanpa menimbangkan, tanpa memanggil kepimpinan masyarakat Siam untuk memberi penerangan apakah Thai atau Siam. Akan tetapi pada tahun 2003 ditukarkan daripada Thai kepada Siam semula. Jadi masalah ini timbul seperti masyarakat Siam ini adalah satu masyarakat yang paling malang sebab bangsa mereka dimain-mainkan. *[Ketawa]*.

Jadi saya mohon maklum balas Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri setiap kali datang sini kita akan memudahkan. Akan tetapi bila ditukar Thai kepada Siam, kita perlu mengisi tiga *form* dan perlu mengambil sumpah bagi menukarkan Thai kepada Siam ini. Jadi ini menyusahkan masyarakat Siam, padahal mereka pemegang IC warganegara Malaysia yang berbangsa Siam.

Padahal dahulu daripada semasa British lagi adalah Siamese sebagai membuktikan hujah saya bahawa masyarakat Siam selama ini adalah masyarakat Siam yang tulen malah lebih awal daripada kaum-kaum lain. Sebabnya kita masyarakat Siam adalah masyarakat asal di negara ini. Hanya pada tahun 1909 di mana *British Siamese Treaty* diadakan maka perpecahanlah sempadan. Apabila perpecahan sempadan

masyarakat Siam di tiga daerah yang dahulu di bawah Thailand dimasukkan ke bawah British dan mereka tinggal di sini selama-lamanya. Daripada situ sehinggalah ke hari ini dan mereka merupakan penyokong kuat Kerajaan Barisan Nasional dan telah memberi kemenangan kepada Kedah, Kelantan dan ADUN di Rantau Panjang setiap kali kita menang dalam pilihan raya dan kita perlu mengutamakan.

Saya mintalah Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan tegas, jangan hanya janji sahaja. Daripada dahulu janji untuk mempermudah bagi menukarkan IC masyarakat bangsa Thai kepada Siam dan supaya dipercepatkan dan dipermudahkan bagi masyarakat Siam yang ada IC adalah bangsa Siam bukanlah bangsa Thai. Jadi itu sahajalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

#### **12.53 tgh.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang dalam berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 ini. Perkara pertama yang saya ingin sentuh B.11 iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Amaun yang terbesar dalam perbekalan tambahan ini diperolehi daripada pertubuhan-pertubuhan tersebut dan bahagian yang paling besar daripadanya untuk subsidi gas cecair, diesel dan petrol.

Tindakan kementerian ini memang bagus untuk membantu rakyat bagi mengatasi sara hidup yang semakin meningkat. Akan tetapi tujuan baik kerajaan tidak tercapai sepenuhnya. Hakikat yang negatif iaitu berlakulah rasuah dan penyeludupan. Jadi saya berharap kerajaan akan ada tindakan yang lebih tegas untuk memberhentikan kelakuan yang negatif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan boleh memberhentikan kelakuan yang negatif itu sebab jangan sampai subsidi yang kita beri ini dinikmati oleh orang asing dan duit kita mengalir kepada negara-negara lain serta merosakkan ekonomi negara kita.

Saya juga ingin menyentuh B.41 iaitu Kementerian Pendidikan. Sejumlah RM322 juta diberikan kepada kementerian tersebut. Saya memang setuju dengan peruntukan itu sebab dengan izin, *education is everything* tetapi apa sudah terjadi kepada generasi muda kita hari ini? Kita mendapati terlalu banyak masalah sosial, jadi adakah ini berkaitan dengan sistem pendidikan kita? Saya berharap kerajaan boleh mencari cara penyelesaian untuk masalah sosial kita.

Tuan Yang di-Pertua, ranking universiti-universiti kita turun dan ini amat mengecewakan kita. Perkara ini sentiasa wujud dan bukan hanya tahun ini sahaja. Jadi apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan ranking universiti-universiti kita? Saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan juga mengenai isu Dong Zong, mengadakan perhimpunan dan sebagainya untuk membuat bantahan atas *blue print* pendidikan baru-baru ini. Jadi kita memang ingin tahu kenapa mereka buat sedemikian dan adakah mereka betul atau salah, ini penting agar kita semua faham.

Perkara ketiga saya ingin menyentuh B.46 iaitu Kementerian Sumber Manusia dan kementerian ini mendapat RM28 juta dan kesemuanya RM28 juta ini adalah untuk perkhidmatan latihan. Saya ingin memberikan satu pujian kepada kementerian kerana menjalankan latihan supaya rakyat kita berkemahiran dan membangunkan negara melalui perkhidmatan mereka. Negara kita menghadapi kekurangan sumber manusia dan terdapat 3 juta pekerja asing yang sudah berdaftar dan kita tahu ramai lagi yang belum daftar dan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa tidak mengizinkan, saya tahu Yang Berhormat memang bersungguh-sungguh, bagus. Kita sambung kemudian nanti. Panjang lagi kah?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ada lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada ya, baik kita sambung pada sesi jam 2.30 petang nanti. Kepada semua Ahli Yang Berhormat saya mendapati ada 10 orang yang telah mengemukakan nama dan saya harap Yang Berhormat sabar kerana kita akan bagi peluang kepada semua yang ingin berbahas pada hari ini, kerana kita perlu selesaikan perbekalan pada hari ini juga. Biar sampai malam pun tidak ada masalah tetapi saya hendak mahu semua Ahli Yang Berhormat yang masih belum mengemukakan nama, sila kemukakan nama agar senang saya hendak merancang masa yang sesuai. Sekian, terima kasih. Kita tangguhkan pada jam 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**  
**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, teruskan berucap Yang Berhormat.

### **2.33 ptg.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang kekurangan sumber manusia yang kita hadapi. Terdapat pengangguran dan punca-punca pengangguran yang kita tahu ialah rakyat kita terlalu memilih pekerjaan dan sikap majikan. Saya ingin menarik perhatian kementerian tentang sikap majikan. Kalau kita pergi Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ini dibanjiri oleh pekerja asing dan sikap mereka, cara mereka bercakap, suara mereka terlalu mereka dan ini memang menjejaskan imej kita. Saya memang tidak faham.

Ambillah contoh di mana-mana hotel, *waiters*, *front liner* tidak patut kita menggunakan pekerja asing. Pekerja asing hanya sesuai kalau dia jadi dengan izin, *kitchen helper*, *room service* dan sebagainya. Saya dapati keadaan apabila pelancong asing bercakap dengan *front liner*, kaunterkah, yang *waiters* tidak faham bahasa Inggeris. Ini memang menjejaskan imej pelancongan negara kita. Saya memang *stretch* di sini, diharap kementerian mengambil perhatian tentang masalah ini.

Saya di sini sekali lagi ingin menyentuh mengenai pekerja wanita yang terpaksa memilih menjadi suri rumah oleh sebab negara kita tanpa atau kurang taska dan pembantu rumah yang berkualiti. Kalau kementerian boleh menyelesaikan masalah ini dan golongan pekerja wanita boleh balik ke tempat kerja dan bekerja, ini bukan sahaja boleh mengurangkan masalah kekurangan sumber manusia malah ia juga akan membantu membangunkan negara kita serta meningkatkan ekonomi negara kita.

Perkara keempat yang saya ingin sentuh ialah B.48 iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Didapati sebanyak RM100 juta bantuan diberi kepada golongan yang kurang bernasib baik. Memang bagus program kementerian tersebut. Akan tetapi seperti yang telah kita maklum iaitu janganlah sahaja memberikan ikan kepada mereka, kita patut mengajar mereka memancing.

Akhir sekali saya ingin menyentuh B.60 iaitu Kementerian Pertahanan. Sebanyak RM239 juta diberikan kepada mereka. Seperti yang kita maklum, nelayan-nelayan kita selalu dikacau dan diancam oleh negara-negara lain misalnya negara Vietnam, Philippines dan sebagainya. Perkara ini sentiasa berlaku. Jadi, apakah langkah-langkah

yang diambil atau akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya nelayan-nelayan kita boleh bekerja dalam suasana yang aman damai dan bukan seperti suasana sekarang dalam ketakutan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

### **2.39 ptg.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 pada kali ini. Saya ingin menyentuh tiga perkara.

Yang pertamanya mengenai B.7 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana sebanyak RM172 juta lebih untuk menampung bantuan khas kewangan 2013 kepada pesara dan perbelanjaan tambahan bantuan mengurus jenazah. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apa yang dimaksudkan bantuan kepada pesara ini? Siapakah golongan pesara dan kumpulan manakah yang mendapat bantuan ini? Adakah ianya daripada kumpulan sokongan ataupun profesional? Kita juga amat mengalu-alukan usaha murni Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin terhadap pesara dan begitu juga untuk yang dimohon perbelanjaan tambahan menguruskan jenazah. Jadi, jenazah untuk kumpulan apakah yang bantuan tambahan ini diperlukan?

Saya juga ingin bertanya, adakah bencana di Lahad Datu, mereka ini diberi bantuan di bawah peruntukan ini juga? Seterusnya di B.72 sebanyak RM122 juta untuk menampung keperluan tambahan perbelanjaan biasiswa di dalam dan di luar negara.

### **■1440**

Jadi sebagaimana yang kita tahu biasiswa pada masa kini adalah satu yang penting untuk membantu pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran. Akan tetapi, saya ada juga mendengar rungutan di kalangan kakitangan awam yang berstatus kontrak yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu untuk *master* dan juga *post graduate*. Apakah bantuan yang Kerajaan Persekutuan dapat salurkan kepada kakitangan awam kita yang berstatus kontrak ini?

Hal ini kerana kalau bagi pekerja-pekerja di syarikat swasta, mereka ini boleh memohon pinjaman MyBrain untuk menampung kos pembelajaran mereka tetapi untuk kakitangan awam kita bertaraf kontrak ini, saya rasa tidak ada sebarang pinjaman untuk membantu pelajaran mereka. Jadi, saya mohon kementerian untuk memberi jawapan

adakah bantuan yang mereka boleh guna pakai atau adakah perancangan untuk membantu kakitangan awam yang bertaraf kontrak?

Seterusnya sebagaimana yang kita tahu dari segi biasiswa ini sewaktu kita membuat lawatan seperti ke negara Rusia dan *Europe*, kita faham keadaan mata wang ringgit Malaysia sekarang menurun, yang boleh dikatakan memberi impak yang tinggi. Jadi, ianya memberi kesan kepada pelajar-pelajar kita yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara.

Jadi, apabila kesan penurunan kadar ringgit Malaysia ini, apakah tindakan kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara untuk menampung kos saraan pembelajaran mereka? Sebab saya difahamkan pelajar-pelajar di Moscow, pelajar-pelajar di United Kingdom menghadapi masalah kerana kos sara hidup mereka yang semakin meningkat dan biasiswa adalah dianggap tidak mencukupi. Jadi, adakah kementerian membuat kajian dari segi aspek ini dan bagaimana kita dapat membantu menangani masalah ini apabila berlakunya impak kadar penurunan mata wang ringgit berbanding dengan negara-negara di luar?

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit Maksud B.9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Saya rasa SPRM ini adalah satu yang sering kita baca dalam akhbar-akhbar dan sering mempunyai pelbagai masalah dan kes-kes yang dibangkitkan. Baru-baru ini kalau kita baca Laporan Audit Negara juga masih ada lagi isu-isu ketirisan dan kecuaiian dan ada kalanya tidak masuk akal. Sebagaimana baru-baru ini saya tengok contohnya sebuah *scanner* yang berharga RM200 tetapi harga yang diletakkan sehingga RM4,000 satu.

Jadi, saya rasa ini satu masalah yang harus kita tangani. Kita sentiasa berdebat mengenai masalah ini tetapi jalan penyelesaiannya masih belum kita dapat. Jadi, saya rasa ini amatlah membimbangkan sebab kita tidak mahu persepsi rakyat terhadap pentadbiran kita mempunyai masalah. Saya difahamkan kita juga ada pegawai-pegawai integriti yang sepatutnya memastikan ketirisan dan kecuaiian ini tidak berlaku. Jadi, bagaimanakah fungsi pegawai-pegawai ini dan di manakah mereka ditempatkan supaya kita ingin memastikan pada masa akan datang ini, kita sudah tidak mahu melihat ada lagi masalah-masalah ketirisan dalam Laporan Audit Negara dan tidak mahu persepsi masyarakat ini kita kena tangkis...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah?

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Boleh.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Adakah orang yang melakukan kesalahan itu dihukum? Ada jawapan untuk itu sebab selalu kita baca hanya orang membuat kesalahan tetapi tindakan kita tidak tahu.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dan saya tidak dapat memberi jawapan itu. Jadi, saya harap kementerian juga dapat memberi jawapannya sebab berlaku ketirisan, berlaku kecuaiannya kita mengenal pasti, tetapi apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan yang bersalah itu diambil tindakan dan seterusnya apakah tindakan *prevention*, dengan izin, supaya benda ini tidak berlaku sebab saya rasa ada seorang dua Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu ini. Kita sentiasa membincangkan di Dewan yang mulia ini masalah-masalah tetapi apakah *prevention action*, dengan izin kita supaya ianya tidak berulang?

Seterusnya satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan yang mana telah saya utarakan sewaktu persidangan Dewan yang lalu mengenai isu SPANCO. Ini juga saya rasa saya belum mendapat jawapan daripada pihak kementerian yang mana SPANCO ini mempunyai pelbagai masalah dari segi penyelenggaraan kereta dan pembelian kereta. Jadi, saya ingin bertanya kembali kepada kementerian apakah status Spanko sekarang, apakah tindakan yang telah diambil dan adakah pemantauan yang telah dilaksanakan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh semua pihak disebabkan oleh SPANCO ini?

Seterusnya saya ingin menyentuh dari segi Kementerian Pendidikan. Sebagaimana yang kita ketahui sebelum ini kerajaan ada menyarankan iaitu pelajar-pelajar STPM akan diberi status layanan sebagaimana seorang pelajar prauniversiti dalam usaha kita untuk melatih mereka mensiap-siagakan mereka untuk menghadapi suasana universiti di masa akan datang. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan sejauh manakah perancangan kerajaan ini untuk menjadikan pelajar STPM ini bertaraf prauniversiti telah dilaksanakan atau belum?

Saya juga ingin menyentuh mengenai pelajar-pelajar matrikulasi. Baru-baru ini sewaktu pengambilan pelajar matrikulasi dibuat di seluruh Malaysia dan saya sewaktu itu berada di tempat matrikulasi Gopeng yang mana terlebih pelajar yang diambil sehingga tempat kediaman untuk mereka tidur pun tidak mencukupi. Akhirnya, kita dapat pelajar-pelajar yang terpaksa tidur dalam bilik dewan orang ramai itu mereka terpaksa tidur di situ sebabnya tidak cukup asrama tempat penginapan. Jadi, saya rasa sebagai ibu bapa kalau dia hantar anak dia tiba-tiba kena tidur di dewan saya rasa ini amat tidak efisien.



Jadi, saya rasa harus kita lihat kembali *lodging*, dengan izin, untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam matrikulasi. Kita juga faham sebab sekarang ramai pelajar yang berkelayakan dan harus diberi tempat. Jadi, kita perlu mengkaji kemudahan yang perlu disediakan untuk menampung pelajar-pelajar yang akan masuk sebabnya apabila pelajar itu datang daripada jauh tiba-tiba tempat tidur hanya di dewan, tidur beramai-ramai, sedangkan yang lain mendapat bilik, ianya tidak jadi suatu elok di mata ibu bapa bila menghantar anaknya. Dia pun rasa kurang senang. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian apabila kita buat pengambilan itu adakah dipantau juga dari segi aspek *lodging* di tempat yang mereka akan melanjutkan pelajaran.

Pada zaman yang serba IT ini, saya difahamkan seperti di Maktab Rendah Sains MARA, ibu bapa kita boleh memantau pencapaian pelajar-pelajar yang belajar di MRSM melalui media sosial. Jadi, saya rasa ini satu yang baik kerana ibu bapa berada jauh daripada tempat anak-anak mereka belajar tetapi mereka dapat memantau dari segi pencapaian keputusan anak-anak mereka di pusat-pusat pembelajaran sekolah berasrama penuh. Persoalannya adakah kaedah yang sama boleh kita guna pakai di semua sekolah kebangsaan di dalam negara kita supaya ada kalanya ibu bapa yang sibuk yang tidak berkesempatan untuk memantau anak-anak di sekolah atau untuk berjumpa guru-guru, maka mereka boleh membuat pemantauan pencapaian anak-anak melalui media sosial?

Akhir sekali saya ingin menyentuh Kementerian Kesihatan. Sebagaimana yang kita lihat di bawah Kementerian Kesihatan, kerajaan membelanjakan lebih RM294 bilion lebih untuk menampung kekurangan bekalan ubat *consumable* dan vaksin. Saya rasa ini adalah satu yang harus kementerian beri perhatian sebab sebagaimana yang kita difahamkan seperti di negara-negara luar ada skim insurans untuk membantu mengurangkan kos ini. Sebab saya rasa kerajaan terpaksa mensubsidikan banyak untuk perubatan.

Jadi, kementerian mungkin dapat mengkaji semula bagaimanakah kita dapat mencari satu kaedah supaya kos untuk perubatan ini di masa akan datang dapat kita minimumkan. Mungkin dengan melancarkan satu skim insurans di bawah EPF atau bagaimana saya tidak pasti. Jadi, saya mohon pada kementerian adakah perancangan kementerian untuk memastikan supaya subsidi ubat ini dapat kita kurangkan dengan mencari kaedah-kaedah lain untuk membantu menampung kos perubatan yang semakin meningkat. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim.

**2.50 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya sekarang. Semalam kita sudah mendengar Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman yang telah menyentuh hampir semua kementerian. Daripada runtuhnya bumbung stadium di Kuala Terengganu kepada ke sini pekerja asing, ke sana pekerja asing. Nampaknya dia sudah *cover* semua. Akan tetapi untuk saya, saya hanya akan menyentuh peruntukan beberapa kementerian yang bersangkutan paut dengan isu-isu semasa yang agak hangat dan menjadi bahan perbincangan sama ada di dalam surat-surat khabar, di kaca televisyen, di dalam Dewan Rakyat ataupun perbualan di pejabat-pejabat dan warung-warung teh tarik yang melibatkan rakyat di waktu semasa.

Topik yang pertama yang amat hangat ialah yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri iaitu Butiran 62 ialah berhubung dengan jenayah yang semenjak beberapa tahun ini yang di mana rakyat Malaysia menghadapi banyak masalah jenayah. Sama ada pembunuhan, rompakan, rogol yang melibatkan kumpulan-kumpulan gengster dan sebagainya. Rakyat telah menyuarakan kegelisahan dan rata-rata telah meminta supaya tindakan tegas diambil oleh pihak yang bertanggungjawab. Rakyat juga telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap pihak-pihak tertentu khususnya polis. Kadang kala tuduhan yang tidak adil sama sekali. Apa yang saya hairannya Yang Berhormat, apabila pihak yang berkenaan mengambil tindakan, misalnya polis memburu dan menangkap penjenayah-penjenayah yang terang-terang bersalah. Ada pula suara sumbang dari beberapa pihak yang kononnya bertanggungjawab yang mengkritik tindakan ini.

Apa yang lebih sedihnya, suara-suara ini datang juga daripada orang-orang yang kononnya bertanggungjawab. Selalunya atas dalih *human rights*, seolah-olah mereka ini lupa bahawa *human rights* kepada mangsa-mangsa dan keluarga yang terlibat. Kita hendak gubal undang-undang yang boleh menjaga ketenteraman dan pencegahan jenayah seperti undang-undang yang akan dibincangkan esok untuk keselamatan negara, mereka menentang. Saya sendiri penuh yakin jika kuasa yang diberi melalui undang-undang ini disalahgunakan, Ahli-ahli Barisan Nasional sendiri yang akan mengambil tindakan, tidak perlu tunggu pihak-pihak lain.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, teruskanlah Yang Berhormat, *you are doing a good job*, dengan izin [*Tepuk*] Semua rakyat

menyokong, hanya segelintir sahaja rakyat yang menentang. Akan tetapi Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein pun *is also doing a good job*. Tadi kita mendengar taklimat berhubung dengan KLIA pun, sungguh pun ada unsur-unsur yang mengatakan kosnya akan bertambah daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion tetapi kita diberitahu KLIA2 ini adalah yang termurah dalam dunia kalau dibandingkan. Yang lewat ini ada masalah-masalah tertentu. Di *Germany* katanya hendak buat *airport* ambil masa enam tahun, misalannyalah.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal pun kerja dalam Kementerian Dalam Negeri pun bagus juga. Tidak kurang hebatnya Dato' Mukhriz di Kedah [*Ketawa*] [*Tepuk*] Datuk Seri Haji Mohd. Ali Rustam pun sudah jadi kawan kita di Dewan ini. Yang Berhormat Tuan Baharudin gelak itu. Apa kurang hebatnya Tan Sri Isa Samad, sudah membawakan FELDA ke betul-betul global. Jadi pilihlah yang mana...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh celah sedikit? Kalau semua hebat, hendak pilih tiga, mana satu? [*Ketawa*]

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Itu terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun rakyat Malaysia didedahkan dengan laporan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara yang ramai Yang Berhormat sudah cakap. Laporan ini dibahaskan di Parlimen termasuklah kita semua di Dewan yang mulia ini. Oleh sebab perbahasan yang terbuka ini, maka hangatlah suasana untuk sewaktu. Maka kita dan rakyat jelata persoalkan macam mana jam dinding seperti yang disebut semalam yang berharga RM100, dibeli dengan harga RM3,810 tiap-tiap satu dan *scanner* yang sepatutnya dibeli dengan harga RM200, dibayar RM14,670 iaitu 70 kali ganda. Orang Kelantan cakap ini, "*Tipu atas darat*". Akan tetapi selepas beberapa ketika, kita pula tidak mendengar sebelum daripada dua hari dahululah, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka-mereka yang terlibat dalam mengurus, menyemak ataupun meluluskan pembelian seumpama ini? Apa yang kita dengar ialah ulasan berhubung dengan pembelian-pembelian ini tidak munasabah.

Saya berharap benarlah seperti juga harapan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain serta mana-mana rakyat yang mendengar perbahasan ini supaya siasatan dan tindakan betul-betul diambil terhadap mereka yang terlibat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Mohon mencelah sedikit? Boleh?

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan ketirisan Laporan Audit Negara ini bila Yang Berhormat persoalkan tadi. Jadi apa

yang saya lihat di sini, laporan ini bukan untuk tahun ini sahaja. Kalau kita lihat sudah bertahun-tahun perkara ini dilaporkan. Akan tetapi pada pandangan Yang Berhormatlah saya hendak tanyakan, adakah laporan ini hanya sekadar laporan ataupun laporan ini perlu diambil tindakan? Kalau ada diambil tindakan, bagaimana tindakan yang telah diambil dan siapa yang telah pun diambilkannya tindakan tersebut? Sebab kalau kita lihat di sini, bila laporan berlaku bermakna imej kerajaan. Imej kerajaan yang kita maksudkan adalah Kerajaan Barisan Nasional. Audit telah menjalankan tugas tetapi permasalahan yang berlaku tetap berterusan dari tahun ke tahun. Apakah ini hanya sekadar laporan ataupun perlu tindakan-tindakan yang sewajarnya dilakukan terhadap siapa sahaja, tidak kira jerung biasa atau pun jerung kecil. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, seperti yang saya kata, agaknya laporan ini menjadi laporan sahajalah. Sementara kita membaca laporan, mendengar laporan tetapi kita tidak dengar pula apa tindakannya. Kalau dia hendak bubuh gambar dalam surat khabar pun, dia tutupkan gambar muka orang yang kena itu ataupun dalam televisyen. Maknanya tindakan tidak diambil dengan sepenuhnya. Saya fikir tindakan ini mesti pertama sekali, kalau tidak perlu bawa mahkamah, tindakan disiplin di jabatan masing-masing. Kalau kena buang kerja dan sebagainya sebab dia sudah - saya anggapkan mereka ini adalah penjenayah negara.

#### ■1500

Duit kita, duit yang digunakan, yang diambil untung ini adalah *tax payers' money* termasuklah kita semua yang bayar *tax* ini. Akan tetapi...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Yang Berhormat...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** ...Walau bagaimanapun, saya...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Minta laluan sedikit kejam sebab seronok pula bila dengar Yang Berhormat bercakap tadi itu. Ini kerana mereka ini Yang Berhormat, kalau pada pandangan Yang Berhormat, boleh tidak kita gambarkan mereka ini sebagai pengamal rasuah dan mereka ini jugalah yang perosak nama kerajaan sebenarnya. Bukan daripada pihak-pihak tertentu, tetapi mereka yang terlibat ini. Jadi kalau keadaan begini berlaku Yang Berhormat, Yang Berhormat merasakan sebenarnya imej Kerajaan Barisan Nasional tercalar bukan disebabkan oleh pentadbiran, tetapi disebabkan oleh segelintir mereka yang cuba mengambil kesempatan atas apa yang berlaku terutamanya melalui ketirisan yang telah dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Imej ini bukan sahaja imej terjejas dalam negara. Laporan Audit kita ini dan akhbar-akhbar luar negara pun menyebarnya. Jadi imej kita bukan

sahaja di dalam negara, di luar negara sekali pun. Jadi seperti yang dikata kalau terpaksa ambil disiplin, ambillah tindakan disiplin. Kalau terpaksa bawa ke mahkamah, ambillah tindakan untuk ke mahkamah.

Jadi sebelum pada ini kita tidak dengar apa tindakan yang diambil. Akan tetapi saya mengucapkan tahniah kepada KSN yang telah pun mempengerusikan satu jawatankuasa dan kita harap sekali inilah kalau boleh dalam Laporan Audit yang akan datang, beritahu apa tindakan yang telah diambil susulan daripada Laporan Audit yang telah lepas, istimewa pula yang tahun lepaslah.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia kerana telah membuka 15 kertas siasatan hasil daripada Laporan Audit tahun ini. Jadi kita berharap tindakan ini akan diteruskan dan kita jangan lupakan sahaja. Saya juga mengucapkan ribuan tahniah kepada *Auditor General* yang telah menjalankan tugas ini *without fear or favor*. Kementerian mana sahaja yang terkena, laporan akan dibuat. Ini sepatutnya menjadi alat untuk perkara-perkara seumpama ini tidak akan dibuat lagi di masa-masa hadapan.

Kementerian ketiga dan yang penghabisan yang saya hendak komen sedikit ialah Kementerian Belia dan Sukan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Nanti janganlah kata kempen pula ini ya. Ini kerana dengan secara langsung atau tidak, beliau telah dapat mengatasi beberapa masalah berhubung kait dengan sukan dan kesatuan sukan di dalam negara kita. Nampaknya Rashid Sidek sudah balik ke pangkuan BAM. Apa yang sedihnya, *squash* tidak berjaya menjadi Sukan Olimpik. Nampaknya tidak ada peluanglah Datuk Nicol David memenangi pingat emas di Sukan Olimpik di Brazil.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita ada *F1* tetapi kita tidak ada satu pemandu pun yang ambil bahagian. Nama yang kita sebut ialah Hamilton, Webber dan Raikkonen. Kita anjur LPGA dan US PGA tetapi dalam sukan golf US PGA ini, maka datanglah Phil Mickelson ataupun Henrik Stenson. Tidak ada satu pun pemain Malaysia yang tersenarai dalam Malaysian Open dalam *top 50*, selalunya *bottom 100*. Akan tetapi nampak bola sepak pun sudah begitu popular. Dalam Stadium Kota Bharu pun penuh sesak apabila Kelantan mengalahkan Johor Darul Takzim baru-baru ini, 6-1 pula itu dalam suku akhir *Malaysia Cup*. Tidak tahulah orang Negeri Sembilan sokong Kelantan kah ataupun sokong Johor. Ya, itu sukan dalam negerilah.

Selain daripada golf, kita ada *Tennis Malaysian Open*. Selalunya pemain-pemain kita terkeluar daripada pertandingan awal dan tidak pernah pemain kita ambil bahagian dalam Tennis Terbuka Wimbledon misalnya. Saya hendak minta penjelasan daripada

kementerian ialah apakah perancangan jangka panjang kementerian untuk sukan-sukan yang *high profile* yang termasuk dalam siaran *Fox Sports* ataupun CNN ataupun BBC yang tersiar dalam *prime time* di luar negara untuk menaikkan imej negara kita ini. Sukan yang saya maksudkan ialah golf dan tenis.

Sungguhpun kita ada hampir 40 padang golf dalam lingkungan 50 kilometer daripada KL, kita tidak dapat mengeluarkan pemain jika tidak bertaraf sebagai Tiger Woods pun, sekurang-kurangnya sebagai KJ Choi, Singh atau Thongchai Jaidee pun tidak apalah. Kita ada *golf academy* tetapi saya tidak fikir kalau setakat ahli-ahli akademi bermain seperti saya, seminggu sekali, macam mana hendak jadi *professional golfer*. Hendak turun *handicap* daripada 20 ke 22, ke 20 pun amat-amat susah. Tidak bolehkah misalnya kita mulakan dari sekolah lagi dan khususnya sekolah-sekolah seperti *Penang Free School, my alma mater*, dengan izin, *Malay College* ataupun VI sebagai *golfing school* di mana permainan ini daripada kecil lagi penuntut-penuntut dilatih bermain golf, misalnya dari umur 12 tahun. Begitu jugalah tenis, mulakan dari sekolah rendah lagi. Jadi dengan perancangan seumpama ini Tuan Yang di-Pertua, bolehlah kita berharap...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tumpang laluan lagi Yang Berhormat? Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh, boleh Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minat juga bila Yang Berhormat bercakap tentang masalah sukan kita ini sebab memang kesinambungan kita ini memang kurang. Jadi saya cuma hendak minta pendapat Yang Berhormat, sebab antara kadang-kadang kemerosotan berlakunya dalam bidang-bidang sukan tertentu terutamanya yang bertaraf dunia yang telah dimiliki oleh Malaysia sebelum ini, antara puncanya adalah disebabkan oleh pertelingkahan yang berlaku di dalam persatuan-persatuan sukan tersebut yang menyebabkan sukan ini kadang-kadang dilupakan dan mereka lebih kepada organisasi. Itu antaranya.

Kedua, mungkin kalau pada pandangan Yang Berhormat, disebabkan kita punya modul dari segi sistem pengolahan sukan-sukan tersebut tidak sistematik, kesinambungannya tidak berlaku. Oleh sebab itu bila sampai ke satu tahap kita ada Lee Chong Wei, lepas itu kita sudah tidak ada. Kita ada Nicol David, kemudian kita sudah tidak ada. Sama juga yang berlaku semalam siapa *debate* mengenai sukan takraw pun jadi begitu. Satu masa dulu kita antara negara yang sangat gah dengan sukan takraw. Akan tetapi bila kita sudah kalah dengan Korea, ia satu perkara yang mengaibkan dan

termasuk juga dengan sukan-sukan lain. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahulah dia minat sukan ataupun saya ini dianggap sebagai kawan baik di mana dia boleh celahlah. Terima kasih Yang Berhormat.

■1510

Ya, di antaranya ialah perselisihan. Saya tengok persatuan-persatuan sukan kita ini, yang lebihnya ialah untuk menjadi pengerusi ataupun ahli jawatankuasa. Bukan pun dia fikir apakah tugasnya untuk membawa ahli-ahli sukannya ke tahap yang lebih tinggi daripada *district*, yang lebih tinggi daripada *state* iaitu ke tahap antarabangsa dan seterusnya ke Olimpik. Akan tetapi kita dengar perselisihannya berlaku di kebanyakan daripada persatuan-persatuan sukan kita ini.

Inilah yang saya mulakan dengan mengatakan ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kita yang nampaknya secara *direct* ataupun *indirect*. Kalau dia *direct* sangat pun, persatuan-persatuan ini marah. Akan tetapi dengan kebijaksanaan sebagai orang muda, orang yang pandai bercakap, orang yang pandai berunding. Saya percaya bahawa dalam *Badminton Association* ini pun, apabila Rashid Sidek keluar, dia masuk tangan. Dia kata ambil baliklah dan sebagainya. Ini adalah satu kebijaksanaan yang mesti digunakan di kementerian. Itu sebabnya kita ada kementerian.

Begitu juga di negara-negara lain. Akan tetapi saya fikirlah. Kita hendak cakap tentang sukan-sukan yang besar ini seperti tenis, golf dan sebagainya, sebab sukan-sukan ini kalau US Open misalnya, dua minggu kalaulah kita ada Encik Ahmad yang masuk *semi final* ataupun mula-mula ini pun, nama Malaysia terpampang dalam *prime time* di hampir seluruh dunia. Itu yang kita mahu. Jadi saya setuju, akan tetapi saya kata sukan yang besar-besar seperti tenis dan golf ini mungkin sukar sedikit. Macam mana ini? Sepak takraw pun mungkin Myanmar. Korea Selatan pun mungkin akan satu hari nanti akan mengalahkan kita.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah?

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ya, ya.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sukan kita semakin merosot, jadi adakah berkaitan dengan sistem pendidikan kita, yang mana kita terlalu *emphasize on academic* daripada kokurikulum dan sukan. *Thank you.*

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu pun minat sukan juga itu. Peminat sukan. Akan tetapi kalau saya cakap banyak sangat, nanti terlibat dengan Kementerian Pendidikan pula. Akan tetapi tidak apalah, Tan Sri Dato' Haji

Muhyiddin sudah tidak bertanding. Tidak apalah saya cakap sikit-sikit. Saya setuju. Saya setuju sebab saya hendak ambil contoh masa saya dahulu. Masa saya dahulu, saya belajar di *Penang Free School*. Saya bermain bola untuk sekolah. Apabila *game*, *Penang Free School* lawan dengan *Saint Saviors* ataupun lawan *Malay College*, semua murid-murid daripada sekolah hadir.

Sekarang, anak saya yang main bola, dia pergi main bola, sampai dekat sekolah lima minit sebelum wisel ditiup untuk bermain. Maknanya tindakan kita terhadap kokurikulum istimewa pula kelab sukan, saya fikirlah minta maaf *Ministry of Education* (Kementerian Pendidikan), ini kita kena tukarlah. Saya fikir Kementerian Belia dan Sukan ini kena bekerjasama serapat-rapatnya dengan Kementerian Pendidikan dari segi sukan. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi, saya hendak menghabiskan ucapan saya ini dengan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat, mohon mencelah. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ha, terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya baru, Yang Berhormat. Kena beri peluang. Pertamanya saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pencapaian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Cuma adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya kita menghadapi satu krisis bagaimana melahirkan atlet-atlet yang boleh kita banggakan di peringkat antarabangsa.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat rasa dengan masuk campur Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dalam persatuan-persatuan sukan yang lebih banyak berpolitik daripada melahirkan atlet itu boleh memberikan perkembangan yang baik dalam membina atlet? Adakah juga kita mungkin selama ini Yang Berhormat bersetuju, kita lebih memberikan penekanan kepada sukan-sukan yang berkumpul atau yang berpasukan, dan kita melaburkan jumlah wang yang besar sedangkan kita juga boleh memberikan perhatian kepada sukan-sukan individu. Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang pemain-pemain tenis.

Kebetulan baru-baru ini saya di Palembang berada dalam Kejuaraan Sukan Negara-negara Islam. Saya lihat negara kita mempunyai pemain-pemain tenis yang baik. Akan tetapi mungkin pendedahan tidak diberi kepada mereka sehinggakan kita lebih banyak menghabiskan masa dan peruntukan kewangan yang besar kepada sukan-sukan



yang melibatkan berpasukan. Ini juga terlibat dalam sukan angkat berat. Mungkin kalau boleh kita menghantar atlet-atlet angkat berat yang bersaiz kecil. Ini boleh mencapai pencapaian yang baik di peringkat antarabangsa. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekiranya kita boleh memberikan penekanan khusus kepada sukan-sukan individu ini dan akhirnya boleh melahirkan atlet yang bertaraf antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Di dalam Olimpik misalnya ataupun *Asian Games* dan sebagainya, kita ada pertandingan-pertandingan individu. Akan tetapi sambil juga pertandingan individu macam tenis misalnya, kita ada pertandingan perseorangan yang masalah kita pun, ibu bapa pun fikir sukan ini tidaklah begitu mustahak kerana kehidupan mereka akan terjejas jika tidak dapat *degree* dan sebagainya. Ini boleh buat. Belajar itu belajarlah. Sukan itu sukanlah juga. Akan tetapi sekarang ini seperti yang kita tahu, saya tidak tahulah kita diberitahu Messi, *footballer* itu saya fikir RM10 juta seminggu. Tiger Wood RM75 juta setahun dan sebagainya. Jadi dari segi itulah.

Berbalik kepada pendapat Yang Berhormat, terima kasih. Saya setuju bahawa kita juga kena ambil kira pemain-pemain individu. Pemain-pemain individu ini ialah macam tenis, badminton yang kita buat, golf dan sebagainya selain daripada berpasukan. Masalahnya di negara kita ini, saya tengok bolalah seperti contohnya bola ini dia pasukan.

Saya amat bangga dengan pertandingan bola seperti Malaysia Cup dan sebagainya. Rakyat pergi tengok di satu-satu tempat itu tidak kira apa kepercayaan politik. Dia bersatu dan menyokong pasukannya. Kita bangga dengan seumpama ini. Berhubung dengan percampuran ahli politik ini, saya fikir ini terpulang kepada individu politik yang kita pilih itu. Masalah kita seperti yang kita pernah kata, orang yang tidak berpolitik mengatakan ahli-ahli politik sepatutnya tidak menjadi pengerusi persatuan-persatuan sukan. Yang sebenarnya ini terpulang kepada individu. Kebijaksanaan dia menguruskan persatuan masing-masing.

Jadi itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyerlah dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah robbil alamin. Wassolatuwassalamu alaashrofil ambiyaiwalmursalin. Waala alihi wasohbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan juga salam sejahtera.

■1520

Jadi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada kali ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM14 bilion dan sebahagian besar daripada perbelanjaan tambahan ini adalah melibatkan bagi Maksud B.10 dan B.11 di bawah Kementerian Kewangan di mana ia melibatkan sebanyak hampir RM12 bilion dan bagi RM8.8 bilion daripada RM12 bilion ini, ianya bagi menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum bagi tahun 2012.

Cuma untuk tujuan ini, saya mohon kerajaan memberi penjelasan dan juga pecahan lengkap ataupun butiran terperinci subsidi yang diberikan ini terutamanya subsidi gas kepada industri dan juga penjana bebas. Jadi sekali lagi saya ulangi, saya mohon butiran terperinci daripada jumlah subsidi ini yang diberikan dalam bentuk subsidi gas kepada pihak industri dan juga penjana bebas.

Masih lagi di bawah Maksud B.10 dan B.11 Kementerian Kewangan, saya ingin menyentuh berkenaan hasil daripada duti arak. Apa yang kita faham dasar yang ditetapkan oleh kerajaan, kerajaan meletakkan duti arak yang tinggi bertujuan mencegah ataupun tidak menggalakkan peminuman arak di kalangan masyarakat Malaysia tidak mengira agama sama ada agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan sebagainya. Namun mengikut Laporan Audit Negara bagi tahun 2012, pungutan duti arak ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh berhenti sebentar kerana ada usul Menteri. Terima kasih Yang Berhormat.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****3.22 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 9 Oktober 2013”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat teruskan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kembali kepada Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012 pungutan duti arak sentiasa meningkat walaupun kadar duti arak yang tinggi telah ditetapkan beberapa tahun yang lepas. Kita melihat bagi:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Duti Arak (RM / juta)</b>
2010	157.81
2011	179.6
2012	257.4

Daripada sudut analisa peratus kenaikan bagi tahun 2011 kenaikan 13% duti arak dan bagi tahun 2012 hasil duti arak meningkat sebanyak 43.26%. Jadi kita melihat kenaikan hasil duti arak adalah meningkat saban tahun dan kenaikan bagi tahun 2012 adalah 43.26%. Jumlah kenaikan ini tidak termasuk dengan apa yang telah ditegur oleh

Audit, di mana Audit menegur bahawa telah berlaku silap tafsiran. Sebenarnya jumlah kutipan duti arak sepatutnya lebih tinggi.

Apa yang kita faham daripada statistik ini, usaha kerajaan untuk mencegah dan mengurangkan peminuman arak, penggunaan arak di kalangan masyarakat Malaysia dengan mengenakan duti yang tinggi tidak berjaya. Saya bawakan beberapa statistik yang dikemukakan oleh beberapa organisasi yang terkemuka. Contohnya WHO atau *World Health Organization* telah meletakkan Malaysia sebagai antara 10 pengguna tertinggi arak di Malaysia walaupun keluasannya yang kecil dan populasinya yang hanya 28 juta orang. Itu adalah perangkaan yang diberikan oleh WHO dan perangkaan WHO juga menyatakan penggunaan arak di Malaysia melebihi purata penggunaan arak dunia, di mana penggunaan per kapita Malaysia adalah 11 liter per kapita sedangkan puratanya hanya 7 liter per kapita sahaja.

Ini melambangkan keseriusan penggunaan ataupun peminuman arak di Malaysia. Kita juga boleh melihat beberapa masalah yang berpunca daripada arak. Mengikut statistik 30% punca kemalangan adalah berpunca daripada meminum arak. Mengikut kajian di Hospital Kuala Lumpur tetapi kajian ini telah agak lama, dalam tahun 1993 sebanyak 48% pesakit yang dirujuk di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1993 adalah di kalangan orang-orang yang mengamalkan meminum arak.

Jadi saya melihat di sini aktiviti meminum arak, tabiat meminum arak sebenarnya terlalu banyak keburukan berbanding dengan kebaikan yang sangat sedikit. Apa yang kita perhatikan dari sudut agama sendiri, 60% rakyat di Malaysia adalah beragama Islam dan kita semua faham rakyat ataupun individu beragama Islam haram meminum arak dan kita pun telah ada undang-undang yang melarang umat Islam, orang Islam meminum arak tetapi sebenarnya bukan sahaja di kalangan Islam sahaja yang hukumnya haram. Saya bacakan di sini ayat ataupun maksud ayat daripada *Bible*.

Di mana di dalam *Bible* sendiri ada ayat-ayat yang mengharamkan arak. Contoh saya bacakan daripada Provert 21-1, dengan izin yang bermaksud, "*Wine is a mocker, strong drink is raging: and whosoever is deceived thereby is not wise*". Satu lagi petikan daripada *Bible* yang bermaksud, "*And be not drunk of wine*". Itu adalah daripada hukum apa yang terdapat di dalam *Bible* yang merupakan pegangan bagi masyarakat Kristian.

Saya yakin bagi agama-agama lain pun semuanya mencegah daripada kejahatan dan menggalakkan kepada kebaikan dan apa yang kita faham arak ini adalah ibu segala kejahatan. Apabila seseorang dalam keadaan mabuk, itu memungkinkan dia melakukan jenayah demi jenayah, kesalahan demi kesalahan, kejahatan demi kejahatan sebab akalnya telah dikuasai oleh keburukan dan nafsu. Hari ini apa yang diketengahkan, apa

yang diperkatakan meminum arak adalah bukannya sebagai suatu budaya yang tidak menyebabkan ketagihan arak tetapi sebenarnya mengikut kajian punca ketagihan arak sebenarnya bermula daripada seseorang yang meminum arak hanya untuk fungsi-fungsi sosial yang dikatakan sebagai *social drinker*. Apabila seseorang mengamalkan meminum arak hanya sebagai *social drinker* di peringkat akhir ia akan membawa kepada penyakit ketagihan arak.

#### ■1530

Jadi, hari ini saya menyeru kepada kerajaan untuk mengambil langkah awal, mencegah lebih baik daripada mengubati dengan izin, '*prevention is better than cure*'. Dalam bahasa Arab [*Berucap dalam bahasa Arab*] Jadi, hari ini kita melihat ancaman arak ini mungkin masih kecil. Mungkin masih di peringkat awal yang perlu dikawal ketika kecil, apabila besar sudah menjadi tabiat, sudah menjadi budaya dalam masyarakat kita. Contohnya budaya merokok, dadah. Dadah sudah menjadi ancaman yang sangat besar. Merokok sudah merebak sehingga sudah menjadi susah untuk dikawal.

Jadi, untuk aktiviti ataupun tabiat masyarakat Malaysia yang mungkin suka mengamalkan minum arak, sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah yang sesuai mengawal dalam bentuk yang lebih efektif. Bukan semata-mata meletakkan harga yang tinggi ke atas duti bagi mengawal peminuman arak yang bagi saya tidak begitu berkesan seperti mana kita mengambil tindakan meletakkan harga yang tinggi pada rokok.

Masalah rokok tidak selesai dengan meletakkan harga yang tinggi. Orang yang menghisap rokok masih lagi membeli rokok walaupun harganya sangat tinggi. Jadi, hari ini saya menyeru kepada kerajaan mengambil langkah yang lebih efektif bagi mengatasi masalah-masalah arak di Malaysia. Seterusnya masih lagi di bawah maksud B.10 dan B.11, Kementerian Kewangan...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh mencelah sedikit kah tidak?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mengikut statistik, kalau Yang Berhormat ada. Kalau dibanding dengan negara-negara lain, cukai arak kita kalau dibandingkan dengan Australia atau United Kingdom, kalau ada. Macam mana bandingannya? Adakah kita ini terlampau rendah supaya kita boleh bincang untuk menaikkan ataupun sebagainya? Hal ini kerana *effectiveness*, banyak mana hendak cukai ini? Macam rokok sahajalah. Saya fikir kalau cukai 200% lagi pun Yang Berhormat Baharudin akan terus menghisap rokok [*Ketawa*] Akan tetapi rokok tidak mengapa, bukan haram.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Kita *share* saja.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Oleh itu, hendak minta kalau ada statistik. Saya sendiri pun tidak tahu. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak tahu setuju atau tidak yang ramai pengguna arak kemungkinan pelancong asing. Kalau naikkan *tax* atau cukai ikut ucapan Yang Berhormat tadi belum cukup, jadi apa yang paling bagus? Memang *I* pun tidak suka orang minum arak. Ini kembali kepada *human right*. Okey, *Thank you*.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Berkenaan dengan kadar duti, cukai arak di negara-negara lain saya pun tidak ada. Namun saya ingin sebut di sini, di Amerika Syarikat. Saya pernah terbaca di Amerika Syarikat pernah menggubal undang-undang mengharamkan arak kerana masalah ketagihan arak dan masalah-masalah lain yang berpunca daripada ketagihan arak di kalangan rakyat di Amerika Syarikat. Akan tetapi apabila undang-undang tersebut diluluskan dan berkuat kuasa seketika, undang-undang itu terpaksa ditarik balik kerana apabila arak disekat menyebabkan terlalu banyak lagi masalah lain seperti kongsi-kongsi gelap yang menyebabkan pembunuhan, peras ugut, culik dan sebagainya.

Jadi, akhirnya undang-undang tersebut terpaksa ditarik balik kerana telah menyebabkan masalah lain yang lebih serius. Itu berlaku di Amerika Syarikat. Berkenaan dengan penggunaan ataupun peminuman arak, itu mungkin berpunca daripada pelancong. Bagi saya jumlah pelancong adalah sedikit berbanding dengan jumlah rakyat Malaysia yang hampir 30 juta. Mana mungkin hasil sebanyak RM1.5 bilion setahun daripada penjualan arak datang daripada pelancong yang bilangannya sangat sedikit.

Saya sambung kepada seterusnya, masih lagi di bawah Maksud B.10 dan B.11, Kementerian Kewangan. Berkenaan dengan kaedah perolehan secara runding terus yang diguna pakai oleh kerajaan pada hari ini yang kaedah ini digunakan secara agak berleluasa dan kaedah runding terus ini juga melibatkan kontrak-kontrak kerajaan yang bernilai ratusan juta ringgit. Saya mengambil contoh, ini juga saya merujuk kepada laporan audit 2012 yang menyebut tentang lima buah projek *incinerator* yang dibuat di Malaysia telah diberikan kepada satu syarikat, syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. sebagaimana yang disebut dalam laporan audit, telah diberikan oleh pihak kerajaan Malaysia kepada syarikat tersebut secara runding terus. Projek atau kontrak tersebut melibatkan kewangan kerajaan sebanyak RM187.74 juta.

Projek tersebut sekiranya berjaya kemungkinan kita tidak akan banyak persoalan. Akan tetapi pembinaan empat daripada lima projek tersebut, kesemuanya mengalami kelewatan dan memerlukan perlanjutan masa selama beberapa kali dan kelewatan ini

daripada 240 sehingga 693 hari. Apabila projek diserahkan untuk beroperasi terbukti *incinerator* yang dibina tidak dapat beroperasi dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Jadi, apa yang saya ingin bangkitkan di sini kaedah runding terus. Apakah kriteria syarikat-syarikat yang boleh diberi secara runding terus? Kaedah runding terus adalah bagi syarikat-syarikat yang memang mempunyai prestasi yang sangat memuaskan. Tidak ada orang lain yang buat melainkan dia sahaja buat dan projek ini akan berjaya. Itu runding terus. Terbukti kita akan mendapat balik *value for our money*, *value* untuk duit kerajaan, *value* untuk duit rakyat.

Akan tetapi hari ini projek lima *incinerator* ini bertempat di lima tempat yang kritikal ini, terbukti hendak kata gagal mungkin agak keterlaluan tetapi tidak berjaya. Tidak berfungsi sepenuhnya. Ahli-ahli Yang Berhormat semua boleh membaca dan boleh melihat betapa kerajaan membelanjakan sebanyak RM187 juta dan tidak mendapat pulangan yang sepatutnya. Malah terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lain bagi menampung operasi yang tidak dapat dilaksanakan oleh projek yang telah sepatutnya berjalan. Jadi, saya minta kerajaan mengkaji kaedah runding secara terus, apakah kriteria-kriteria sepatutnya, apakah syarat-syarat ketat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan projek-projek, kontrak-kontrak diberi secara runding terus?

#### ■1540

Seterusnya, masih lagi di bawah Maksud B.10 dan B.11 iaitu berkenaan dengan Jawatankuasa Khas Mengkaji Pemberian Hasil Petroleum Negeri-Negeri Pantai Timur. Saya telah dimaklumkan bahawa mesyuarat jawatankuasa khas yang pertama telah diadakan pada 7 Mac 2013 dan jawatankuasa tersebut dikehendaki menyempurnakan terma rujukan dalam tempoh enam bulan iaitu berakhir pada 8 Ogos 2013 yang lepas. Cuma saya ingin memohon sehingga kini, apakah status perbincangan dan bilakah jangkaan pandangan dan syor-syor kepada jawatankuasa boleh dimuktamadkan?

Seterusnya saya ingin pergi kepada Maksud B.45 - Kementerian Belia dan Sukan. Bagi Maksud B.45 ini, sebanyak RM21 juta telah dipohon bagi kos pengelolaan Sukan Malaysia Sukma Negeri Perlis 2014. Kita sangat menyokong aktiviti-aktiviti sukan yang kita yakin mampu mewujudkan perpaduan kaum, perpaduan masyarakat dan dalam masa yang sama akan menjana belia-belia kita yang sihat. Pepatah Arab menyebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Bermaksud dengan izin, "*Akal yang sihat berada pada tubuh badan yang sihat*". Kita menyokong aktiviti ini yang begitu sihat. Namun, bagi seorang Islam, walau dalam keadaan bersukan, sekiranya sukan itu patuh syariah, kita bersukan dengan menunaikan solat, kita bersukan dengan menjaga etika-etika adab pergaulan dan menjaga batas-batas syariat, bersukan kita sebenarnya adalah satu ibadah.

Jadi hari ini, bagi sebuah temasya sukan yang akan melibatkan belia-belia di seluruh Malaysia, sekiranya di dalam temasya sukan, kita menyediakan pegawai sukan, kita ada pegawai yang mungkin yang dipanggil sebagai pegawai sains sukan, kita ada juga pegawai kaunselor yang akan menyuntik motivasi, kita akan ada juga pegawai-pegawai *dietary* yang memberi nasihat-nasihat pemakanan. Kita juga sebenarnya perlu kepada pegawai agama yang akan berfungsi memastikan temasya sukan ini berjalan dan memastikan para atlet kita yang beragama Islam sentiasa dapat menunaikan solat walaupun dalam keadaan sibuk dengan pertandingan dan juga sibuk dengan latihan-latihan sukan. Pada masa yang sama, pegawai agama yang dilantik ini juga boleh memberi nasihat, boleh memberi bimbingan, boleh memberi panduan daripada sudut batas-batas pergaulan.

Sekali lagi saya tekankan di sini, perlu diambil satu langkah keselamatan kawalan disiplin yang ketat bagi asrama-asrama atlet-atlet wanita. Kita tidak ingin berlaku sekali lagi perkara yang telah berlaku sebelum ini yang mana atlet wanita telah dirogol. Kita tidak ingin aktiviti sukan ini bercampur dengan perkara-perkara maksiat yang tentu sekali adalah tidak sihat dan tidak selaras dengan matlamat sukan itu sendiri.

Jadi, hari ini saya minta supaya pengaturcaraan tentatif program pertandingan dan latihan mengambil kira keperluan atlet-atlet Muslim yang perlu solat. Saya ambil contoh, situasi hari ini yang berlaku, jadual perlawanan-perlawanan bola sepak di stadium-stadium biasanya bermula seawal pukul 8. Akan tetapi, penonton telah memenuhi stadium seawal pukul 6.30 petang sehingga pukul 7. Persoalannya, waktu Maghrib yang pendek di antara pukul 7 hingga pukul 8, pukul 7.30 hingga pukul 8.30, di mana mereka solat Maghrib? Itu suatu persoalan yang timbul.

Tugas *programmer*, tugas orang yang menjadi urus setia memastikan kemudahan disediakan, memastikan agar mereka dimaklumkan tempat-tempat solat yang sesuai, tempat berwuduk yang sesuai supaya mereka boleh solat. Itu tugas tetapi kalau mereka tidak solat, itu masalah mereka. Cuma hari ini daripada sudut penganjur, daripada sudut pengaturcaraan, perlu *concern*, perlu prihatin tentang waktu-waktu tersebut. Daripada sudut infrastruktur stadium itu sendiri, infrastruktur juga perlu disediakan bagi memenuhi keperluan-keperluan atlet untuk solat.

Seterusnya saya ingin menyentuh bagi Maksud B.46 - Kementerian Sumber Manusia. Saya telah menerima aduan daripada beberapa orang dan saya rasa aduan ini, maklumat ini tidak asing sebab telah pun boleh dilihat melalui laman-laman web di internet iaitu hari ini, terdapat belia-belia kita yang wanita-wanita Islam yang bertudung bila mana mereka pergi untuk mendapatkan pekerjaan, memohon pekerjaan di premis-



premis perniagaan di pusat bandar raya Kuala Lumpur terutamanya bagi premis perniagaan yang berjenama, mereka telah meletakkan syarat tidak menerima pekerja wanita Islam bertudung. Kalau kita melihat kepada video klip yang ditayangkan, secara jelas pihak pengurus pusat perniagaan berkenaan, pusat perniagaan yang berjenama, memang menyebut, "*Sekiranya awak hendak bekerja di sini, awak kena buka tudung*".

Jadi, fenomena itu berlaku di Malaysia. Di manakah kedaulatan agama Islam? Di manakah kedaulatan umat Islam? Sedangkan saya difahamkan, di Eropah sekarang ini, mereka mengalu-alukan pekerja-pekerja daripada kalangan wanita Islam bertudung. Mereka begitu yakin dengan wanita-wanita Islam yang bertudung. Itu di Eropah tetapi kita di Malaysia berlaku perkara yang sebaliknya. Saya mohon Kementerian Sumber Manusia ataupun pihak-pihak berwajib yang lain menyiasat perkara ini agar tidak berlaku diskriminasi ke atas wanita-wanita Islam yang bertudung di Malaysia.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2011 yang menyebut tentang separuh daripada penganggur adalah dalam kalangan rakyat yang berpendidikan menengah. Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini, adalah pihak Kementerian Sumber Manusia membuat kajian terperinci adakah penetapan gaji minimum sebanyak RM900 akan menyebabkan kadar pengangguran ini semakin tinggi? Ini disebabkan saya ada mendengar beberapa syarikat kecil yang mengatakan bahawa mereka tidak mampu untuk membayar gaji minimum RM900.

Kemungkinan pekerja rendah daripada kalangan kerani, pembantu am terpaksa dikurangkan daripada lima orang kepada dua orang. Jadi, saya ingin pohon sekiranya Kementerian Sumber Manusia mengkaji berkenaan dengan perkara ini sama ada penetapan gaji minimum RM900 akan menjejaskan ataupun meningkatkan kadar pengangguran bagi kalangan belia-belia kita terutamanya yang mempunyai pendidikan menengah.

Seterusnya yang terakhir, bagi Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Satu perkara, saya amat tertarik dengan berita yang disiarkan baru-baru ini di surat khabar berkenaan dengan pusat setempat aktiviti kanak-kanak yang diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dibina buat pertama kalinya di Kuala Selangor.

#### ■1550

Saya memohon sangat mengalu-alukan pembinaan pusat setempat aktiviti kanak-kanak ini, kalau boleh diperluaskan lagi di tempat-tempat lain terutamanya di luar-luar bandar bagi memastikan anak-anak kita terutamanya di luar bandar, masa mereka terisi dengan lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah. Silakan Yang Berhormat.

**3.50 ptg.**

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya, mengenai Maksud Butiran B.06 – Jabatan Perdana Menteri, Perkara 1 di mana tambahan sebanyak RM30 juta adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan tambahan operasi **TV AlHijrah** yang tidak mencukupi sehingga akhir tahun. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa **TV AlHijrah** dibentuk lebih kurang tiga tahun yang lalu untuk menjadi satu stesen TV penyiaran alternatif kepada mereka yang cenderung kepada penyiaran-penyiaran yang berbentuk Islam.

**TV AlHijrah** pernah berikrar bahawa mereka tidak akan menyiarkan cerita-cerita ataupun artis-artis sekiranya pelakon-pelakonnya ini tidak bertudung. Saya ingin bertanya, adakah **TV AlHijrah** masih lagi komited dengan janji-janji ini? Apa yang ingin saya timbulkan di sini berkenaan dengan peruntukan tambahan yang di pinta di sini. Adakah peruntukan tambahan ini lebih berbentuk kepada operasi dalam penyediaan kandungan ataupun sebagainya? Saya ingin mendapatkan penjelasan secara terperinci berapakah kos yang diperlukan untuk penyediaan kandungan dan berapakah kos yang diperlukan untuk operasi?

Kita sedia maklum bahawa peringkat awal **TV AlHijrah** telah menggunakan pemancar dan telah membeli peralatan untuk pemancar. Akan tetapi, pemancar setakat ini hanya dipasang di Pahang, di Kedah dan di Kelantan. Hari ini **TV AlHijrah** telah menggunakan platform Astro dan tidak memerlukan lagi kepada pemancar ini. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kerajaan apa telah jadi kepada pemancar ini? Adakah telah menjadi besi buruk ataupun sebagainya? Kita juga maklum bahawa dalam kos operasi, menyediakan berita merupakan satu kos yang sangat tinggi.

Hari ini kita tahu bahawa TV3 menjuarai dalam memaparkan berita dan mempunyai penonton dan *rating*nya yang sangat tinggi. Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, berapakah belanja yang dikeluarkan di **TV AlHijrah** untuk bilik berita dan apakah **TV AlHijrah** masih perlu untuk membuat berita sedangkan pada waktu yang

sama TV **AlHijrah** menyiarkan berita, TV3 juga menyiarkan berita dan mempunyai penonton yang lebih ramai yang mana kita tahu bahawa kos untuk penyiaran bilik berita ini sangat tinggi? Sebagai sebuah stesen penyiaran, saya berpandangan bahawa TV **AlHijrah** tidak boleh terlalu bergantung kepada pihak kerajaan dan harus meletakkan satu perancangan bagaimana pada suatu ketika nanti dia boleh berdiri sendiri dengan mempunyai pendapatan.

Jadi saya minta dinyatakan dengan terperinci perancangan-perancangan ini sekiranya ada, bilakah TV **AlHijrah** boleh berdiri sendiri? Adakah kos yang diminta untuk tambahan operasi ini melibatkan kos gaji yang diterima oleh CEO? Kita sedia maklum bahawa dalam mana-mana syarikat, seorang CEO hanya diberi kontrak selama dua tahun dan boleh diperbaharui sekiranya dia menunjukkan *performance* yang baik. Saya ingin penjelasan, kenapa CEO TV **AlHijrah** dikontrakkan selama lima tahun daripada tahun 2012 sehingga tahun 2017 sedangkan kita sedia maklum bahawa CEO mengalami masalah kesihatan?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Pohon mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh? Sekejap.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Lama tidak mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan bidang penyiaran ini ya Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang TV **AlHijrah** ini betul. Sebab kita tahu dari segi bajet tambahan pun sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan untuk kali ini. Yang bermaksud kita tahu di dalam kerajaan kita, kita ada dua entiti penyiaran iaitu RTM ataupun Jabatan Penyiaran dan juga TV **AlHijrah**.

Saya tidak nampak kenapa TV **AlHijrah** ini digabungkan di dalam Jabatan Penyiaran atau yang mana di sana jabatan ini kita sudah ada pelbagai *facilities* yang mungkin kita boleh jadikan Jabatan Penyiaran RTM ini sebagai induk kepada TV **AlHijrah** ini. Sebab cuma *contents* yang dibawa di dalam TV **AlHijrah** ini cuma *contents* yang berbentuk agama Islam.

Jadi saya tidak nampak kenapa perlu ada pengasingan sedangkan kalau digabungkan di dalam RTM saya lihat ini lebih mudah untuk kita bentuk dari segi bajet dan juga mungkin dari segi kakitangan dan juga *equipment* yang terpaksa disediakan segala-galanya di dalam bentuk yang baru kalau TV **AlHijrah** ini dibentuk. Sedangkan di RTM kita sudah sampai ke peringkat digital dan lebih tinggi teknologi. Jadi saya minta

pandangan Yang Berhormat, kenapa perkara ini perlu diasingkan sedangkan entitinya sama? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Ucapan Yang Berhormat saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Berbalik daripada apa yang saya bincangkan tadi, peralatan ya Yang Berhormat. Kita beli pemancar dan sebagainya dan hari ini terpaksa menjadi satu besi buruk selepas kita guna hanya beberapa tahun. Saya berbalik juga tentang kos operasi tadi, rasionalnya saya lihat kalau CEO Tabung Haji pun dua tahun sahaja. Kenapa CEO harus disambung sehingga lima tahun sedangkan Pengerusi TV **AlHijrah** sendiri kontraknya cuma dua tahun sahaja?

Kita tahu bahawa CEO sekarang sudah tidak dapat berfungsi atas faktor kesihatan dan apakah TV **AlHijrah** terpaksa membayar lagi kos yang lebih untuk membayar kepada pemangku kepada CEOnya sekarang? TV **AlHijrah** juga dalam jawapan bertulis kepada saya menyatakan bahawa mereka merupakan satu-satunya stesen TV yang berkisarkan program-program daripada Singapura, Brunei dan Indonesia dan boleh dianggap sebagai penyedia kandungan *Islamic* di Asia Tenggara. Pada saya kalau kita telah menyediakan hal-hal yang sedemikian, kita sepatutnya melihat bahawa ini sebagai satu *income* kepada TV **AlHijrah**.

Jadi saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, apakah perancangan operasi pada akhir tahun dan apakah *income* dan pendapatan dan tidakkah iklan dan sebagainya ini boleh dijadikan sebagai *income* yang boleh menampung kepada operasi dalam TV **AlHijrah** itu sendiri?

Begitu juga dalam Maksud Butiran B.06 - Jabatan Perdana Menteri ada juga menyebut tentang kos Institut Wasatiyah sebanyak RM7 juta diperlukan untuk *kos* Institut Wasatiyah. *Kita* mengucapkan terima kasih kerana saya percaya dengan adanya institut ini akan dapat membendung ajaran Syiah dan ajaran-ajaran sesat dan seterusnya memaklumkan kepada masyarakat tentang apakah ajaran kesederhanaan dan pemikiran-pemikiran yang tidak membawa kepada pemikiran-pemikiran melampau dan pemikiran-pemikiran yang menyeleweng.

Cuma di dalam Institut Wasatiyah ini adakah kerajaan bercadang mengadakan satu bahagian untuk menyelidiki Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Ini kerana pusat penyelidikan Ahli Sunnah Wal-Jamaah sudah pun diadakan di Brunei dan pada pandangan saya benda ini boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan sekurang-kurangnya segala penyiaran daripada buku yang mirip kepada akidah Syiah ini akan dapat disekat daripada dipelajari daripada universiti lagi. Bila kita bercakap tentang pemikiran-pemikiran yang melampau, pemikiran-pemikiran yang menyeleweng kita berharap Institut Wasatiyah ini

akan dapat dijadikan sebagai satu rujukan yang utama kerana pada hari ini ramai lagi masyarakat yang masih keliru tentang Syiah ini apa yang membezakan antara Syiah dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Bagi seorang layman, dengan izin, ataupun orang biasa ataupun orang awam, mungkin tidak dapat melihat dari segi fizikalnya mereka yang membawa kepada fahaman Syiah.

#### ■1600

Jadi pada saya kita harus menggariskan dengan jelas apakah perkara-perkara asas terutamanya soal-soal akidah. Akidah yang bagaimana yang boleh dikatakan seseorang itu membawa kepada Syiah dan sebagainya. Ini kerana kalau kita katakan Syiah setakat diberi definisi Syiah itu mengkafirkan sesama Islam, kalau kita kata Syiah itu mengkafirkan sesama Islam, PAS pun pernah mengkafirkan UMNO sebelum ini. Jadi saya lihat inilah peranan besar yang harus dimainkan ...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sekali lagi Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya kita bercakap fasal Syiah ini pun satu hal lagi Yang Berhormat sebab dia melibatkan agama Islam kita. Cuma saya tidak faham, mungkin Yang Berhormat mungkin boleh bagi saya pemahaman sedikitlah kan berkenaan dengan Syiah ini. Ini kerana masalahnya sekarang kita hendak tahu dari segi pemberitahuan daripada pihak-pihak tertentu terhadap rakyat kita tentang kaedah Syiah ini yang sebenar. Ini kerana rata-rata di bawah sana kita bercakap tentang Syiah dan kita bercakap tentang hal-hal yang lain yang melibatkan Islam, tetapi saya tidak nampak fungsi-fungsi jabatan-jabatan tertentu ataupun kementerian-kementerian yang tertentu yang memberikan pemahaman yang sebenarnya kepada rakyat di bawah sana tentang apa yang sebenarnya yang kita perkatakan tentang Syiah ini.

Ini kerana kalau saya hendak bercakap tentang Syiah pun saya tidak berani hendak cakap. Ini kerana saya tidak faham secara keseluruhannya dari segi konteks, apa yang menyebabkan keadaan ini ada perbezaannya dengan amalan yang kita lakukan, yang kita amalkan di dalam negara kita dalam ketika ini. Jadi kadang-kadang bila bercakap tentang konflik Syiah ini, memang dia bagi *confuse* pada rakyat di bawah. Ada yang faham dan ada yang kadang-kadang kata apa masalah Syiah ini. Dia pun sembahyang lima waktu dan sebagainya. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang mencelah ringkas sahaja, jangan panjang-panjang.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah yang saya tekankan tadi. Saya berpandangan bahawa setakat ini masyarakat ataupun orang awam atau *layman* yang saya katakan tadi dengan izin, masih lagi kurang faham bagaimana hendak mengenali seseorang itu berpegang kepada ajaran Syiah ataupun Ahli Sunah Wal-Jamaah. Kalau setakat nikah mutaah itu tidak nampak. Setakat sembahyang, mereka juga bersolat.

Jadi apakah kriteria dalam hendak mengenal seseorang itu berpegang kepada ajaran Syiah. Pada saya dia harus balik kepada perkara *basic* ataupun perkara asas iaitu perkara akidah. Percaya kepada Allah, tetapi dalam masa yang sama mempertikaikan hadis-hadis yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan juga harus diketengahkan yang saya rasa inilah yang perlu dilaksanakan oleh Institut Wasatiyyah ataupun Institut IKIM yang memberi tentang kefahaman Islam memahamkan masyarakat apa perkara yang menyebabkan orang begitu tertarik untuk mengikut kepada ajaran Syiah? Apakah ajaran Syiah ini terlalu mudah ataupun setengahnya berpandangan bahawa ajaran Syiah ini logik dan mempunyai jawapan-jawapan rasional sehingga begitu ramai sekali profesional-profesional dan *educated people* suka kepada Syiah. Ini kerana Syiah selalu memberi kepada mereka jawapan tentang masalah-masalah yang mereka ketengahkan dan...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta laluan. Saya pun tertarik untuk memberi pandangan ataupun hendak tanya sahaja Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita mengatakan berhubung dengan masalah Syiah ini, yang sebenarnya masalah yang sebenarnya adakah masalah ini sangat besar di Malaysia ini dan berapa yang sebenarnya orang yang kalau Yang Berhormat tahulah, berapa orang yang sebenarnya, kita dapat macam-macam angka. Juga untuk masa panjang, adakah ia menjadi masalah seperti yang terjadi di Iran, di Iraq. Pada sayalah, ini adalah masalah yang besar sehinggakan menjadi peperangan. Saya ingat di Syria pun satu negara masalah. Jadi untuk negara kita ini apa dia masalahnya dan pandangan Yang Berhormat dari segi masa panjang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bila disebut bahawa ramai menyebut angka-angka yang akhirnya kita jadi keliru berapa banyak sebenarnya. Untuk menjawab tentang angka itu, kita perlu diberi satu garis panduan yang jelas bagaimana mengenali antara Syiah dan juga Ahli Sunah Wal-Jamaah

ini dengan kategori yang tersendiri yang saya sebut tadi, kita harus balik kepada perkara asasnya ialah tentang akidahnya. Kebimbangan saya ialah kepada fahaman-fahaman ini, ramai profesional yang bercakap bahawa mereka suka kepada Syiah ini kerana Syiah ada *all explanation*, ada semua jawapan dan boleh menceritakan tentang rasional-rasional.

Jadi inilah pada pandangan saya harus dimainkan oleh IKIM mahupun Institut Wasatiyyah yang memerlukan perbelanjaan tambahan tadi. Saya mendengar ucapan daripada Senator Dato' Dr. Johari bin Mat semalam dan saya ingin mendengar juga tentang struktur pentadbiran siapakah peneraju-peneraju di dalam Institut Wasatiyyah ini dan perancangan-perancangan yang telah diletakkan untuk menjamin bahawa pengaruh Syiah ini tidak menjadi masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Saya hendak mengatakan ya, kalau tidak dibendung dia boleh membawa kepada peperangan seperti mana yang berlaku kerana Syiah sampai kepada taraf menghalalkan darah untuk dibunuh. Jadi, hal-hal ini dilihat sangat serius dalam pemikiran masyarakat kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada B.48 berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Perkara 1 di mana RM100 juta diperlukan bagi menampung keperluan tambahan peruntukan untuk keluarga miskin, orang kurang upaya dan juga warga emas. Saya ingin menyentuh pertamanya tentang warga emas. Kita sedia maklum bahawa kerajaan telah memperkenalkan Dasar Warga Emas di mana dalam Dasar Warga Emas ini kerajaan memberi bantuan. Kalau untuk membuka usaha taska, kerajaan bagi bantuan dan juga bagi kursus. Akan tetapi untuk membuka premis warga emas, kerajaan hanya memberi geran tahunan bagi menampung kos makan minum sahaja ataupun geran langsung dan juga untuk tujuan selenggara kepada premis sahaja. Bagi yang lain-lainnya, tidak ditanggung oleh pihak kerajaan.

Saya melihat bahawa sudah sampai masanya kita melihat secara serius tentang masalah warga emas. Kita tengok kalau di Bandaraya Beijing sahaja, rumah warga emas Yang Tai Shan yang terletak di sebelah barat laut Bandaraya Beijing boleh dilihat sebagai satu rumah warga emas contoh, begitu juga di Australia. Apa yang penting, kita harus menyedarkan kepada warga emas ini, 60 tahun baru pencen tidak tua lagi. Ini kerana di Malaysia 60 tahun sudah masuk warga emas, 70 tahun baru rasa-rasa hendak tua, 80 tahun luka sedikit-sikitlah, 90 tahunlah agaknya barulah dalam Malaysia ini dikatakan begitu tua. Apa pun, yang penting kementerian harus melihat bagaimana mempersiapkan

masyarakat kita untuk menghadapi hari tua supaya menghadapi hari tua ini dengan tenang dan harmonis.

Tua bukan satu perkara yang harus ditakuti, tetapi dipersiapkan minda masyarakat kita untuk menghadapi hari tua dan membetulkan persepsi setengah masyarakat Islam di mana mereka mati sebelum mati. Sudah tua belum mati lagi, tetapi sudah tidak keluar dan merasakan mereka perlu dibantu dari segala segi dan meletakkan tanggungjawab ini kepada pihak kerajaan. Saya juga melihat untuk memberi geran kepada pengusaha-pengusaha rumah warga emas ini, apakah kerajaan ada satu standard bagaimana rumah warga tua ataupun model khusus tentang rumah warga tua ini supaya rumah ini lebih *friendly*. Kita tahu bahawa warga tua ini ada penyakit-penyakit tertentu, antaranya mereka ini mudah jatuh dan sebagainya. Jadi, adakah model pembinaan rumah warga tua itu dilihat dan ada satu standard khusus supaya menepati kepada ciri-ciri apabila seseorang itu sudah menghadapi hari tuanya.

Begitu juga disebut peruntukan dalam Perkara 1 ini ialah bantuan kebajikan kepada keluarga miskin. Pada pandangan saya untuk menghadapi masalah kemiskinan ini bukan sekadar memberi bantuan, tetapi dalam masa yang sama mengatasi kemiskinan adalah dengan memberi kemahiran dengan memberi budaya kerja yang kreatif dan inovatif dalam usaha kerajaan memacu negara ke arah sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan kadar penyertaan tenaga wanita hanyalah 46.1% pada tahun 2010. Amat mengejutkan di mana jumlah ini tidak berubah sejak 1980 ataupun sejak 23 tahun yang lalu.

#### ■1610

Jadi kalau memetik laporan Pembangunan Manusia Asia Pasifik 2010 menganggarkan, sekiranya kadar penyertaan tenaga wanita meningkat ke 70%, kerajaan boleh menikmati peningkatan KDNK antara 2% dan 4%. Malah disebabkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah, Malaysia telah kehilangan pendapatan sebanyak RM13 bilion setahun. Peratusan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan wanita dilihat masih rendah bahkan jauh ketinggalan dengan negara-negara jiran. Kalau di Indonesia peratus wanita bekerja ialah 50.8%, di Thailand sendiri 70%, Brunei Darussalam sebanyak 61.2%, Singapura sebanyak 60.2% bagi kategori negara membangun. Berbeza dengan negara-negara seperti Sweden dan sebagainya yang jauh lebih tinggi mencecah 70%.

Jadi sasaran kerajaan untuk melihat 30% pembuat keputusan daripada kalangan wanita di sektor korporat, sebenarnya masih lagi belum mampu untuk dipenuhi. Daripada



statistik yang saya dapat jawapan bertulis, setakat ini bila ditanya berapakah angka wanita yang diletakkan sebagai pembuat keputusan tertinggi dalam GLC, jawapannya dari sejumlah GLC yang ada hanya seorang wanita sahaja yang diberi peluang untuk berbuat demikian. Jadi pada saya, saya melihat bahawa apabila kita bercakap tentang kemiskinan bukan sekadar memberi bantuan tetapi memberi joran juga supaya seseorang itu dapat memancing ikan dengan joran tersebut.

Saya juga ingin menyentuh tentang Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri di mana sebahagian daripada peruntukan itu diminta untuk keselamatan, imigresen dan juga pendaftaran. Saya ingin menyatakan tentang proses atau prosedur keselamatan yang kita sedia maklum di lapangan terbang terutamanya, apabila seseorang itu melalui lapangan terbang dia harus diperiksa keselamatannya. Sama ada dia melalui mesin x-ray atau pintu pengesan logam atau *walk through metal detector* yang akan berbunyi kalau seseorang itu membawa bahan-bahan yang merbahaya seperti senjata api, pisau dan sebagainya, atau pun *hand held metal detector* dengan menggunakan satu peralatan yang dipegang oleh tangan. Saya hendak tanya kepada kementerian ini, berapa banyak alat ini disediakan? Ia menjadi pertanyaan kerana kalau saya melalui kepada KLIA untuk pemeriksaan keselamatan, kadang-kadang bila bunyi pegawai polis itu akan periksa kita dengan menggunakan secara manual atau pun *pat down search*. Dia kat *pat*. *Pat* itu maknanya sentuh sahaja tetapi kadang-kadang dia tidak standard. Ada yang raba, picit, genggam dan ada yang raba kuat. Jadi adakah rakyat mempunyai untuk meminta daripada pegawai keselamatan ini untuk tidak digunakan *pat down search*. Boleh atau tidak kita minta jangan pegang saya, saya tidak hendak *physical touch* tetapi saya hendak menggunakan alat. Akan tetapi adakah alat ini mencukupi disediakan di KLIA misalnya? Adakah ia menjadi hak asasi kepada rakyat jika tidak mahu diperiksa secara manual boleh minta untuk diperiksa dengan penggunaan alat dan sebagainya?

Begitu juga dalam Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan. Kalau kita tengok di sini Kementerian Kesihatan minta penambahan di mana penambahan ini adalah bagi tujuan menampung perubatan-perubatan. Ianya ada kaitan dengan Maksud B.62 tadi di mana Maksud B.62 juga berkaitan dengan imigresen. Saya melihat kepada rekod Jabatan Pendaftaran Malaysia. Tiap-tiap tahun Indonesia, India dan China merupakan tiga warganegara yang paling banyak sekali masuk ke negara Malaysia dan tahun ini sahaja 27,100 jumlah permohonan daripada Indonesia dan diluluskan 15,182.

Saya menyentuh di dalam Kementerian Kesihatan di mana RM300 juta diperlukan untuk menampung bekalan ubat. Kalau kita tengok bab bekalan ubat ini, kerajaan terpaksa menampung kos yang sangat tinggi bagi menampung kos warga asing yang

masuk ke dalam negara kita dan menggunakan perkhidmatan perubatan. Jadi jumlah yang sangat tinggi ini pada pandangan saya boleh dikurangkan kosnya, sekiranya kerajaan mempunyai mekanisme yang tersendiri. Kalau dilihat di sini tahun 2013 sahaja jumlah bil perubatan yang gagal dijelaskan oleh pesakit asing ialah sebanyak RM11.3 juta. Keseluruhan kos yang gagal dibayar ialah RM19.6 juta. Sebanyak 57.6% daripada kos ini, lebih daripada separuh adalah kos yang terpaksa ditanggung kerana pesakit warga asing tidak membayar kepada kerajaan. Wajarkah peruntukan ini diberikan kepada warga asing?

Jadi saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan, kementerian melihat satu mekanisme bagaimana hendak mengutip semula bayaran-bayaran ini. Kita sepatutnya mengkaji prosedur yang telah dilaksanakan oleh negara-negara yang banyak mengambil warga asing ini terutamanya di Arab Saudi, di Singapura dan juga di Brunei Darussalam, bagaimana mekanisme yang mereka gunakan. Mungkin daripada skim insurans atau pun sebagainya, supaya kerajaan tidak perlu menanggung kos yang terlalu tinggi kepada warga asing yang tidak mahu atau pun gagal untuk membayar kos-kos ini terutamanya kos perubatan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbahasan yang ingin saya ketengahkan. Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

#### **4.16 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih juga kerana memberi kesempatan sekali lagi kepada saya untuk turut serta berbahas di dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (Pindaan) 2013, di mana kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM14.1 bilion bagi Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, SPRM, Perbendaharaan, Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan sepuluh kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, petang ini saya ingin menyentuh Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM268.2 juta iaitu untuk menampung bantuan khas kewangan tahun 2013 kepada pesara sebanyak RM155 juta dan perbelanjaan tambahan bantuan mengurus jenazah untuk pesara berjumlah RM7.2 juta. Sehubungan dengan ini saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bilangan

pesara yang mendapat manfaat dari kedua-dua bantuan ini serta jumlah yang diperoleh bagi setiap pesara.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan ini membuktikan keprihatinan kerajaan menjaga kebajikan pesara, malah kerajaan juga telah meluluskan undang-undang untuk menaikkan bayaran pencen sebanyak 5% setahun bagi mengimbangi kos sara hidup yang kian meningkat setiap tahun. Langkah kerajaan ini patut dihargai kerana tidak ada negara lain di dunia ini yang memberi kenaikan dan elaun pencen setiap tahun. Semoga pesara akan sentiasa berterima kasih dan bersyukur di atas keprihatinan kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan dan syarikat swasta memberi keistimewaan kepada pesara seperti tambang separuh harga untuk semua pengangkutan awam, hotel dan makan minum serta perkhidmatan kesihatan. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan melalui Kementerian Pelancongan merangka pakej pelancongan khusus untuk pesara dan warga emas seperti dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada pakej bulan madu kedua untuk pesara. Jadi saya kira apa salahnya kalau Kementerian Pelancongan memberi insentif atau merangka pakej yang saya sebutkan tadi untuk membolehkan pesara-pesara kita melancong.

#### ■1620

Tidak hanya pesara merasakan apabila sudah bersara, usianya begitu lanjut dan hanya layak duduk di rumah sahaja dan segala-gala perlu dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang pengumuman peruntukan sebanyak RM126 juta untuk menampung keperluan tambahan biasiswa dalam dan luar negara bagi tahun 2013. Sehubungan dengan itu, saya mohon penjelasan kerajaan, jumlah peruntukan biasiswa atau pinjaman yang disediakan oleh kerajaan kepada penjawat awam yang menyambung pelajaran sama ada secara Pengajian Luar Kampus (PLK) atau Pengajian Jarak Jauh (PJJ).

Berhubung dengan penjawat awam yang mengikuti PLK dan PJJ yang terpaksa menghadiri kelas di hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad contohnya di UiTM Shah Alam melibatkan penjawat awam dari Kedah, Terengganu, Kelantan yang terpaksa mengambil cuti. Saya menyarankan agar mereka diberikan cuti tanpa rekod sepanjang mengikuti pengajian PLK dan PJJ ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh Maksud B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memohon peruntukan sebanyak RM100 juta bagi menampung keperluan tambahan, peruntukan bantuan kebajikan kepada keluarga miskin, Orang Kurang Upaya dan warga emas. Saya merakamkan

ucapan terima kasih kepada kerajaan yang terus prihatin menyediakan jalinan sosial kepada keluarga miskin, OKU dan warga emas ini.

Saya ingin menyentuh tentang Laporan Audit Negara 2012 yang mendedahkan tentang 40 orang waris penerima bantuan JKM di Negeri Sembilan yang meninggal dunia sejak tahun 2008 hingga tahun lalu tetapi masih menerima bantuan bulanan yang membabitkan peruntukan sebanyak RM45,450. Malah Laporan Audit juga telah mendedahkan bantuan kebajikan terus diberi kepada 93 orang penerima di Kelantan dan 12 orang penerima bantuan di Sabah yang telah meninggal.

Saya percaya jumlah penerima ini mungkin bertambah jika mengambil kira di negeri-negeri lain. Kesilapan ini adalah serius kerana ia membabitkan wang kerajaan. Kesilapan ini menggambarkan kelemahan pengurusan JKM termasuk dari segi pemantauan dan audit dalaman JKM itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pegawai yang terlibat di JKM perlu dikenakan tindakan yang sewajarnya sekiranya gagal mengutip semula wang berkenaan. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan langkah yang diambil bagi mengesan kemungkinan berlaku penyelewengan ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil bagi mengelak kejadian yang serupa tidak berulang lagi.

Sehubungan dengan bantuan kepada keluarga miskin, OKU dan warga emas. Saya mendapati penerimanya di seluruh negara kadang-kadang tidak menyeluruh. Umpamanya kalau kita mengikuti rancangan *Bersamamu* di TV3, golongan miskin yang diabaikan masih ada. Saya kira perlu ada kerjasama di antara pemimpin setempat dengan JKM untuk mengenal pasti rakyat yang daif dan miskin, warga emas dan OKU supaya mereka tidak diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM294.5 juta bagi menampung kekurangan ubat *consumables* dan vaksin. Kementerian Kesihatan membelanjakan lebih daripada RM6 bilion untuk bekalan ubat dan menjangkakan kos ini akan terus meningkat pada tahun-tahun seterusnya. Namun begitu, kos perubatan negara ini masih lagi yang terendah di Asia Tenggara.

Dalam hubungan ini, kerajaan perlu mengambil dua pendekatan penting bagi saya. Pertamanya, perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan budaya gaya hidup sihat dijadikan amalan rakyat negara kita. Kedua, bagi mengurangkan kenaikan harga ubat, pengeluaran ubat-ubatan dalam negara adalah wajar digalakkan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan syarikat-syarikat tempatan yang mengeluarkan ubat bagi kegunaan tempatan dan nyatakan jenis-jenis ubat yang

dikeluarkan. Saya juga ingin mencadangkan agar insentif diberikan kepada syarikat-syarikat ini seperti pengurangan cukai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara B.45 – Kementerian Belia dan Sukan. Cendekiawan berkaliber. Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi muda pada hari ini. Nilai kepimpinan belia kepada pembangunan negara diungkap melalui cogan kata yang sering dikaitkan dengan golongan belia seperti Belia Tonggak Negara, Belia Harapan Bangsa, Belia Cemerlang Negara Terbilang, Belia Hari Ini Pimpinan Hari Esok dan sebagainya. Sesungguhnya tanggungjawab besar belia pada hari ini adalah untuk menjana pembangunan agama, bangsa dan negara kita.

Dalam perbekalan tambahan ini, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM37 juta. Pada pendapat saya, jumlah ini masih kecil dan perlu ditambah terutamanya bagi pembangunan belia. Jika diperincikan, agihan peruntukan ini bagi tujuan pembangunan belia hanyalah sebanyak RM6 juta sahaja iaitu bagi tujuan menampung kerja-kerja penyelenggaraan, peralatan latihan dan bangunan di 20 buah institusi IKBN di seluruh negara. Bayangkan RM60 juta untuk 20 buah IKBN. Jumlah ini amatlah sedikit jika diambil kira dalam usaha untuk mengarusperdanakan Institut Kemahiran Belia Negara dan juga untuk memberi impak yang tinggi institusi ini kepada golongan belia negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk juga kepada jawapan Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat pada 26 September 2013. Iaitu dari tahun 2009 hingga tahun 2013, kementerian hanya memperuntukkan sebanyak RM23.4 juta bagi tujuan tempat bina atau keseluruhan bagi tempoh lima tahun hanya sebanyak RM57.7 juta sahaja bagi membangun dan memperkasakan keseluruhan belia di negara ini. Jumlah ini pada saya amatlah kecil jika dibandingkan dengan seramai 12.5 juta orang belia di negara kita yang perlu kita bentuk sebagai masyarakat pelapis pemimpin masa depan.

#### ■1630

Justeru itu, pada masa akan datang jumlah peruntukan pada golongan belia haruslah di tambah. Banyak persatuan belia yang mengadu apabila minta peruntukan untuk buat program, katanya "*Bajet kementerian sudah habis.*" Walau bagaimanapun, mekanisme pemantauan agihan peruntukan kepada belia, sama ada program secara langsung atau melalui persatuan belia harus diberi pendekatan baru supaya segala perbelanjaan kerajaan kepada belia tidak berlaku ketirisan dan memberi pulangan yang setimpal kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan idea pihak kementerian untuk meneliti semula kurikulum IKBN supaya kemahiran yang dikeluarkan selari dengan keperluan industri seperti yang dilaksanakan dengan pihak PETRONAS. Cuma di sini saya ingin sarankan pihak IKBN juga mungkin boleh memperluaskan kerjasama dalam bidang-bidang teknikal lain seperti baik pulih pesawat, kejuruteraan sains penerbangan dan juga bidang pengurusan sisa pepejal. Terutama bidang kejuruteraan insinerator, bidang kejuruteraan filem, bidang pendidikan dan pengasuhan kanak-kanak yang mana bidang-bidang ini amat sedikit diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sedikit mengenai Parlimen Belia iaitu bilakah Parlimen Belia akan diadakan? Bagaimanakah mekanisme pendaftaran pengundi Parlimen Belia? Ini penting memandangkan sekarang hanya 20% sahaja golongan belia yang berdaftar melalui persatuan belia dan kita mohon sebanyak 80% lagi belia negara ini mempunyai ruang untuk menyampaikan idea dan penguasaan mereka. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya hendak maklumkan semua Ahli Yang Berhormat, kita ada sembilan orang lagi yang masih hendak berbahas. Saya harap Yang Berhormat semua sudah buat keputusan ataupun masih adakah lagi yang hendak berucap kerana kita akan teruskan Mesyuarat ini sehingga selesai semua perkara-perkara yang Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Kalau tidak, saya hanya ada sembilan orang saja lepas ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya dan seterusnya Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Teruskan, silakan Yang Berhormat.

#### **4.33 ptg.**

**Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dan perkara yang pertama ialah mengenai perkara B.6, Jabatan Perdana Menteri mengenai penubuhan Suruhanjaya Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah.

Suruhanjaya ini adalah merupakan satu badan yang baru ditubuhkan. Kita pun tidak berapa tahu dia punya *terms of reference*, tugas dia tetapi saya ingin mencadangkan di sini, kepada suruhanjaya supaya membuat satu siasatan pada majikan-majikan yang bertanggungjawab, yang menyebabkan pertambahan pendatang asing

tanpa izin di Sabah. Ini selalu berlaku di dua sektor iaitu sektor perladangan dan juga sektor pembinaan.

Kebiasaannya yang sektor-sektor perladangan milik swasta yang besar-besar ini pada mulanya dia hanya akan mengambil pekerja asing dengan mendapatkan permit. Bila permit sudah *expired*, dengan izin, dia tidak sambung sebab tidak mahu bayar levi dan pekerja-pekerja itu terus bekerja tanpa permit. Jadi, dia menjadi pendatang asing tanpa izin. Demikian juga dengan sektor pembinaan. Apabila dapat kontrak untuk pembinaan sesuatu yang besar dan memakan masa dua hingga tiga tahun, mereka akan mengambil orang asing bekerja dengan permit. Selepas tamat kerja orang-orang ini dibiarkan begitu saja dan tidak diurus sama ada untuk balik di sana atau balik ke negeri masing-masing dan orang-orang ini terpaksa mencari makan di Sabah sebagai pendatang asing tanpa izin.

Jadi kalau boleh saya minta, saya mohon kepada suruhanjaya ini untuk menyasat dan mengambil tindakan setegas-tegasnya kepada majikan-majikan yang bertindak sedemikian dan mengenakan denda yang paling maksimum. Sekurang-kurangnya denda ini boleh digunakan untuk membiayai *maintenance* untuk suruhanjaya itu sendiri. Perkara yang kedua saya ingin sentuh ialah mengenai B.42, Kementerian Kesihatan. Ini ialah mengenai peruntukan untuk bekalan ubat, *consumable* dan vaksin. Di sini saya hendak tanya kementerian, adakah bekalan ubat ini termasuk bekalan ubat untuk penyakit talasemia?

Saya difahamkan ubat untuk talasemia ini amat kurang di Hospital Queen Elizabeth I di Kota Kinabalu dan menurut kakitangan hospital, pesakit-pesakit kadangkala tidak dibekalkan dengan ubat yang cukupnya dari segi *dosage*, dengan izin, sebab ubati ini mahal. Jadi, kalau tadi Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat membangkitkan fasal pesakit tidak makan ubat. Di Sabah ini pesakit dapat ubat yang tidak cukup. Kalau *dosage* sehari tiga kali, dia hanya bagi dua kali sebab konon ubat ini mahal dan ini tidak membantu kepada pemulihan pesakit-pesakit ini dan seterusnya akan menambah kepada generasi atau anak-anak mereka yang bakal dilahirkan. Di sini saya ingin mengetahui, adakah bekalan ubat yang sedemikian menjadi halangan? Adakah harga yang menjadi halangan kepada Kementerian Kesihatan hingga mengurangkan *dosage* kepada pesakit-pesakit talasemia ini?

Perkara seterusnya ialah perkara B.45 Kementerian Belia dan Sukan. Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan atas usaha beliau untuk meningkatkan mutu sukan di negara tetapi saya ingin menyentuh tentang dua aspek yang perlu juga beliau ambil berat dalam meningkatkan mutu sukan iaitu yang

pertama ialah aspek perjudian dalam aktiviti sukan. Perjudian dalam aktiviti sukan ini adalah amat berleluasa di Malaysia dan kalau tidak dibendung ia akan merosakkan peningkatan sukan. Kementerian Belia dan Sukan harus mengambil tindakan untuk bekerja rapat dengan pihak polis dan SPRM. Ini tidak boleh dilepaskan kepada pihak persatuan untuk mengambil tindakan sebab tidak mustahil juga orang terlibat dalam persatuan juga terlibat dalam perjudian aktiviti sukan.

Aspek kedua yang perlu di ambil pertimbangan oleh Menteri Belia dan Sukan ialah dari segi sumber ahli-ahli sukan negara, dari segi *feeder* dengan izin kepada ahli-ahli sukan. Kalau dahulu *feeder* kepada ahli-ahli sukan di negara kita ialah daripada sekolah-sekolah sebab kalau kita ingat nama-nama seperti Mumtaz Jaafar, Zaiton Othman, G. Shanti, Azmi Ibrahim, Watson Nyambek dan sebagainya ialah atlet-atlet yang dilahirkan daripada sekolah-sekolah.

Jadi Kementerian Belia dan Sukan harus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dari segi meningkatkan mutu sukan di sekolah. Salah satunya ialah untuk mendapatkan bekas ahli atlet-atlet negara ini yang mana telah dilatih dalam segi pendidikan dan ditempatkan di sekolah-sekolah untuk menjadi guru sukan.

#### ■1640

Sebab kebanyakan sekolah sekarang kita dapati guru sukan jugalah yang mengajar geografi, dia juga yang mengajar matematik, dia juga yang mengajar sains. Jadi, kegiatan sukan di sekolah itu kadang kala bukanlah untuk mencungkil bakat tetapi hanya untuk memenuhi kalender aktiviti sekolah itu sahaja. Jadi, dengan meramaikan jumlah guru-guru sukan yang betul-betul terlibat dalam sukan, Kementerian Belia dan Sukan boleh membantu Kementerian Pelajaran dalam membekalkan guru-guru yang sedemikian. Guru-guru matematik boleh *concentrate* dengan matematik, guru-guru sejarah dengan sejarahnya.

Seterusnya saya ingin menyentuh Perkara 48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari segi membantu keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Di sini, saya hanya ingin meminta kepada pegawai kementerian dalam mengenal pasti dan menyenaraikan orang-orang yang patut menerima bantuan ini, tolong cari ke pelosok negara orang-orang yang betul atau daerah yang benar-benar perlu dibantu. Jangan nanti esok kita dapati TV3 melalui Karam Singh Walia mendedahkan ada orang yang tidak terbantu yang sepatutnya dibantu. Kalau Karam Singh Walia boleh dapat cari orang-orang ini, kenapa pegawai-pegawai kementerian tidak dapat cari? Jadi, tolong pastikan yang orang-orang betul-betul perlu dibantu tersenarai.



Jangan senaraikan, duduk atas meja dan bantu orang yang dia kenal sahaja. Akhirnya, bantuan tidak sampai ke kumpulan sasar.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang B.62 – Kementerian Dalam Negeri mengenai peruntukan menanggung operasi ESSCOM di ESSZONE. Operasi ESSCOM ini saya mencadangkan jangan hanya terhad kepada untuk mengawal perairan atau *boundary* negeri Sabah daripada dicerobohi oleh lanun. Akan tetapi, ia juga boleh dirangkumi dengan mengawal penyeludupan barang-barangan bersubsidi, perdagangan manusia, dadah dan senjata api.

Walaupun ada agensi-agensi lain yang mungkin menjalankan penguatkuasaannya, tetapi saya rasa tidak salah kalau kakitangan ESSCOM juga ditugaskan untuk membantu kerana bukan hari-hari dia dapat menangkap penceroboh ini. Jadi, sementara tidak ada itu dia tangkap sahaja lah yang mana boleh ditangkap dan serahkan pada agensi-agensi yang berkenaan. Sebab aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi ialah satu ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan negara khususnya di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Datuk Haji Saat bin Haji Abu.

#### 4.43 ptg

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Akta Perbekalan Tambahan 2013. Kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM14.1 bilion bagi Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Perbendaharaan, Perkhidmatan Am, Perbendaharaan dan 10 lagi kementerian-kementerian yang ada kaitan.

Pada petang ini saya cuma untuk menyentuh tiga sahaja kementerian pada petang yang berbahagia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan permohonan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk menampung perkhidmatan Mykad. Saya difahamkan kos setiap satu Mykad adalah sebanyak RM38 iaitu pemohon Mykad membayar RM10, manakala RM28

ditanggung atau mendapat subsidi daripada kerajaan kecuali bagi permohonan Mykad pertama kali iaitu umur 12 tahun ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Saya difahamkan jumlah Mykad yang hilang dan tidak dituntut selepas 18 bulan begitu banyak. Contohnya di negeri Terengganu sahaja didapati hampir lebih kurang 2,000 Mykad tidak dituntut. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada tambahan peruntukan ini adalah disebabkan bagi menggantikan Mykad yang hilang dan Mykad yang tidak dituntut kerana kita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara mengenakan penalti RM40 bagi Mykad yang lewat dituntut dan RM100 bagi Mykad yang hilang.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah Mykad yang hilang dan tidak dituntut bagi tahun 2013. Saya juga ingin mendapat penjelasan jumlah Mykad yang dikeluarkan bagi tahun 2010 dan 2013. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Mykad ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan aplikasi yang terdapat di dalam Mykad seperti lesen memandu, pasport, perbankan seperti ATM, tol, hospital dan pendidikan. Sejauh manakah aplikasi-aplikasi ini telah dimajukan dan perancangan masa depan untuk memajukan aplikasi ini?

Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan berhubung dengan permohonan peruntukan sebanyak RM294.5 juta untuk menampung kekurangan bekalan ubat *consumable*, dan vaksin. Kerajaan membelanjakan hampir lebih RM6 bilion setahun bagi kos rawatan perubatan. Saya ingin mendapat penjelasan jumlah kos rawatan warga asing di dalam negara ini. Saya juga ingin mencadangkan semua pekerja-pekerja asing diwajibkan mempunyai insurans perubatan atau pun kalau mereka ini sebagai pekerja kepada majikan orang Malaysia, mereka ini harus dikenakan caj untuk sebarang perubatan atau pun caj perubatan yang dikenakan terutama dalam hospital-hospital kerajaan.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi, kerajaan terpaksa berbelanja hampir RM6 bilion setahun dan sebahagian ubat-ubat diimport. Kemungkinan sebahagian daripada ubatan-ubatan itu diimport dari luar negara terutama dari India. Kita minta Kementerian Kesihatan supaya memantau pembekal-pembekal ubat yang datangnya dari luar negara supaya kita dapat memastikan bahawa ubat-ubatan yang masuk di dalam negara kita ini benar-benar boleh menepati spesifikasi yang kita harapkan.

Untuk makluman itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta Kementerian Kesihatan supaya terus dapat memantau bekalan-bekalan ubat ini kerana kita dapati bahawa di dalam negara kita ini apabila kita ingin menjadi negara maju, kita melihat ramai di antara

rakyat di dalam negara kita ini yang menghidapi penyakit terutama penyakit obesiti dan akhir-akhir ini kita diserang dengan penyakit denggi. Mungkin perkara ini berlaku atas sebab kerana kurangnya kualiti ubat-ubatan yang dibekalkan di dalam negara kita ini. Kita harap kementerian membuat siasatan yang terperinci seperti yang saya sarankan.

■1650

Berhubung dengan Kementerian Kesihatan ini, saya ingin membangkitkan Laporan Ketua Audit Negara pada 2012 berhubung dengan pengurusan ambulans Kementerian Kesihatan bagi tempoh 2010 hingga 2012 yang mendapat jumlah sebanyak RM92.2 juta. Bagi perolehan ambulans di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan juga menganggarkan telah menggunakan sejumlah RM64.1 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk penyelenggaraan ambulans di semua hospital Kementerian Kesihatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Bagaimanakah Kementerian Kesihatan gagal menyediakan data yang khusus mengenai jumlah peruntukan dan perbelanjaan sebenarnya kerana semua perkhidmatan penyelenggaraan hospital yang diswastakan di bawah syarikat konsesi?

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan data yang khusus amat mengecewakan dan menunjukkan kelemahan pengurusan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mengurus dana kerajaan. Saya amat bersetuju dengan pandangan Jabatan Audit Negara bahawa sepatutnya rekod perbelanjaan penyelenggaraan ambulans supaya lebih teratur supaya keperluan sebenar dapat disediakan dan ditentukan demi menjaga kepentingan awam.

Kita juga ada mendengar ada ambulans yang terlibat dalam kemalangan ketika membawa pesakit kerana kelemahan penyelenggaraan ambulans. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan ambulans kerajaan di selenggara dengan berkala dan memastikan rekod perjalanan penyelenggaraan disediakan di semua klinik kesihatan dan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia? Saya juga ingin mendapat penjelasan Kementerian Kesihatan Malaysia tentang syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi penyelenggaraan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Butiran B.45 - Kementerian Belia dan Sukan berhubung dengan permohonan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil. Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dibina khusus sebagai pentas utama Sukan Komanwel 1998. Kompleks Sukan Negara ini mempunyai tiga bangunan, Sukan Asas termasuk Stadium Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Stadium Putra. Saya ingin

mendapat penjelasan kerajaan, tujuan secara terperinci peruntukan sebanyak RM10 juta. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan sejauh manakah peruntukan ini dapat meningkatkan mutu sukan negara?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Belia dan Sukan saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Belia dan Sukan berhubung dengan program mengenal pasti dan membangunkan atlet semenjak alam persekolahan lagi dan sejauh manakah kejayaan sekolah sukan yang telah diwujudkan semenjak 1998 lagi telah berjaya melahirkan ahli-ahli sukan berprestasi tinggi dan bertaraf antarabangsa? Apakah perancangan kerajaan bagi terus melahirkan ahli sukan dan pasukan sukan mampu melonjakkan nama negara di persada sukan antarabangsa serta nyatakan bidangnya? Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng. Kalau tidak ada saya persilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

#### 4.55 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2013. Saya cuma ada beberapa perkara sahaja kerana rata-rata Yang Berhormat dalam Dewan ini telah pun menyentuh keseluruhan Akta Perbekalan Tambahan 2013 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita telah pun mengemukakan Perbekalan Tambahan sebanyak RM14.1 bilion bagi Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Perbendaharaan, Perkhidmatan Awam Perbendaharaan dan sepuluh daripada kementerian lain.

Maka itu, pertamanya saya ingin menyentuh tentang berhubung dengan maksud Butiran B.1 iaitu Parlimen yang memohon tambahan sebanyak RM1.3 juta bagi menampung kos pengurusan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan kepada pengurusan Parlimen yang terus menguruskan Parlimen dengan berhemah dan berjimat-cermat dari segi utiliti, petrol dan sebagainya. Saya juga mendapat maklum Parlimen terus menekankan Pembangunan Modal Insan.

Berhubung dengan Parlimen ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan penstrukturan kakitangan yang melibatkan semua peringkat jawatan dan kategori

termasuk Setiausaha Dewan Negara. Saya ingin mencadangkan agar jawatan Setiausaha Dewan Negara ini dinaikkan daripada Gred 54 kepada Gred JUSA 'C' sebagaimana Setiausaha Dewan Rakyat. Saya juga berharap kajian menyeluruh dibuat bagi jawatan sambilan, sementara dan kontrak supaya ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya ingin menyentuh berhubung dengan maksud Butiran B.9 iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebanyak RM6.7 juta untuk menampung keperluan utiliti dan penyelenggaraan bangunan baru SPRM serta membiayai tuntutan elaun pegawai SPRM yang bertugas semasa PRU-13.

Berhubung dengan SPRM ini, saya ingin membangkitkan tentang perlunya SPRM mengambil tindakan yang tegas terhadap laporan penyelenggaraan seperti pembelian palsu yang telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara. Penyelewengan seperti pembelian palsu yang telah pun dibentangkan oleh Ketua Audit Negara sebagaimana yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar yang lebih luas di dalam Dewan yang mulia ini semalam.

Siasatan yang mendalam perlu dilakukan kerana pembelian dan pembayaran peralatan berkenaan melibatkan banyak pihak iaitu pihak memohon peralatan berkenaan, pihak yang meluluskan pembelian, pihak yang membeli, pihak yang mengesahkan pembelian, pihak yang meluluskan pembayaran dan pihak yang membuat pembayaran. Ramai pihak yang terlibat dalam proses pembelian dan pembayaran berkenaan. Akhirnya, pegawai pengawal pusat sepatutnya dipertanggungjawabkan kerana pembelian dan pembayaran ini sepatutnya dapat dikawal sejak awal lagi jika semua prosedur dan juga peraturan pembelian dan pembayaran diikuti. Dalam ruangan ini, saya berharap SPRM akan bertindak tegas dan tidak berolak ansur membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan demi menjaga dan melindungi wang rakyat keseluruhannya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran B.46 iaitu Kementerian Sumber Manusia bagi peruntukan sebanyak RM28 juta untuk menampung keperluan tambahan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan latihan dan bangunan di 30 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Saya menghargai inisiatif kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir negara sama ada peringkat sijil ataupun diploma.

Selain Kementerian Sumber Manusia, MARA dan Belia juga melahirkan tenaga kerja berkemahiran tetapi bilangan pekerja asing terus meningkat di dalam negara ini. Semenjak sekian lama, kerajaan telah pun membuka begitu banyak pusat latihan kemahiran seperti ILP, IKM, GiatMARA dan sebagainya tetapi negara terus bergantung kepada pekerja asing. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan

kerajaan jumlah pekerja mahir dan bidang yang diperlukan negara bagi tujuh tahun yang akan datang.

■1700

Apakah langkah kerajaan bagi memastikan negara mempunyai tenaga kerja sama ada separuh mahir, mahir dan berkemahiran mahir apabila negara mencapai negara maju menjelang 2020 nanti dan dalam masa yang masa dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Sehubungan dengan itu, apakah langkah kawalan bagi mengurangkan pengambilan dan kemasukan pekerja asing negara ini. Berhubung dengan latihan pekerja ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia berhubung latihan hospitaliti pembantu rumah warga tempatan memandangkan kesukaran dan kos yang tinggi sehingga RM8 ribu untuk mengambil pembantu rumah warga asing khususnya dari Indonesia.

Adakah kerajaan masih mengeluarkan permit kerja sebagai pembantu rumah kepada warga Indonesia yang memasuki negara ini sebagai pelawat sosial seperti mana sebelum ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pengambilan pembantu rumah warga asing ini khususnya kepada rakyat negara ini yang berpendapatan sederhana. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya perhatikan ada Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P.A. Mohd Sultan, Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh. Saya harap semua bersedia ada dalam Dewan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

**5.02 ptg,**

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang yang baik ini untuk saya turut menyumbang, memberi pandangan terhadap Akta Perbekalan Tambahan yang kita membahaskan pada kali ini. Saya hendak sentuh dua perkara Tuan Yang di-Pertua, yakni yang pertama Perkara B.11 di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan di bawah Kementerian Kewangan.

Sebanyak RM8.8 bilion untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum 2013. Memang Tuan Yang di-Pertua, sebuah kerajaan yang baik, yang bertanggungjawab memang melihat kepentingan untuk meringankan beban rakyatnya. Demikianlah kerajaan kita di Malaysia, Kerajaan Barisan

Nasional. Subsidi untuk mengawal harga barang keperluan untuk orang ramai seperti beras, gula, minyak masak dan petroleum memang wajar dilakukan. Saya memang menyambut baik sebagai seorang rakyat yang datang dari kawasan luar bandar di Sarawak, memang menyambut baik tambahan sebanyak RM8.8 bilion. Namun, saya ingin mengambil perhatian Dewan ini ataupun kerajaan kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat kita di luar bandar khususnya di rumah-rumah panjang di Sarawak, yang saya sendiri pun mengalami keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, contoh masalah yang saya maksudkan. Di sebuah kampung saya ambil contoh. Masalah yang pertama ini ialah kekurangan barangan subsidi dan saya akan melihat masalah ini berfokus kepada satu barang iaitu diesel. Di sebuah kawasan yang bernama Long Bedian, di mana ada lebih kurang 3,000 penduduk yang duduk di kawasan pedalaman rumah panjang ini dan keperluan sebulan masyarakat rakyat untuk menjalankan kerja harian di kawasan ini adalah 20,000 liter diesel ataupun dalam erti kata dalam sukatan orang kampung, dia kata 100 *barrel* kerana 1 *barrel* itu ada 200 liter. Akan tetapi yang dibekalkan setiap bulan hanyalah dalam lingkungan 6,000 hingga 8,000 liter sahaja, yakni 40 *drum* sahaja.

Jadi, 12,000 liter itu yang dibekalkan untuk menampung keperluan penduduk kawasan berkenaan terpaksa dibeli dengan harga yang seperti biasa, bukan dengan harga subsidi lagi. Jadi yang saya hendak utarakan di sini, adakah subsidi diesel ini dibekalkan dengan kawasan, dengan rakyat kita di luar bandar ini dengan sekerat demikian atau adakah kerajaan ingin memberi barangan subsidi ini untuk meringankan beban kita dengan sepenuhnya. Contohnya dengan membekalkan minyak diesel 20,000 liter tadi. Ini persoalan yang saya hendak majukan. Jadi, apa ertinya kalau kita hendak menolong rakyat dengan sekerat sahaja tetapi bukan dengan sepenuhnya. Jadi ini yang saya hendak utarakan di sini.

Contoh yang buruk lagi, semua rakyat kita di luar bandar di Sarawak tidak dapat menikmati kemudahan subsidi kerana mereka ini hidup jauh di pedalaman. Jadi mereka inilah terpaksa menanggung harga minyak dan harga barang yang tidak bersubsidi. Di dalam kawasan pedalaman di Sarawak, subsidi ada dua jenis. Satu adalah subsidi harga barang di mana harga minyak itu contohnya diesel di Sarawak, semua harga diesel sudah disubsidikan. Akan tetapi minyak harga yang bersubsidi itu apabila diangkutkan di luar bandar, tanggungan *transport* atau harga pengangkutan itu ditanggung oleh kerajaan pula. Jadi seolah-olah satu barang itu menerima dua jenis subsidi. Jadi inilah yang perlu kementerian yang berkenaan melihat balik cara mana kita hendak membekalkan

barangan subsidi yang mencukupi, bukannya sekerat dan tidak mencukupi kepada rakyat yang sangat-sangat memerlukan barang yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh, memang baik penambahan dalam perbekalan kita pada kali ini, memang wajar saya melihat dalam perkara B.48 iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Memang ramai Yang Berhormat yang sudah menyebutkan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap, berbahas sebelum saya pun sudah menyentuh tentang perkara di mana RM100 *million* diperuntukkan bagi menampung keperluan tambahan peruntukan bantuan kebajikan keluarga miskin, Orang Kurang Upaya dan warga emas. Saya berasal dari luar bandar dan kadang-kadang kita yang duduk di bandar tidak merasa yang sebenarnya perit pahit hidup di luar bandar. Saya banyak terlibat juga dalam hal-hal mengurus, menyalurkan ataupun dalam memproses permohonan iaitu bantuan kebaikan ini. Sebagai seorang wakil rakyat, inilah salah satu tanggungjawab saya iaitu membantu rakyat supaya mendapat bantuan yang serupa ini.

#### ■1710

Saya melihat masih ramai yang layak diberi bantuan tetapi tercicir. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga sebab yang saya melihat di sini. Saya sengaja hendak utarakan perkara ini kerana walaupun negara kita dengan usaha kerajaan yang begitu hebat untuk mencari jalan, supaya rakyat mendapat pendapatan yang tinggi, saya melihat apabila kita mencapai tahun 2020 keadaan kemiskinan ini masih ada bersama kita.

Oleh sebab itulah saya ingin hendak tegaskan di sini, perkara ini wajar dilihat kembali supaya urusan kita menyelesaikan, meringankan dan mengurangkan beban rakyat kita dalam zaman yang akan datang lebih teratur dan cekap. Maksud saya masalah itu tadi ialah yang membuat kemungkinan besar yang membantu kepada keciciran ramai kumpulan sasaran yang tidak mendapat bantuan ini ialah seperti berikut:

- (i) keadaan geografi di mana orang-orang yang patut menerima bantuan ini tadi duduk jauh di pedalaman, di hulu sungai yang susah dihubungi, pihak kerajaan susah mencari mereka, mereka pun susah hendak ke pekan, ke pejabat-pejabat untuk menguruskan permohonan;
- (ii) tidak mencukupi pegawai yang menjalankan tugas seperti menilai, menemu duga dan mengkaji pemohon-pemohon yang layak untuk menerima bantuan ini; dan
- (iii) memang itulah sebab rang undang-undang ini ditimbulkan iaitu kerana perkara yang ketiga ialah kekurangan peruntukan.



Oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan untuk memastikan supaya peruntukan sebanyak RM100 million tambahan ini dapat mencapai sasaran orang yang benar-benar saya maksudkan ini tadi. Jadi, persoalan yang saya hendak timbulkan di sini kenapa sukar sangat permohonan yang diajukan dapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat selama ini. Ini persoalan saya kenapa? Walaupun telah disokong oleh wakil rakyat, oleh ketua-ketua masyarakat masih lambat lagi.

Saya mohon kiranya kalau kerajaan, kerana perkara gejala ini akan terus menjadi satu cabaran kepada kerajaan supaya kita mempunyai satu keadaan yang moden mempunyai cara yang cukup cekap, teratur dan sistematik untuk mengatasi masalah hal-hal kebajikan dalam masyarakat kita di Malaysia ini.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Boleh mencelah?

**Tuan Lihan Jok:** Boleh, silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Pada fahaman saya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini ada satu projek dinamakan Projek Cari. Projek Cari ini, pegawai kebajikan bekerjasama dengan Ketua JKKK supaya ada ramai sumber manusia. Projek Cari ini bertujuan untuk memastikan semua yang layak dapat bantuan jangan dilepaskan. / tidak tahu di *East Malaysia* bagaimana. Terima kasih.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang perkara ini ada berlaku di Sarawak dan saya pun terlibat dalam perkara ini dalam skuad untuk mengatur, tetapi yang kita hendak tambah sedikit di Sarawak kita melibatkan badan-badan NGO yang membantu juga mengurus hal ini. Akan tetapi persoalan itu tadi apabila kita sudah mencari, sudah memajukan permohonan itu ke jabatan atau agensi yang berkenaan, jawapannya itu lambat sangat.

Apa kiranya seperti sekarang ini Jabatan Pendaftaran yang membuat MyKad cekap dan cepat sekali sekarang. Demikian juga Jabatan Imigresen kalau kita hendak dapat passport cekap dan cepat sekali. Itu maksud saya kerana hal-hal mengurus kebajikan ini, walaupun kita tidak dapat menghapuskan kemiskinan ini tetapi dalam hal mengurus Kerajaan Malaysia adalah nombor satu dalam hal mengurus kemiskinan, hal kebajikan. Ini pun tanda kita sudah maju. Itu maksud saya. Jadi supaya pihak sasaran yang perlu ditolong mendapat bantuan dengan sewajarnya.

Dengan harapan itu Tuan Yang di-Pertua saya turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor.

**5.16 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 2013. Saya hanya ingin menyentuh dua tiga perkara sahaja dalam perbahasan ini. Satunya Maksud B.09 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Saya memohon kepada pihak SPRM mengambil serius berkenaan pendedahan yang dibuat oleh pihak Jabatan Audit Negara supaya mereka yang terlibat di dalam kesalahan yang memalukan negara patut diambil tindakan. Seperkara lagi saya juga ingin memaklumkan kepada pihak SPRM, barang-barang subsidi masih banyak berada di sebelah negara jiran, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya tidak tahu ketirisan ini daripada mana. Kalau kita bandingkan di pihak utara kita mempunyai UPP, bermacam-macam. Kastam, UPP, pihak polis tapi begitu banyak barang-barang subsidi kita yang berada di sebelah negara jiran. Jadi saya mintalah perkara ini diambil serius.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebut di sini berkenaan dengan mengurangkan subsidi minyak dan petrol. Saya menyokong tindakan kerajaan supaya kita mengurangkan barang-barang subsidi. Saya juga simpati dengan sahabat saya daripada Sarawak yang *contradict* sedikit dengan saya.

Saya hendak pihak kerajaan mengurangkan subsidi diesel yang digunakan oleh orang-orang kenamaan sekarang. Kalau yang pakai kereta besar-besar ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, mereka menggunakan diesel dan mereka ini yang mendapat subsidi yang lebih besar daripada rakyat jelata di bawah. Jadi saya sarankan untuk pihak kerajaan memikir bagaimana untuk mengurangkan subsidi diesel ini daripada kilang-kilang besar yang mereka dapat subsidi ini.

Saya juga memohon agar pihak Kementerian Kewangan memikir untuk memberi subsidi kepada motosikal-motosikal di kampung. Kebanyakan yang menggunakan motosikal ini membeli insurans yang begitu mahal. Ini yang menjadi masalah sekarang. Banyak kenderaan ataupun motosikal di kampung yang tidak mengambil cukai jalan.

**■1720**

Satu perkara yang betul-betul saya ingin sentuh iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana memohon sebanyak RM100 juta,

diperlukan untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bantuan kebajikan kepada keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Di sini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sekali lagi saya membangkitkan perkara ini berkenaan dengan kepentingan anak-anak yatim yang mana duduk di bawah kementerian tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, kepada anak-anak yatim yang tinggal di asrama, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hanya menyalurkan geran sebanyak RM8 sehari untuk dibiayai lima kali untuk kita sediakan makanan kepada mereka. Jadi logik ataupun tidak? Jadi saya mintalah kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membuat pindaan yang mana saya ingin sarankan paling kurang untuk diberi kepada rumah anak-anak yatim, bukan sekolah anak yatim. Rumah anak-anak yatim, sekurang-kurangnya geran sebanyak RM15 sehari.

Seperkara lagi untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sekarang ini pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi RM8. Kalau tak habis, hendak dipulangkan semula kepada kementerian. Jadi saya fikir perkara ini sepatutnya pihak kementerian memikirkan sedalam-dalamnya, memandangkan perbelanjaan kita kepada parti sahaja satu hari RM35, satu hari. Berapa ratus juta kita belanja untuk pendatang tanpa izin? Jadi saya harap sangat-sangat kepada Yang Berhormat Menteri memikirkan perkara ini sedalam-dalamnya. Saya mewakili Pertubuhan Anak-anak Yatim Malaysia (PEYATIM).

Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan B.62. Saya juga mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang mana telah memberi ataupun saya katakan di sini menjernihkan maruah Kerajaan Malaysia. Walaupun beliau dicerca oleh pihak-pihak tertentu, kalau kita baca dalam blog-blog sekarang ini, Menteri Dalam Negeri yang jadi *target* kepada pertubuhan-pertubuhan yang cuba nak menyelamatkan penjenayah-penjenayah yang berada sekarang. Kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Zahid, saya menyarankan di sini Tuan Yang di-Pertua, teruskan. Kalau pada sidang yang lalu, saya juga membawa usul dalam ucapan saya, kita buat undang-undang supaya kita dapat mengajar mafia-mafia yang berada di luar sana.

Kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pekerja asing. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi kita telah dengar banyak pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan pekerja asing. Dahulu saya difahamkan bahawa pekerja-pekerja asing terutama sekali yang bekerja di hotel-hotel akan diletakkan di bahagian bawah iaitu untuk mencuci bilik dan sebagainya. Sekarang ini mereka ini jadi *front liner*

Yang Berhormat. Sambut tetamu, ada yang tak boleh cakap orang putih, Melayu apatah lagi, tak boleh. Jadi kadang-kadang kita masuk di hotel itu, kita tak tahu kita ini masuk di hotel Malaysia ataupun hotel di luar negara. Jadi saya mintalah pihak kementerian kena serius sedikit mengenai perkara ini. Kita mengambil pekerja-pekerja asing sedangkan sekarang ini saya difahamkan oleh sebab terlampau banyak PATI, kita buka pula lagi *outlet-outlet* untuk menahan PATI-PATI ini, kita belanja lebih banyak lagi kepada pendatang tanpa izin. Umpamanya kita menghalalkan mereka.

Saya ingin mencadangkan dan menyarankan di sini kepada kementerian, kalau PATI-PATI yang ada, saya tak tahulah program 6P berjaya atau tak berjaya, supaya dipulihkan mereka ini. Seboleh-bolehnya ambil mereka ini balik, tanya berapa orang nak kerja pembantu rumah dan sebagainya supaya kita tak melambakkan lagi lebih ramai. Sekarang ini saya ingat kita sudah dekat 20% daripada *population* kita adalah pendatang tanpa izin. Yang halal dengan tak halal sudah jadi lebih kurang RM5.6 juta. Jadi saya berharap sangat-sangatlah Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memikirkan sedalam-dalamnya masalah yang akan kita hadapi ini. Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagus. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul untuk dikemukakan buat seketika ini. Saya persilakan seorang Menteri.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.26 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Dewan ditangguhkan sekarang bagi dikemukakan ucapan penangguhan, seterusnya Majlis mesyuarat akan disambung semula bagi membolehkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 dibahas dan diputuskan dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 9 Oktober 2013”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan mengemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 15(3)**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Transformasi Sikap**

**5.28 ptg.**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan ini. Saya berhasrat untuk bercakap tentang keperluan masyarakat dan bangsa kita merubah sikap atau menukar *mindset*. Sehubungan dengan itu, saya merayu dan berseru supaya agenda atau program merubah sikap ini dijadikan sebagai satu agenda transformasi tersendiri untuk melengkapkan lagi agenda transformasi yang lain seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Kerajaan seperti yang telah digerakkan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib semenjak dua tiga tahun yang lalu.

Saya percaya kejayaan pelbagai program transformasi tersebut sangatlah bergantung kepada sikap atau *mindset* segenap lapisan masyarakat yang terlibat. Oleh kerana itulah, maka sikap atau *mindset* perlu terlebih dahulu atau setidaknya-tidaknya perlu serentak ditransformasikan sesuai dengan tuntutan zaman atau keperluan semasa. Sikap atau *mindset* yang ketinggalan zaman dan tidak mengikuti peredaran masa adalah penghalang utama kepada kemajuan atau kejayaan sebarang usaha.

#### ■1730

Prestasi atau pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang berlangsung antara tahun 1970 hingga tahun 1990 itu pada hemat saya akan jauh lebih tinggi jika pelaksanaannya disertai dengan sikap atau *mindset* yang lebih sesuai dalam kalangan setiap pihak yang terlibat. Ertinya, agenda transformasi ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baru itu akan jauh lebih tinggi kadar kejayaannya jika pelaksanaannya dilakukan serentak dengan transformasi sikap di kalangan setiap lapisan masyarakat.

Kita juga boleh berhujah bahawa kebanyakan tenaga kerja asing ke negara kita semenjak beberapa tahun yang lalu mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan sikap masyarakat tempatan yang enggan melakukan kerja-kerja yang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing itu. Oleh kerana itulah maka kita perlu melakukan perubahan sikap. Sebenarnya seruan untuk merubah sikap atau *mindset* ini telah berulang-ulang disuarakan oleh tokoh-tokoh pemikir bangsa dari semasa ke semasa. Diperkatakan pada peringkat tinggi atau pada peringkat rendah. Barangkali, lebih awal dari zaman Abdullah Munsyi dan kemudian dilanjutkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi, bangsa Melayu telah berkali-kali diseru supaya merubah sikap dan mentaliti.

Seruan itu diteruskan oleh puluhan atau mungkin ratusan tokoh yang lain dengan berbagai-bagai cara melalui komunikasi lisan atau tulisan. Antara tokoh-tokoh yang terbilang termasuklah Pendeta Za'ba, Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Zulkifli Muhammad, Aminuddin Baki dan dilanjutkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kemudian diteruskan pula oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dan sejak akhir-akhir ini oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Mungkin masing-masing menggunakan gaya dan bahasa yang berbeza-beza tetapi semuanya membawakan mesej yang sama iaitu untuk mencapai kemajuan, bangsa Melayu perlulah merubah sikap, perlu merubah cara berfikir, perlu berubah minda dan perlu berubah mentaliti. Semua itu mendorong kita untuk bertanya. Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha merubah minda Melayu itu? Tentu kita tidak akan menafikan bahawa dari semasa ke semasa minda orang Melayu itu telah berubah. Akan tetapi kita juga ingin bertanya sama ada perubahan itu menghala ke arah positif

sesuai dengan kehendak dan hasrat kita untuk maju dari segala segi tanpa mengorbankan identiti atau jati diri kita.

Daripada pengakuan secara langsung dan pernyataan kesal mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan daripada puluhan ucapan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Perdana Menteri sekarang, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa perubahan minda Melayu itu belum lagi berlaku seperti yang dikehendaki. Semasa menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pernah menggubah sebuah sajak yang berjudul '*Perjuangan Yang Belum Selesai*' yang antara lain mencatatkan keluh kesahnya kerana kemajuan orang Melayu tidak sepesat yang diharapkan hingga beliau merasakan banyak perjuangan yang belum selesai dan masih banyak yang terbengkalai.

Kemudian pada penghujung bulan Oktober 2003, sewaktu hendak meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir terus terang mengakui kegagalannya merubah sikap atau *mindset* bangsa Melayu walau telah dicubanya selama 22, sepanjang beliau memegang tampuk pimpinan negara.

Manakala Tun Abdullah Ahmad Badawi pula, sebelum, semasa dan sesudah menjadi Perdana Menteri tidak jenuh-jenuhnya menyeru orang Melayu merubah sikap, Malah salah satu ucapan pentingnya semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri, di hadapan perhimpunan serentak Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO, bulan Jun 2002, beliau memilih ungkapan "*Mengubah Minda*" sebagai tajuk ucapannya. Kemudian, pada bulan September 2004, dalam ucapan penting Perhimpunan Agung UMNO ke-55, Tun Abdullah berkata "*Perubahan minda Melayu memerlukan satu tindakan menyeluruh, drastik, terancang, sistematik dan berterusan.*" Satu tahun setelah Tun Abdullah berkata begitu, pada tahun 2005, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pula menyarankan dilakukan satu transformasi budaya untuk mewujudkan satu generasi Melayu global.

Jelaslah bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, semuanya mahu supaya bangsa Melayu berubah ke arah kemajuan. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya perubahan itu dilakukan secara sistematik, drastik, menyeluruh, terancang dan tersusun melalui satu agenda atau program khusus sejajar dan serentak program transformasi yang lain yang dinamakan Program Transformasi Sikap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.36 ptg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Terima kasih saya ucapkan di atas cadangan, saranan dan pendapat serta perhatian yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus sebentar tadi dan saya percaya ia menjadi satu kebimbangan kita dan juga menjadi perhatian kita dalam usaha untuk menjayakan hasrat yang telah disampaikan. Sukacita saya memaklumkan bahawa transformasi berkaitan sikap adalah penting dan mustahak untuk kita menjayakan Agenda Transformasi Nasional. Sukacita dimaklumkan, di dalam semua program transformasi, kita tidak mungkin berjaya jika tidak ada perubahan minda dan tindakan secara drastik di kalangan masyarakat dalam memastikan kejayaannya.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Agenda Transformasi Nasional berteraskan enam program iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Komuniti, Program Transformasi Politik, Program Transformasi Digital, Program Transformasi Ekonomi dan juga Program Transformasi Sosial. Pada umumnya, Program Transformasi Sosial yang memanfaatkan potensi belia untuk memupuk semangat kesukarelaan, kecemerlangan, kesederhanaan, toleransi, hormat dan keterangkuman secara amnya akan membangunkan satu masyarakat yang berdaya tahan, kompetitif, inovatif dan kreatif dalam membina ilmu serta menangani cabaran ekonomi demi menyesuaikan diri dalam dunia dan persekitaran sosial hari ini.

Suka dinyatakan di sini bahawa dalam usaha untuk melahirkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), kaedah makmal atau *labs* dan *Key Performance Indicator* (KPI) telah digunakan. Ahli-ahli makmal sepenuh masa yang terdiri daripada sektor awam dan swasta telah menjalankan perbincangan 'sindikasi' dan akhirnya melahirkan inisiatif GTP dan ETP tadi. Melalui kaedah makmal juga terjadinya integrasi yang lebih baik di antara kementerian sama ada dari segi kerjasama ataupun kesalinghubungan antara pelan strategik kementerian masing-masing. Maka di sini lahirlah sesi dialog serta *problem solving*, dengan izin yang matang dan terbuka.

Satu lagi kaedah pengurusan prestasi baru yang diterapkan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah penggunaan *Key Performance Indicator* (KPI). Prestasi semua Menteri dan kementerian akan dipantau rapi oleh Menteri sendiri dengan bantuan PEMANDU selaku urus setianya. Pegawai kerajaan telah ditugaskan dengan penetapan sasaran dan cara implementasi agar ia dapat dicapai. Hala tuju dan sasaran jangka pendek, penilaian, pemantauan dan pengubahsuaian yang menjadi



tanggungjawab mereka sendiri. Bagi kementerian yang tidak menetapi sasaran KPI yang tertentu, Menteri dan pegawai-pegawai yang berkenaan dikehendaki mengenal pasti punca-punca masalah dan menerokai kaedah-kaedah penyelesaian yang kreatif agar KPI yang berkenaan dapat dicapai pada tahun berikutnya.

Malaysia sememangnya merupakan satu-satunya negara yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan Persekutuan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam pada amnya. Kita berharap dalam usaha untuk melaksanakan Agenda Transformasi Nasional ini, pegawai kerajaan akan berjaya menjalani program transformasi sikap sendiri dengan menjadi lebih proaktif dan bukan reaktif, kreatif melalui *out of box thinking*, dengan izin, sistematik, telus dan mampan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Bagi melengkapkan lagi inisiatif kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan semua kementerian, jabatan dan agensi, Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* telah pun dirangka agar pemikiran kreatif dan inovatif yang mengurangkan sumber sedia ada dapat diguna pakai dalam menghasilkan keputusan yang bukan sahaja berimpak tinggi malah melibatkan kos perbelanjaan yang minimum. Terima kasih.

#### ■1740

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang kita kembali semula kepada perbahasan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul.

#### 5.41 ptg.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri peluang dan ruang untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dr. Lucas bin Umbul:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai B.06 Jabatan Perdana Menteri iaitu mengenai kos bagi membiayai Suruhanjaya

Pendatang Tanpa Izin di negeri Sabah. Seperti yang sedia maklum bahawa RCI atau dengan izin *Royal Commission of Inquiry*, Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan bagi menangani masalah pendatang tanpa izin di negeri Sabah. Terma rujukan telah pun dilakukan dan salah satu yang penting ialah berkaitan dengan siasatan ke atas jumlah pendatang asing yang berada di negeri Sabah yang telah mendapat kewarganegaraan.

Siasatan juga meliputi persoalan sama ada kad pengenalan berlandaskan undang-undang negara dan selain itu siasatan turut melibatkan isu sama ada pendatang yang memiliki kad pengenalan biru atau resit pengenalan sementara kewarganegaraan secara tidak mengikut undang-undang didaftarkan sebagai pengundi. Semua ini sedang berjalan dan beberapa saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan, Jabatan Pendaftaran Negara, imigresen, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Perangkaan dan Jabatan Ketua Menteri, ahli politik dan pengarang-pengarang buku yang menulis tentang pendatang-pendatang tanpa izin di negeri Sabah.

Jadi, kerajaan saya rasa memandang serius perkara ini kerana berkait rapat dengan isu keselamatan negara. Pelbagai tindakan selama ini telah diambil dan penahanan 19 orang dipercayai anggota sindiket kad pengenalan di Tawau pada 15 Ogos 2012 menunjukkan komitmen kerajaan menyelesaikan masalah tersebut. Oleh itu, saya rasa inilah masa untuk kita bersama-sama menangani masalah yang berlaku dalam negara kita. Jangan sampai iaitu berlakunya pisang berbuah dua kali di mana pencerobohan di negeri Sabah berlaku pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan B.27 Kementerian Kerja Raya. Seperti yang sedia maklum di negeri Sabah, kita banyak jalinan jalan raya yang menghubungkan kawasan bandar dan pedalaman yang telah siap dibina seperti jalan raya Keningau-Kimanis, menghubungkan daerah pedalaman seperti Keningau, Tenom, Nabawan ke Kota Kinabalu, jalan Kalabakan yang menghubungkan Keningau, Sook, Nabawan dan daerah lain ke Tawau.

Selain pembinaan jalan raya yang menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar, penyelenggaraan secara berkala dilakukan memastikan rakyat dan pengguna dapat menggunakan jalan raya secara selesa dan selamat. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua ada juga di kawasan-kawasan luar bandar yang masih memerlukan banyak penaiktarafan dalam jalan-jalan raya sepertimana yang saya telah utarakan dalam soalan lisan pada sesi persidangan Dewan yang mulia pada hari ini iaitu saya minta supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya melihat kepada penaiktarafan jalan-jalan raya di kawasan pedalaman negeri Sabah yang daif dan tidak mudah dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda.

Saya merasakan bahawa sekiranya jalan-jalan raya ini diperbaiki, mudah bagi semua agensi kerajaan termasuklah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan agensi-agensi lain untuk memantau keadaan-keadaan di luar bandar khususnya dalam memperkasakan pendidikan di luar bandar. Begitu juga iaitu kegunaan untuk menaiktarafkan jalan-jalan raya ini adalah untuk memantapkan Program Transformasi Kerajaan di luar bandar itu lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang B.41 Kementerian Pendidikan di mana sebanyak RM126,937,300 menampung keperluan tambahan penyelenggaraan bagi gaji pegawai dan kakitangan kontrak, elaun murid keperluan khas dan bantuan makanan asrama. Di sini saya rasa Kementerian Pendidikan telah menjalankan usaha yang begitu gemilang di seluruh negara tetapi pada masa yang sama kita juga mohon supaya kementerian ini mohon perbelanjaan tambahan yang lebih bagi memastikan khususnya keselesaan penempatan ataupun penginapan guru-guru di luar bandar ini dinaiktaraf iaitu kita dapati bahawa kalau kita melihat di kawasan Parlimen Pensiangan, di sekolah-sekolah luar bandar masih lagi rumah-rumah guru ini ada yang usang.

Begitu juga di kawasan Parlimen P.181 Tenom khususnya di Sekolah Kebangsaan Rundum, Sekolah Kebangsaan Tilis dan Sekolah Kebangsaan Bekuku masih lagi banyak rumah yang perlu diperbaiki dan Kementerian Pendidikan perlu mengambil juga inisiatif agar perbelanjaan untuk menampung kos pembinaan rumah-rumah guru ini ditambah agar keselesaan guru dapat dirasai dan mereka dapat mengajar dengan lebih selesa dan lebih kondusif dan begitu juga persekitaran sekolah harus dipertingkatkan iaitu kita juga melihat bahawa keperluan infrastruktur ini amat penting di kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan guru-guru di pedalaman bersungguh-sungguh bertugas, jadi saya rasa kementerian telah membuat usaha yang baik di mana elaun insentif telah diberikan kepada guru-guru mengikut kesesuaian tempat sebanyak RM500, RM1,000 dan RM1,500 sebulan mengikut lokasi dan tahap kesukaran. Semestinya kerajaan telah memikirkan elaun tambahan lain terutama kepada guru terlatih yang mengajar di kawasan pedalaman bagi menepati keperluan agar dijadikan pemangkin kepada mereka untuk cecal dan terus berkhidmat di luar bandar dan Sabah keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai bantuan pelajar-pelajar sekolah yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu antaranya adalah skim bantuan pinjaman buku teks dan diperluaskan kepada semua

murid tanpa mengira bangsa dan latar belakang sosioekonomi dan program rancangan makanan tambahan (RMT) telah diperkenalkan dan ini memastikan bahawa keluarga miskin mendapat makanan dan nutrisi yang mencukupi.

■1750

Selain itu, antara bantuan juga yang diberikan adalah seperti (KWAPM) kumpulan wang amanah pelajar miskin, skim bantuan tuisyen, bantuan makanan asrama, bantuan perjalanan dan pengangkutan murid, pemansuhan yuran sekolah, pemansuhan yuran peperiksaan dan pelbagai bantuan khas untuk memartabatkan pendidikan di kalangan rakyat khususnya yang miskin dan tinggal di kawasan pedalaman. Saya juga mengalu-alukan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang memperkenalkan satu kursus baru bagi sekolah menengah vokasional iaitu untuk menjadikan pendidikan arus perdana setaraf Sijil Pelajaran Malaysia.

Program asas vokasional (PAV) yang dikhususkan kepada pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga dilaksanakan mulai tahun 2013 dalam usaha menjadikan vokasional sebagai pendidikan arus perdana. Penubuhan sekolah-sekolah teknik ini sememangnya menepati keperluan kemahiran teknikal vokasional asas sebelum para pelajar meneruskan ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi. Oleh itu, saya mohon kepada kementerian agar sekolah-sekolah teknikal ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa negeri.

Satu lagi perkara di negeri Sabah terdapat 32 etnik dan berlatar belakangkan budaya yang berlainan. Justeru, saya memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk memikirkan langkah-langkah menubuhkan sebuah sekolah seni bagi negeri Sabah bagi memantapkan dan menyatupadukan rakyat kita yang berbilang etnik dan kaum di negeri Sabah yang melebihi daripada 30 etnik ini. Jadi, saya rasa sudah sampai masanya, bukan kita hanya berharap kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) untuk memantapkan kebudayaan tetapi di sekolah juga. Kita memerlukan menubuhkan penubuhan sekolah seni sebagai satu institusi memperkasakan budaya berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon menyentuh mengenai Butiran B.45 Kementerian Belia dan Sukan iaitu sebanyak RM10 juta diperlukan menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Bukit Jalil. Justeru, dalam memperkasakan infrastruktur kemudahan sukan di peringkat daerah-daerah di luar bandar, saya mohon mencadangkan agar Kompleks Sukan Daerah Tenom dalam kawasan Parlimen Tenom dinaik taraf kerana kemudahan tidak lengkap dan trek larian ada yang sudah rosak.

Jadi kompleks ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, digunakan oleh murid-murid sekolah rendah, sekolah menengah dan juga orang-orang awam yang minat dalam sukan. Kita perlu melihat kepada keperluan ini supaya penduduk-penduduk di luar bandar menikmati kemudahan sukan seperti yang dinikmati di bandar-bandar. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung.

**5.54 ptg.**

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk terus berserta dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013. Saya merujuk kepada maksud Butiran B.42 iaitu Kementerian Kesihatan di mana kementerian minta peruntukan tambahan RM300 juta kebanyakannya untuk menampung rawatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun kementerian telah pun membelanjakan peruntukan besar untuk membekalkan kemudahan perubatan termasuklah subsidi ubat-ubatan. Pada masa kini dijangka mempunyai lebih kurang seramai 3 juta orang pekerja asing menetap di dalam negara kita. Mereka sepatutnya tidak layak menikmati kemudahan dan subsidi perubatan negara kita. Namun, didapati selalu terdapat kes-kes di mana pekerja asing yang mendapat rawatan daripada hospital kerajaan gagal membayar dan juga tidak dibayar oleh majikan mereka sehingga kes tersebut diselesaikan melalui bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau diberikan diskaun atau terus dimansuhkan.

Keadaan ini berlaku kerana pihak hospital pun tidak dapat menahan mereka di hospital kerana perlu meluangkan tempat kosong untuk pesakit yang lain. Saya menyeru kementerian mengkaji semula bagaimana pihak kementerian dapat memastikan subsidi kerajaan yang disediakan untuk rakyat negara tidak digunakan oleh pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya hospital kerajaan menghadapi keadaan kekurangan. Namun, apa yang saya hairan apabila terdapat individu atau organisasi swasta yang rela membantu meringankan keadaan dengan membuat dermaan yang selalunya makan masa yang lama untuk diproses dan diluluskan. Sebagai contoh pada 23 Julai 2012, saya telah mengirakan enam buah mesin dialisis dermaan orang awam kepada Hospital Bintulu tetapi terpaksa menunggu sehingga tiga bulan baru mendapat kelulusan daripada kementerian dan barulah mesin-mesin tersebut dapat digunakan.

Keadaan sama berlaku pada 30 April 2013, di mana saya mengirakan empat mesin dialisis tambahan kepada Hospital Bintulu tetapi sehingga awal Oktober baru-baru ini mendapat kelulusan daripada pihak kementerian. Ianya mengambil masa hampir lima bulan untuk kelulusan. Keadaan ini amatlah mengelirukan saya di mana memang terdapat keperluan di hospital kerajaan tetapi apabila terdapat dermaan daripada pihak swasta, proses kelulusan yang merumitkan lagi makan masa yang panjang melemahkan semangat penderma-penderma yang ingin membantu seperti pihak kementerian tidak berapa suka atau ragu-ragu mahu menerima dermaan daripada orang awam. Minta penjelasan kementerian sebab-sebab keadaan ini berlaku dan apakah langkah-langkah penyelesaian?

Dalam Laporan Audit Negara juga membangkitkan pelbagai masalah kecuaiannya semasa mengendalikan peralatan-peralatan. Maka, jikalau berlaku sebarang kecuaiannya kepada peralatan-peralatan dermaan dan dilaporkan dalam Laporan Audit Negara bolehlah kita bayangkan apakah perasaan atau kekeliruan penderma-penderma apabila mereka membaca laporan berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun yang lepas menjelang satu lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib ke Sri Aman, Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan peruntukan khas untuk mendirikan Hospital Sri Aman baru dan dijangka akan disiapkan dalam tempoh dua tahun. Terima kasih kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun menunaikan janji di mana projek pembinaan hospital baru Sri Aman telah pun bermula.

Akan tetapi keadaan dan kemajuan projek tersebut kurang meyakinkan dan ia akan siap dalam tempoh dua tahun. Rakyat tempatan sudah pun mulai risau dan rasa tidak senang hati dengan keadaan tersebut. Mohon kementerian menjelaskan status pelaksanaan terkini bagi projek berkenaan dan masalah-masalah yang dihadapi.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Laporan Audit Negara senaraikan projek-projek kerajaan yang bermasalah. Kita sememangnya berharap masalah berkenaan dapat diatasi dan tidak akan diulang dalam Laporan Audit Negara yang akan datang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

6.00 ptg.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2013. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat datang ke Dewan Negara kepada empat Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang baru dilantik semalam. Saya akan menyentuh sedikit mengenai perbelanjaan maksud Butiran B.62 untuk Kementerian Dalam Negeri, Butiran B.41 – Kementerian Pendidikan, Butiran B.6 – Jabatan Perdana Menteri dan Maksud Butiran B.45 – Kementerian Belia dan Sukan.

Dalam sesi penggal pertama tahun ini di Dewan yang mulia ini, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu mengenai keselamatan rakyat dan juga kes-kes jenayah berat akibat tembakan dan kegunaan senjata api. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah mengambil perkara ini dengan berat yang mana Ops Cantas Khas telah dijalankan. Kita semua dapat berita daripada akhbar bahawa banyak yang telah disiasat dan ditangkap oleh polis dan kebelakangan ini kita semua dapat melihat satu *result* yang positif di mana memang sudah berkurangan kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik yang diterbitkan di akhbar, pihak polis telah menyatakan seramai 267,496 orang telah disoal dan sebanyak 10,695 orang telah ditahan sejak 17 Ogos hingga 22 September tahun ini. Pihak polis juga telah menentukan bahawa terdapat 49 geng dan dapat menerbitkan nama ketua geng-geng ini di akhbar. Pihak polis juga telah menyatakan terdapat seramai 40,313 orang yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti geng di Malaysia. Saya begitu terkejut dan hairan bila Pengarah Siasatan Jenayah (CID) Bukit Aman di Forum Penjenayah pada 24 Ogos telah menyebutkan bahawa 71% daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti geng adalah daripada golongan orang India. Seolah-olah seperti orang Indialah yang berminat melibatkan diri dalam aktiviti geng.

Saya bukan seorang *racist*, dengan izin, hanya hendak bawa perkara ataupun isu orang India ke Dewan ini. Akan tetapi apabila kita dapat fakta daripada polis bahawa 71% adalah daripada golongan orang India, sebuah masyarakat yang hanya mempunyai 7.5% populasi di Malaysia tetapi begitu banyak terlibat dalam aktiviti geng. Perkara ini perlu diteliti dan kita sepatutnya dengan izin *tackle from its root cause*. Soalnya, kenapakah terdapat ramai orang India yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti begini? Jika kita kaji aktiviti-aktiviti geng di seluruh dunia, mereka yang terdorong kepada aktiviti ini selalunya adalah satu kumpulan yang susah ataupun terpinggir, dengan izin, *they have left behind*. Tidak terdapat banyak peluang untuk mereka dan kumpulan ini berpendapat bahawa tidak ada

jalan lain untuk mereka dan jalan inilah akan membawa harapan untuk mereka dan keluarga mereka keluar daripada belenggu kemiskinan.

Trend ini adalah sama di Malaysia. Rakyat India di Malaysia mempunyai pelbagai masalah. Saya berpendapat untuk menyelesaikan masalah-masalah orang India yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti geng, kita sepatutnya mempunyai langkah-langkah yang lebih holistik. Memenjarakan mereka adalah dengan izin, *a short-term short gap solution*. Apa yang diperlukan ialah satu penyelesaian jangka panjang. Masyarakat orang India memang tertinggal daripada arus pembangunan negara kita. walaupun kita adalah lebih kurang 7.5% daripada jumlah populasi, ekuiti orang India adalah kurang daripada 1.5%. Kalau kita keluarkan lima atau enam individu India yang syarikat mereka disenaraikan di Bursa, ekuiti orang ramai India mungkin kurang daripada 1%.

Walaupun kerajaan telah mengiktiraf bahawa ini adalah satu kenyataan benar dan telah meletakkan *target* 3% ekuiti untuk orang India di Malaysia, tidak ada program yang kukuh yang telah dilaksanakan. Program meningkatkan ekuiti India mestilah mempunyai beberapa kumpulan yang boleh meningkatkan kualiti hidup rakyat orang India dan memberi peluang untuk masyarakat ini maju ke hadapan menjadi sebuah masyarakat yang berpendapatan tinggi selaras dengan visi Perdana Menteri kita.

Kerajaan mesti memberi perhatian kepada:

- (ix) membuka peluang perniagaan dan lesen untuk masyarakat India yang berpatutan;
- (x) menyediakan satu agensi baru untuk membangkitkan perniagaan orang India dan memberi pinjaman yang berpatutan. Pada ketika ini, susah untuk peniaga-peniaga India mendapat pinjaman daripada bank dan pinjaman daripada TEKUN adalah amaun yang kecil dan tidak bermakna;
- (xi) memberi peluang pelaburan yang mudah dengan pinjaman seperti amanah saham untuk orang India; dan
- (xii) menyediakan dana untuk menubuhkan sebuah *high powered agency*, dengan izin, yang melabur dan menyiapkan syarikat-syarikat orang India untuk dibawa ke Bursa. Syarikat-syarikat ini boleh memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kecil kepada masyarakat orang India.

Saya minta Perdana Menteri memberi keterangan apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India? Saya juga meminta Jabatan Perdana Menteri menerangkan kenapa ekuiti orang India



masih kaku ataupun dengan izin, *stagnant* sejak kebelakangan lima tahun ini? Adakah ini bererti program-program yang dilaksanakan tidak bermanfaat ataupun tidak cukup program-program untuk merealisasikan matlamat ini? Saya juga ingin tahu apakah kejayaan TEKUN dari tahun 2012 hingga sekarang untuk komuniti kaum India? Berapa banyakkah yang telah disalurkan dan berapa banyak yang telah menerima pinjaman?

Peningkatan ekuiti sudah tentu akan memberi peluang baru untuk masyarakat orang India. Walau bagaimanapun, langkah ini sahaja tidak cukup untuk mengurangkan penglibatan orang India dalam aktiviti-aktiviti geng. Peranan sekolah dan pendidikan adalah asas pembinaan insan seseorang apabila beliau adalah seorang kanak-kanak.

#### ■1810

Sebagai rakyat India di Malaysia, saya berasa sedih dengan prestasi pendidikan di sekolah-sekolah Tamil yang memang perlu dipertingkatkan. Pada ketika ini, jumlah mereka yang belajar di sekolah Tamil yang gagal di peringkat UPSR adalah satu jumlah yang sungguh besar iaitu lebih kurang 40%. Kumpulan ini adalah satu kumpulan yang jika dibiarkan akan menjadi bahaya dan mereka akan didorong masuk ke aktiviti-aktiviti geng. Bolehkah Kementerian Pendidikan memberi keterangan kenapa murid-murid di sekolah Tamil ketinggalan?

Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan jurang di antara sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan dikurangkan. Bagi mereka yang telah gagal dalam UPSR dan tidak minat di dalam pelajaran tidak kira bangsa. Kita perlukan program rehabilitasi di mana mereka diberikan perhatian yang lebih rapi dan minat individu ini dipastikan. Kerajaan sepatutnya memberikan pengajaran, latihan dan dorongan kepada aktiviti yang diminati supaya mereka akan menjadi seorang individu yang berkesan dan dapat menyumbang secara positif kepada negara. Saya minta Kementerian Pendidikan memberi keterangan, apakah program-program yang sedia ada bagi mereka yang telah gagal di dalam UPSR dan tidak mempunyai kebolehan untuk meneruskan pelajaran di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat berita mengenai jenayah-jenayah baru ini begitu banyak akibat mereka ditahan, dilepaskan selepas penghapusan dengan izin *Emergency Ordinance*. Ini bererti bahawa mereka yang berada di penjara itu ataupun dalam tahanan tidak dapat diubahkan karakternya dan tahanan ataupun penjara ini bukan adalah satu solusi, *long term* untuk menghapuskan aktiviti *gangsterism* dengan izin. Mereka yang remaja baru membuat kesalahan kecil apabila dipenjarakan dengan banduan-banduan lain, bukan mereka jadi baik tetapi mereka menjadi lebih berani. Apabila keluar daripada tahanan seperti dengan izin keluar daripada *University of*

*Criminal.* Saya bercadang kepada Kementerian Dalam Negeri, untuk mereka yang muda jika ditahan atau disyaki terlibat dalam aktiviti geng, kita mesti tukar minda kita dan jangan masukkan mereka ke penjara.

Kita sepatutnya mencari jalan lain untuk menukar minda dan karakter mereka. Kementerian Dalam Negeri boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia untuk mendirikan satu institusi yang terkawal untuk dengan izin, *program rehabilitation* bagi pemuda-pemuda yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti geng. Institut ini mesti menumpukan tenaga membina dan menukar karakter remaja dan seterusnya memberi latihan kepada bidang yang diminati oleh remaja-remaja ini. Program Rehabilitasi ini mesti dilaksanakan secara teratur. Program ini mesti dilaksanakan serentak dengan satu program spesifik untuk mendapatkan pekerjaan untuk mereka ataupun memberikan peluang untuk mereka membuka perniagaan.

Jika seseorang itu minat dalam industri pengangkutan, bagilah lesen seperti lori. Jika dia minat membawa teksi berilah peluang untuk dia. Saya minta keteranganlah daripada Kementerian Dalam Negeri. Bagaimana kementerian bercadang untuk mengurangkan penglibatan remaja-remaja muda daripada aktiviti-aktiviti geng ini. Kita mesti mencari dan memberikan perhatian yang cukup kepada masalah ini, kerana mereka yang terlibat selalunya adalah golongan yang terpinggir.

Kita tidak boleh menyalahkan mereka sebaliknya kita sepatutnya mengkaji balik sistem penyampaian kerajaan dan membuat program untuk memberi mereka dengan izin, *a second chance*. Saya percaya bahawa ketiga-tiga usul saya bahaskan iaitu memperkasakan ekuiti orang India, meningkatkan prestasi sekolah Tamil dan program teknikal untuk mereka yang gagal, program *second chance* bagi remaja akan membawa manfaat yang besar kepada golongan-golongan yang terpinggir, yang terlibat di dalam aktiviti geng terutamanya kaum India.

Penyelesaian masalah ini bukanlah sahaja dialu-alukan oleh komuniti kaum India, tetapi juga akan mengurangkan kes-kes jenayah dan aktiviti geng-geng di Malaysia. Dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Silakan Yang Berhormat. Selepas Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan kita akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

**6.16 ptg.**

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih. Selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk

meneruskan bahas. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan ada sini sikit pasal tengoklah banyak Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tengok dua minggu dulu saya ada tengok *newspaper Utusan*, kereta V6 yang mahu ditukar untuk Menteri-menteri dia orang mahu lulus kereta Honda. Sekarang dia orang sudah tahan kereta itu dan sudah mahu bagi Perdana V6. Perdana V6 kita beli RM100,000, akan tetapi perbelanjaan untuk Perdana V6 itu sudah jadi dekat RM500,000.

Tiap-tiap minggu kita mahu hantar *workshop*. Saya pun ada satu V6, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun ada satu V6. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada satu V6. Semua pakai V6, saya ingat lebih baik tukar itu V6 kasi lain kereta. Pasal apa Yang Berhormat Timbalan Menterikah, Yang Berhormat Menterikah dia orang mahu pergi kawasan dia pakai kereta itu. Akan tetapi, kereta itu setengah jalan boleh berhenti. Dua minggu lepas saya pergi Seremban. Saya tengok satu Menteri berhenti di tepi jalan. Saya tengok apa hal, *gearbox* sudah rosak. Macam ini sudah banyak jadi, pasal apa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mahu tukar itu kereta kasi lain kereta Perdana V6 yang betul, yang rosak.

Itu tidak boleh pakai untuk jalan jauh-jauh. Kalau mahu pergi Kukup, kawasan Parlimen Kukup dari Kuala Lumpur mahu pergi Kukup macam mana? Susah. So ini kereta, perbelanjaan banyak lebih. Kita mesti mahu tukar kereta itu, akan tetapi V6 punya enjin sama itu Honda punya enjin dia orang mahu taruk itu Honda punya enjin untuk V6, mana boleh itu kereta. V6 tidak boleh tahan itu enjin Honda. Ini untuk keselamatan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri itu pun tinggi, kerajaan kena ingat sikit keselamatan untuk Menteri dan Timbalan Menteri.

Kereta ini kita mahu pakai, orang dulu-dulu tengok negeri Perak, pembangkang angkat itu *straight away* kereta dengan izin. Perdana V6 dia orang sudah tidak pakai. Kita lagi angkat balik, kita pakai Perdana itu. Saya ingat tukar itu kereta lagi baik. Satu lagi saya tidak mahu cakap banyak-banyak. Saya ingat itu Chin Peng mati di Bangkok, mahu bawa dia punya itu abu mayat di Malaysia. Dia orang komunis. Dia betul-betul sudah tanya sama Menteri Dalam Negeri pasal apa dia tidak mahu kasi bawa itu mayat di Malaysia. Dia komunis kalau mahu bawa itu dari Johor Bahru sampai Penang dia orang boleh '*din dong*', boleh jalan.

#### ■1820

Itu kita mahu jaga sedikit kalau tidak ada dari Johor Bahru dia orang *start* sampai Penang, dia orang boleh *start* ding dong-ding dong, so jalan kaki sampai Penang. Itu tahan banyak baik untuk keselamatan negara. Inilah saya sedikit cakap terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**6.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan dan ada dari kalangan Yang Berhormat memberi pandangan yang bernas, cadangan membina untuk kepentingan rakyat dan negara.

Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan ini. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi. Seramai 27 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Dr. Syed Husin Ali, Dato' Dr. Johari bin Mat, Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal, Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Datuk Hajah Noriah Binti Mahat, Dato' Boon Som a/l Inong, Dato' Lim Nget Yoon, Puan Norliza binti Abdul Rahim, Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Tuan Lihan Jok, Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, Dr. Lucas bin Umbul, Datuk Pau Chiong Ung, Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai.

Saya seorang sahaja yang menjawab untuk semuanya. Tebal, panjang masa harap Yang Berhormat bersabar. Saya cuba untuk menjawab seberapa banyak yang boleh kerana kalau kita tidak menjawab Yang Berhormat rasa kecil hati terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan seperti kita tidak mengambil endah. Jadi saya akan menjawab menggunakan tajuk-tajuk mengikut kementerian. Kalau saya tidak tersebut nama apabila

saya menjawab itu minta maaf. Kalau kebetulan apa yang saya jawab itu, menjawab apa yang Ahli-Ahli Yang Berhormat timbulkan maka baguslah.

Pertama mengenai Kementerian Kewangan. Mengapa berlaku bajet tambahan ini? Ditanyakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Antara punca utama ialah ketika kita merangka Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Oktober pada tahun 2012, harga minyak pada ketika itu ialah USD102 setong. Namun pada bulan Ogos dan bulan September ini meningkat kepada USD115 setong. Oleh sebab itu kita kena buat bajet tambahan. Ini bukan kerana Menteri Kewangan tidak tahu menganggar bajet, ini adalah suatu yang di luar kawalan kita. Harga minyak dunia ini ditentukan oleh turun naik, aman damai perkara-perkara yang berlaku di Timur Tengah misalnya. Oleh kerana itu RM8.8 bilion ini perlu bajet tambahan daripada RM15 bilion yang kita minta pada hari ini, 59% sebabnya adalah disebabkan kenaikan minyak. Kalau minyak tidak naik, tidak adalah kita minta bajet tambahan ini yang sebegitu besar, RM15 bilion 59% hanya untuk subsidi.

Ada Ahli Yang Berhormat bertanya berapa peratusan-peratusannya? Sebanyak 50% daripada RM8.8 bilion itu untuk memberikan subsidi kepada RON 95, 40% daripada RM8.8 bilion untuk subsidi diesel dan hanya 10% untuk LPG. Satu lagi sebab kenapa kita mengadakan bajet tambahan ini ialah kerana dasar baru kerajaan seperti penambahbaikan skim perkhidmatan ATM dan PDRM yang sebelum ini tidak setara. Dia punya skim itu tidak setara. Jadi kita ingin setarakan dengan perkhidmatan awam dan juga Bantuan Khas Kewangan. Satu lagi ialah keperluan tambahan pencen, elaun bersara dan ganjaran berikutan peningkatan jumlah pesara pilihan. Makin ramai yang hendak bersara pilihan. Semasa kita bentang Bajet 2013 pada Oktober 2012, jumlah pesara itu sekian banyak, tiba-tiba jumlahnya meningkat kerana ramai yang ingin bersara secara pilihan. Satu lagi sebab yang keempat ialah untuk menambah aset-aset yang tertentu kerana negara kita diserang. Ini juga tidak ada seorang Menteri Kewangan pun dalam dunia ini tahu bila negaranya hendak diserang. Jadi peristiwa itu berlaku di luar jangkaan kita, oleh kerana itu kita perlukan bajet tambahan. Itu sebab-sebab kenapa bajet tambahan diperlukan.

Kemudian seperkara lagi yang ingin saya maklumkan di sini ialah tadi RM8.8534 bilion untuk subsidi petroleum, diesel dan LPG - 59%, emolumen ataupun gaji berjumlah RM3.175 bilion untuk penambahbaikan skim ATM, Polis Diraja Malaysia, kenaikan gaji tahunan yang diawalkan, kakitangan kontrak dan Bantuan Khas Kewangan 2013. Sebanyak RM606.9 juta untuk Lembaga Hasil Negeri yang menjadikan jumlahnya RM3.7819 bilion atau 25.2% daripada permohonan RM15 bilion bajet tambahan. Selain

daripada itu pencen RM800 juta tambahan pencen elaun bersara dan ganjaran 5.3%. Keperluan tambahan untuk penyelenggaraan, kos operasi, utiliti, Ops Daulat dan lain-lain keputusan baru berjumlah RM1.5787 bilion atau 10.5% menjadikan bajet tambahan yang kita bincang daripada semalam ini jumlahnya RM15.014 bilion.

Mengenai Laporan Audit yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, apakah tindakan? Kementerian akan mengkaji setiap teguran audit dan sekiranya terdapat asas yang kukuh berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun pelanggaran peraturan kewangan, maka pegawai yang terlibat akan dihadapkan ke Lembaga Tatatertib atau boleh dikenakan surcaj di bawah seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Mengenai penglibatan SPRM dalam Laporan Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius kelemahan dan ketirisan yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Adalah tugas dan tanggungjawab SPRM untuk menyiasat kes-kes berunsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang diketengahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. SPRM memberi perhatian terhadap isu-isu yang tertakluk di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

Justeru sekiranya ada unsur-unsur rasuah, salah guna kuasa dan pelanggaran Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Arahan Perbendaharaan. SPRM akan mengambil tindakan tegas sewajarnya termasuk mengesyorkan tindakan disiplin kepada agensi-agensi berkaitan. Susulan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 di Parlimen, sehingga kini 15 kertas siasatan telah dibuka. Siasatan dijalankan di bawah peruntukan Akta SPRM 2009.

Seterusnya Kementerian Kewangan telah menetapkan supaya semua agensi sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan perolehan yang telah dikeluarkan. Agensi juga perlu lebih kreatif dalam usaha-usaha untuk menambah baik proses perolehan berasaskan prinsip-prinsip perolehan.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut, pertama, pelaksanaan kajian pasaran dalam perolehan selaras dengan Arahan Perbendaharaan AP169.1. Agensi wajib melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu supaya perolehan mempunyai nilai faedah terbaik, menguntungkan serta berdasarkan harga yang munasabah. Kajian hendaklah mengambil kira pelbagai aspek seperti kualiti, harga, kegunaan, lokasi, sumber bekalan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

Keduanya, pemilihan petender. Pemilihan petender hendaklah dibuat berdasarkan tawaran keseluruhan yang menguntungkan kerajaan. Kita perlu meletakkan syarat iaitu kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan juga berhak untuk memilih sebahagian tawaran daripada mana-mana petender. Petender juga dibenarkan menawarkan harga untuk semua item atau sebahagian item. Jika syarat sedemikian dinyatakan dalam dokumen tender, maka agensi boleh memilih beberapa petender untuk membeli item tertentu dengan harga yang termurah atau berpatutan.

Walau pun terdapat garis panduan untuk menilai dan memilih tawaran, agensi hendaklah mempunyai kreativiti dalam memastikan perolehan yang dilaksanakan adalah munasabah. Anggaran jabatan wajar menyediakan anggaran yang digunakan sebagai asas untuk menilai harga tawaran. Ini merupakan asas yang baik dalam menilai tawaran harga berdasarkan prinsip perolehan. Kursus perolehan kerajaan, pelbagai kursus disediakan dari semasa ke semasa untuk melibatkan pegawai yang menguruskan perolehan kerajaan untuk memantapkan kefahaman serta pelaksanaan peraturan bagi memastikan perolehan dapat diurus dengan cekap, teratur dan berkesan. Agensi perlu meneruskan usaha untuk meningkatkan kemahiran pegawai perolehan.

Daripada laporan audit itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di meja kita tebal. Tidak cukup di atas diletak di bawah tetapi kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat membaca laporan maklum balas Perbendaharaan ini. Di kalangan kertas-kertas dan buku-buku yang tebal Laporan Ketua Audit Negara itu, jangan hanya membaca perkara-perkara yang dilaporkan sahaja tetapi baca juga jawapannya. Jawapannya disediakan. Tebal ini. *[Merujuk buku laporan maklum balas yang dipegang]* Ini daripada MOF, Khazanah Malaysia, Kementerian Kewangan, Perbendaharaan Malaysia.

Segala perkara yang dibangkitkan sebahagian besar ada dijawab di sini dan perkara ini juga hendaklah diteliti oleh SPRM. Begitu juga dalam laporan audit ini dahulu tidak ada jawapan. Sekarang ini selain daripada jawapan oleh Kementerian Kewangan yang tebal itu, setiap kali perkara itu dibangkitkan ada yang warna biru itu. Kalau kita membaca maklum balas yang diterima pada 20 Mac 2013 misalnya, muka surat 111. Ini salah satu daripada buku yang banyak-banyak itu. *"Pembentangan akan dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan JKR Selangor yang akan datang pada 19 Februari berhubung perkara ini agar segala kekeliruan dapat dijelaskan dan difahami oleh semua pihak supaya perkara ini tidak berulang pada masa hadapan,"* contoh.

Jadi, semuanya ada jawapan. Masalah kita ini, kita tidak baca yang warna biru itu. Kita baca yang sensasi sahaja. Jadi laporan itu hendaklah dilihat di pelbagai sudut dan

kerajaan membuktikan bahawa kita telus dalam mengadakan urusan pembelian dan perolehan. Laporan audit itu menunjukkan bahawa kita ingin memperbaiki apa yang berlaku.

Kemudian Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan tentang projek MRT bagi laluan Sungai Buloh-Kajang. Kosnya adalah RM32.47 bilion. Ini kos pembinaan. *Fee independence checking engineer* dan projek *delivery partner*, kos tanah dan kos *overhead* MRT. Komponen kos utama kos MRT adalah kos pembinaan sebanyak RM22.18 bilion atau 68.3% daripada kos keseluruhan. Ia meliputi kerja fizikal seperti kerja awalan, kerja bawah tanah, *underground works*, dengan izin, *elevated stations*, depoh, tempat letak kereta bertingkat termasuk sistem dan *rolling stocks*.

Projek MRT dilaksanakan bagi tujuan mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam rel dan menyumbang kepada peningkatan modal syer, penggunaan pengangkutan awam dari 19% pada masa ini kepada 40% pada tahun 2030. Walau bagaimanapun kerajaan sedia maklum bahawa komponen pembinaan terutamanya terowong MRT bawah tanah melibatkan kos yang tinggi. Namun ia adalah peningkatan terbaik diuruskan oleh kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Di samping itu mengambil kira potensi manfaat yang bakal diperoleh melalui projek ini adalah besar. Kerajaan bersetuju supaya pembangunan hartanah dilaksanakan di kawasan laluan stesen MRT kelak bagi menampung kos pelaburan yang tinggi untuk membina MRT.

Seterusnya mengenai Malaysia Airport Holdings Berhad. Adakah paling mahal di Asia, menyebabkan harga tiket mahal? Kadar caj perkhidmatan penumpang atau *passenger service charge* (PSC) antarabangsa yang dikenakan di lapangan terbang antarabangsa di Malaysia selain LCCT Sepang adalah sebanyak RM65 manakala kadar PSC domestik adalah sebanyak RM9. Di LCCT Sepang, kadar *passenger service charge* (PSC) antarabangsa adalah sebanyak RM32 dan kadar PSC domestik adalah RM6. Kadar PSC yang dikenakan ini didapati masih rendah jika dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini. Kadar caj PSC adalah lebih rendah daripada Hong Kong, Bangkok dan Singapura.

Sebagai perbandingan, kadar PSC antarabangsa yang dikenakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Singapura adalah sebanyak RM88, Hong Kong sebanyak RM73, Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi Bangkok adalah RM71, PSC domestik bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Bangkok sebanyak RM10.20. Walau pun kadar PSC antarabangsa di Manila dan Jakarta masing-masing sebanyak RM56 dan RM42 adalah lebih rendah, ianya adalah munasabah kerana kemudahan-kemudahan di



KLIA adalah bertaraf dunia. Kadar PSC domestik di KLIA adalah lebih rendah berbanding kedua-dua lapangan terbang yang tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai bertanya tentang kereta dan SPANCO. SPANCO menghadapi kos penyelenggaraan yang tinggi disebabkan model kereta yang digunakan telah dihentikan pengeluarannya. Walau bagaimanapun kos tersebut dapat dikurangkan apabila kerajaan memutuskan penggantian model Proton Perdana Eksekutif dan Standard kepada Proton Inspira pada tahun 2011. Pada 11 September 2013 baru-baru ini, kerajaan telah memutuskan penggantian model kereta rasmi jabatan kepada Proton Perdana baru. Ini jenis baru. Mudah-mudahan tidak adalah rosak sangat sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai yang akan dibekalkan mulai Disember 2013.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed bertanya kriteria syarikat-syarikat boleh diberikan projek rundingan terus. Antara kriterianya ada lima:

- (i) Keperluan mendesak;
- (ii) bagi bermaksud penyeragaman;
- (iii) satu punca bekalan perkhidmatan pembuat pemegang francais;
- (iv) melibatkan keselamatan dan strategik; dan
- (v) kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya tentang pemberian subsidi barangan petroleum termasuk subsidi gas. Kerajaan memberi subsidi kepada rakyat bagi jenis produk iaitu Petrol RON 95, diesel dan gas cecair. Subsidi petroleum yang diunjurkan pada tahun 2013 adalah RM24.8 bilion, lebih kurang RM2 bilion sebulan. RM2,000 juta sebulan adalah amat tinggi. Bagi bulan September 2013, kadar subsidi bagi ketiga-tiga barangan petroleum tersebut adalah seperti berikut:

- (i) RON 95 sebanyak 63 sen seliter;
- (ii) diesel sebanyak 80 sen seliter;
- (iii) LPG sebanyak RM1.79 sekilogram atau RM25.06 setong untuk 14 kilogram.

Jadi, setiap satu tong gas masak itu kerajaan bagi rakyat RM25. Tiada subsidi gas yang diberikan oleh kerajaan kepada industri dan penjana bebas.

Kemudian ditanyakan lagi tentang tuntutan royalti petroleum daripada Kerajaan Negeri Kelantan. Jawatankuasa khas telah mengkaji dokumen dan perundangan yang relevan serta membuat pertimbangan berdasarkan input dan maklum balas perundangan dan teknikal daripada kementerian dan agensi berkaitan. Jawatankuasa khas telah

memuktamadkan laporannya dan telah mengemukakan laporan tersebut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Julai 2013. Walau bagaimanapun memandangkan kes tuntutan royalti oleh Kerajaan Negeri Kelantan masih belum diputuskan oleh mahkamah, hasil laporan jawatankuasa tersebut tidak dapat dimaklumkan kepada umum.

Mengenai Jabatan Perdana Menteri. Pencen. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, RM820 dinaikkan kepada RM900. Pencen minimum adalah satu bayaran pencen bulanan kepada pesara perkhidmatan awam termasuk badan berkanun yang telah diswastakan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Pencen minimum telah dinaikkan daripada RM280 kepada RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009. Ianya kemudian dinaikkan sekali lagi kepada RM820. Memandangkan kenaikan kadar pencen minimum pada RM820 sebulan baru sahaja dilaksanakan mulai 1 Januari 2012, maka kerajaan belum berhasrat untuk menaikkan kepada RM900 sebulan.

■1840

#### 6.40ptg

Dr. Syed Husin Ali bertanyakan tentang keperluan di Jabatan Perkhidmatan Awam. Keperluan bagi peruntukan tambahan tahun 2013 adalah bagi menampung peningkatan pembayaran faedah persaraan anggota sektor awam dan tanggungannya termasuk Angkatan Tentera Malaysia.

Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan faedah persaraan adalah disebabkan peningkatan dalam persaraan pilihan. Sehingga Disember 2013, dianggarkan bilangan pesara baru yang memilih untuk bersara pilihan adalah seramai 13,200 orang. Ini merupakan peningkatan sebanyak 112% berbanding tahun 2012 di mana pesara pilihan adalah seramai cuma 6,202 orang. Peningkatan pencen tahunan pada kadar 2% bermula tahun 2013 juga memberi impak kepada peningkatan pembayaran pencen bulanan.

Kemudian Puan Hajah Rohani binti Abdullah, bilangan pesara yang dapat manfaat dan bantuan mengurus jenazah. Melalui program bantuan mengurus jenazah, waris pesara yang meninggal dunia mendapat bantuan sejumlah RM3,000 bagi setiap urusan jenazah. Pada tahun 2010, bilangan kematian yang di rekod adalah seramai 10,949 orang dengan bantuan sejumlah RM32,000,847.

Pada tahun 2011, bilangan kematian yang di rekod adalah seramai 11,330 orang dengan bantuan sejumlah RM33,990,000. Pada tahun 2012, bilangan kematian yang di rekod adalah seramai 11,312 orang dengan bantuan sejumlah RM33,936,000 sementara

pada tahun 2013 sehingga September, sejumlah 7,506 kematian direkodkan dengan jumlah bantuan sebanyak RM22,518,000.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza, siapakah golongan pesara yang menerima bantuan khas? Bantuan kewangan khas kewangan sebanyak RM250 telah dibayar kepada semua pesara Kerajaan Persekutuan bagi kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan sebagai bantuan persediaan Hari Raya Aidil Fitri tahun 2013. Bilangan yang terlibat adalah seramai 661,050 orang pesara yang melibatkan sejumlah RM163,991,526. Adakah mereka yang terlibat dalam pencerobohan di Lahad Datu diberi bantuan? Semua balu dan waris anggota keselamatan yang terkorban dalam pencerobohan di Lahad Datu telah dibayar faedah pencen iaitu ganjaran dan gantian cuti rehat. Mereka juga dibayar pencen, bayaran ex gratia, iaitu mati dalam perkhidmatan dan juga pencen tanggungan secara bulanan. Semua bayaran dibuat setelah mengambil kira satu kenaikan pangkat.

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, biasiswa pengajian ke luar negara. Kerajaan sedia maklum berkenaan cadangan ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk menaja pelajar ke luar negara terutamanya di universiti terkemuka dunia dalam bidang keutamaan yang diperlukan seperti perubatan, pergigian dan farmasi. Ianya bagi meningkatkan daya saing negara pada masa hadapan dalam merealisasikan wawasan negara. Kaedah pemilihan pelajar yang menerima biasiswa dilaksanakan dengan ketat dan teliti seperti penilaian melalui *Student Assessment Centre* dengan izin SAC dan temu duga serta pemilihan dibuat secara telus dan teliti.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza, biasiswa dalam luar negara, pada masa ini tiada bantuan kewangan biasiswa diberikan kepada pekerja kontrak. Untuk pekerja kontrak ada atau tidak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi? Biasiswa ini disediakan hanyalah khusus untuk pegawai dalam perkhidmatan tetap sahaja. Bagi negara yang mempunyai kadar tukaran wang asing yang tinggi, adakah kadar biasiswa pelajar akan dikaji semula? Kadar biasiswa adalah di dalam mata wang negara berkenaan atau mata wang utama dunia. Sebagai contoh, negara UK – Pound, Russia – US Dollar. Sehubungan dengan itu tidak timbul isu pelajar terdedah kepada isu kenaikan kadar mata wang asing.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan beberapa senator yang lain mengenai Institut *Wasatiyyah* termasuk Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. *Wasatiyyah* itu bermaksud adil, seimbang, sederhana dan terbaik, aset. *Wasatiyyah* itu bukan hanya bermaksud seimbang ataupun sederhana tetapi adil, seimbang, sederhana dan terbaik. Tujuan Institut *Wasatiyyah* Malaysia ditubuhkan bagi menggerakkan

pendekatan *wasatiyyah* yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui empat strategi utama.

Pertama, mempromosikan pendekatan *wasatiyyah* dan institut kepada umum. Kedua, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman, menggalakkan penghayatan amalan yang seimbang dan adil, memperkasa sumber rujukan dan bahan ilmiah berkaitan *wasatiyyah* telah mula beroperasi pada 3 Disember 2012 dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Mac 2013. Institut *Wasatiyyah* diperuntukkan sebanyak RM2 juta. Pengarah dan dua timbalan pengarah telah pun dilantik dan dibantu oleh empat orang kumpulan sokongan. Buat masa ini beroperasi di Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, tentang Ahli Sunah Waljamaah dan kaitan Institut *Wasatiyyah*. Salah satu daripada strategi Institut *Wasatiyyah* Malaysia ialah memperkasa sumber rujukan dan bahan ilmiah berkaitan *wasatiyyah*. Malah, penyelidikan itu merupakan salah satu daripada program-program teras Institut *Wasatiyyah*. Penyelidikan dan kajian yang akan dibuat adalah terhadap aspek kesederhanaan dan juga yang terbaik dalam pelbagai bidang termasuk bidang akidah termasuklah mengenai Ahli Sunah Waljamaah dan perbandingan fahaman Syiah yang bersifat melampau.

Antara program-program Institut *Wasatiyyah*, ini juga ditanyakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat. Antaranya seminar *wasatiyyah* peringkat kebangsaan, seminar *wasatiyyah* peringkat negeri Kedah, dialog bersama pertubuhan bukan kerajaan, syarahan perdana bersama ketua-ketua jabatan, GLC, swasta, IPTA, NGO. Telah menerbitkan tiga buku yang diterjemah dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab, telah diedarkan ke jabatan kerajaan, IPTA, NGO, GLC dan akan ditambah lagi program-programnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, mengenai perangi rasuah secara holistik. Kerajaan sentiasa komited untuk mencegah jenayah rasuah dan kerajaan juga pada dasarnya tiada halangan tentang penubuhan suruhanjaya perkhidmatan. Namun, cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam kerana ia melibatkan pindaan perlembagaan. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar mengenai akhbar tertentu yang menyatakan Malaysia negara paling *corrupt*, paling rasuah.

Kita tidak dapat pastikan di manakah *survey* itu. Kerajaan dalam hala tuju program transformasi kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan skor *Score Global Corruption Barometer* (GCB) dengan izin di bawah *Transparency International* sebagai salah satu *key performance indicator* (KPI) memandangkan ia adalah salah satu penanda aras yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Walaupun ia berisiko, namun ia adalah satu

tindakan berani dan cabaran kerajaan dalam meletakkan sasaran yang tinggi demi menjayakan usaha membanteras rasuah di Malaysia.

Dalam kajian GCB ini, kedudukan Malaysia hanya 5% daripada 1,000 orang responden yang ditemu bual pernah membuat untuk rasuah. Cuma 5% daripada 1,000 orang. Malaysia di kedudukan 10 tempat teratas dan berkongsi kedudukan dengan negara-negara terbaik dunia seperti Denmark, Finland dan Norway. Kemudian, supaya dipaparkan semua nama Yang Berhormat yang pernah menjadi Senator, Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan Parlimen sedang mengemas kini senarai nama bekas-bekas Ahli Dewan Negara. Oleh sebab tempoh Ahli Dewan Negara berbeza dengan tempoh Ahli Dewan Rakyat, maka ia memerlukan sedikit masa untuk mengemas kini nama-nama itu, nama-nama bekas Ahli Dewan Negara termasuk nama Ahli Dewan Negara yang sedang berkhidmat akan dipaparkan apabila selesai dikemas kini kelak. *[Tepuk] Alhamdulillah.*

Mengenai pegawai penyelidik Parlimen, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Bilangan pegawai penyelidik sedia ada di Parlimen adalah berdasarkan kajian norma perjawatan yang telah dilaksanakan sebelum ini. Buat masa ini bilangan pegawai penyelidik sedia ada adalah 16 orang. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk menambah baik nisbah sedia ada pegawai penyelidik kepada Ahli Parlimen, perkara ini akan dibuat keputusan. Mengenai permohonan Dato' Dr. Firdaus supaya kelengkapan dalam Dewan khususnya diberi keutamaan yang lebih. Contohnya kelengkapan komputer yang di hadapan kita ini. Urusan perolehan bagi menggantikan kelengkapan komputer di dalam Dewan ini sedang diuruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Tender Perolehan B Jabatan Perdana Menteri akan bersidang esok untuk menentukan syarikat yang berjaya dalam tender ini. Adalah dijangkakan semua penggantian dapat disiapkan dan digunakan dalam mesyuarat pertama, penggal kedua tahun hadapan. Ini adalah kerana Dewan ini akan digunakan untuk mesyuarat ketiga Dewan Rakyat yang akan bermula pada 21 Disember 2013.

Mengenai penjenamaan negara. Beberapa Ahli Yang Berhormat bertanyakan. Penubuhan bahagian penjenamaan negara telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berperanan memaksimumkan potensi Malaysia memperkasa penjenamaan negara. Beberapa inisiatif utama akan dijalankan bagi mempromosi dan memasarkan kelebihan serta ciri tersendiri negara dengan tujuan menarik pelabur asing, menarik bakat, menarik pelancong dan menarik pemastautin ekspatriat. Langkah

penjenamaan negara ini diharap dapat memperkukuh kekuatan negara agar lebih berdaya saing.

Bajet diperuntukkan RM15 juta merangkumi pelaksanaan inisiatif untuk meningkatkan dan menyebarkan pengetahuan, meningkatkan interaksi pelbagai lapisan masyarakat, mengetengahkan tokoh-tokoh berjaya, mengadakan bengkel penjenamaan untuk kementerian dan agensi serta pelbagai program penjenamaan yang akan memberikan impak positif seiring dengan 25 buah negara yang berjaya di dunia mengikut indeks penjenamaan negara atau *Country Brand Index* (CBI).

Antaranya, Kanada, Australia dan New Zealand. Kesemuanya telah berjaya menarik pelaburan asing dan tenaga kerja dari luar negara serta mendapat manfaat yang besar hasil daripada penubuhan unit penjenamaan yang sentiasa bekerjasama dengan kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan.

#### ■1850

Sebagai contoh perbelanjaan tahunan program penjenamaan bagi negara-negara yang telah menjalankan inisiatif ini, Korea RM256 juta, India RM120 juta, Jerman RM85 juta. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang telah berjaya melalui penjenamaan negara, jumlah peruntukan untuk negara kita adalah amat minima.

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan beberapa Senator lain - TV Alhijrah. TV Alhijrah menerima sejumlah peruntukan yang terhad dari kerajaan setiap tahun. TV Alhijrah merangka strategi dan mengambil beberapa langkah bagi menampung perbelanjaan operasinya.

Antaranya dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pengiklanan, TV Alhijrah berusaha untuk meningkatkan jumlah penonton bagi menarik minat lebih banyak syarikat untuk membeli *air time*, menerbitkan lebih banyak program-program berkualiti dan berinformasi, meningkatkan populariti dan pengiktirafan di kalangan penonton, membina komuniti dan berhubung dengan golongan sasaran, memperluas perkhidmatan TV Alhijrah melalui perkhidmatan TV satelit.

TV Alhijrah juga sentiasa berusaha untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan, badan berkanun dan swasta untuk menerbitkan program berjenama, *branded content* untuk menampung perbelanjaan kos program, mewujudkan platform media baru, menghasilkan rancangan berkualiti untuk pasaran antarabangsa. Setakat ini, beberapa rancangan TV Alhijrah telah dibeli oleh stesen dari Indonesia dan Brunei. TV Alhijrah sentiasa memantau bilangan penontonnya melalui kajian dilakukan

oleh badan penyelidik media AC Nielson. Pada tahun 2012, tontonan harian TV Alhijrah telah mencecah sejumlah 1.3 juta.

Bermula 2013, TV Alhijrah telah dengan secara giat dan strategik menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dari segi kandungan rancangan yang disiarkan serta meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi. Hasilnya berdasarkan data yang diperolehi pada bulan Julai 2013 yang lepas, jumlah tontonan harian telah berjaya mencecah 2.7 juta penonton melebihi sasaran 1.5 juta penonton yang ditetapkan sebelum ini.

Sejak isu syiah ini kembali hangat beberapa bulan lepas, TV Alhijrah telah dengan giatnya dengan menerbitkan beberapa rancangan yang membincangkan tentang bahaya serta ancaman fahaman berkenaan. Rancangan Majalah Islam telah membincangkannya untuk satu episod, rancangan Isu Akidah telah membincangkannya sebanyak dua episod dan rancangan berbentuk *hard talk* bicara bersiaran secara langsung setiap hari Isnin malam telah membincangkan isu syiah setiap minggu sejak empat minggu yang lepas dan berbagai pakar dalam bidang ini telah dijemput membincangkannya.

Selain itu, rancangan bual bicara pagi Assalamualaikum juga telah beberapa kali membincangkan mengenai fahaman ini. TV Alhijrah merupakan sebuah stesen yang tidak bermotifkan keuntungan dan ditubuhkan kerajaan sebagai satu medium untuk mendidik masyarakat serta memberi kefahaman tentang Islam. Sehubungan dengan itu, buat masa ini TV Al-Hijrah masih memerlukan peruntukan tahunan untuk membiayai operasinya. TV Alhijrah tidak dimiliki oleh mana-mana individu dan ia merupakan inisiatif kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab terhadap umat Islam, 63% penduduk di negara ini dan juga terhadap permintaan rancangan-rancangan keagamaan, menubuhkan sebuah stesen TV Islam pertama, bersiaran secara percuma, *free to air* di negara ini.

Selain daripada itu, semasa Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21 Mei 2008, Baginda telah menitahkan untuk melahirkan hasrat ingin melihat penubuhan sebuah saluran TV Islam di negara ini. Berikutan daripada itu, penubuhan saluran ini telah diumumkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia Ke-49 pada 19 Jun 2019 dengan menyebut nama TV JAKIM yang kemudiannya dikenali sebagai TV Alhijrah telah menjadi sebuah agensi di bawah Menteri Jabatan Perdana Menteri, kini diurus tadbir oleh Alhijrah Media Corporation sebuah syarikat Berhad menurut jaminan *public company limited by guarantee* yang tiada pemegang saham.

Setakat ini TV Alhijrah telah memperoleh pendapatan sebanyak RM14.6 juta iaitu RM4.4 juta pada 2011, RM4.2 juta pada 2012 dan RM7.2 juta pada 2013 sehingga

September 2013. Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim bertanya tentang fungsi pegawai integriti. Fungsinya:

- (i) menghasilkan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- (ii) menghasilkan pembudayaan penginstitutionian;
- (iii) pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- (iv) menyelaras, mengesahkan dan melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan;
- (v) menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi;
- (vi) memastikan penerbitan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (vii) melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Pegawai integriti ini ditempatkan di dalam agensi-agensi awam berdasarkan kepada penarafan risiko agensi yang dilaksanakan oleh SPRM. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko sesebuah agensi dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan. Buat masa ini, SPRM telah menempatkan pegawai integriti di beberapa agensi seperti Kementerian Pendidikan, kastam, imigresen, JPJ dan beberapa GLC.

Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan terpaksa membayar pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi kerana tidak membenarkan kenaikan kadar tol seperti mana yang dinyatakan dalam perjanjian konsesi. Itu sebabnya kenapa kita tidak dapat, kita kena beri pampasan. Jumlah kutipan tol bagi tahun 2013, belum ada angka yang diberikan pada saya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Stadium dan masjid Terengganu mengenai kesilapan teknikal JKR. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya memandang serius akan kejadian dan keruntuhan bangunan yang berlaku termasuk di negeri Terengganu. Kementerian Kerja Raya selaku agensi teknikal utama kerajaan sedang membuat siasatan berkaitan tentang punca berlakunya keruntuhan bumbung masjid berkenaan. Siasatan tersebut dijalankan oleh jurutera-jurutera pakar daripada Kementerian Kerja Raya. Penubuhan Jawatankuasa Khas pada bulan Jun 2013 yang terdiri yang daripada pakar industri pembinaan negara ini. Jawatankuasa Khas ini akan mengkaji semula amalan dan prosedur semasa industri



binaan dan mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

Bangunan Gunasama Persekutuan - Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun bin Haji Mat Amin. Perancangan untuk mewujudkan bangunan gunasama persekutuan di sesuatu daerah terletak di bawah bidang kuasa Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kriteria utama untuk mewujudkan bangunan gunasama persekutuan di sesuatu kawasan perlu mengambil kira bilangan agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan yang menyewa ruang pejabat dan juga kadar sewaanannya.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/ Inong, mengenai kenderaan berat dilarang melalui jalan raya di waktu puncak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa memastikan bahan turapan yang dibekalkan dan kualiti penurapan jalan adalah mematuhi spesifikasi jabatan yang telah ditetapkan. Juga bertanya tentang penurapan jalan raya. JKR menjalankan audit kuari bagi memastikan bahan turapan yang digunakan mematuhi spesifikasi tersebut. Audit turapan juga dijalankan setelah operasi berkenaan selesai dilaksanakan di mana kualiti turapan akan diuji di makmal dan keputusan makmal mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, mengenai tentang isu Dong Zong. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Proses penubuhan pelan ini sebenarnya telah mengambil kira semua pandangan dan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuklah pertubuhan-pertubuhan Cina seperti Dong Zong. KPM juga telah memberi penjelasan yang sebaik mungkin kepada semua pihak mengenai agenda Transformasi Pendidikan yang dilakukan ini, malah perbincangan bersemuka juga dilakukan untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim mengenai MRSM. Pencapaian keputusan anak-anak melalui media sosial. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan satu platform bagi membolehkan ibu bapa memantau pencapaian akademik anak-anak mereka iaitu Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah. Ibu bapa boleh membuat semakan ke atas pencapaian akademik anak-anak mereka melalui portal Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Kaedah pemilihan guru j-QAF, kelayakan diploma. Kaedah pengambilan guru j-QAF syarat-syaratnya:

- (i) lulus Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya kepujian di peringkat SPM;
- (ii) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK sekurang-kurangnya 2.75;
- (iii) Calon mestilah memiliki ijazah yang bertepatan dengan bidang dipohon meliputi pengajian Islam, Bahasa Arab, Al-Quran atau yang setaraf dengannya;
- (iv) Keutamaan juga pada calon yang memiliki pengalaman mengajar dalam bidang pendidikan dan aktif dalam kegiatan kokurikulum;
- (v) lulus ujian pemilihan calon guru Malaysia dengan izin, *Malaysian Teacher Selection Test (MTEST)*;
- (vi) lulus temu duga yang akan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- (vii) Calon hendaklah bersedia dilatih di mana-mana kampus Institut Pendidikan Guru dan bersedia di tempatkan di mana-mana sekolah termasuk kawasan pedalaman seluruh negara.

Calon-calon lepasan diploma tidak diambil kerana dasar pengambilan guru dari kalangan mereka yang telah memiliki sekurang-kurang Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang selari dengan dasar pensiswazahan guru yang diamalkan pada masa ini.

j-QAF - Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar mencadangkan agar latihan amali bagi setiap Pendidikan Islam diberikan penekanan. Dimaklumkan di sini bahawa selain aktiviti amali dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan program j-QAF memastikan murid sekolah rendah khatam Al-Quran, menguasai bacaan dan tulisan jawi, menguasai asas bahasa Arab, mampu menunaikan solat dengan sempurna.

#### ■1900

Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 hingga sekarang. Bagi melihat kemajuan prestasi dan keberkesanan pelaksanaan program j-QAF, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pemantauan secara berkala dan juga menjalankan kajian. Sehingga kini, dua kajian telah dijalankan oleh KPM bagi mendapat input pelaksanaan program j-QAF. Hasil pemantauan yang dilaksanakan menunjukkan prestasi murid melalui program j-QAF adalah memberangsangkan.

Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah dan Datuk Dr. Johari Mat, mengenai produk yang telah dihasilkan oleh Pelan Pendidikan ini. Kita ingin mencapai tiga objektif khusus iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa Sistem Pendidikan Malaysia, mewujudkan

visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap murid, menggariskan transformasi sistem pendidikan untuk 13 tahun yang akan datang.

Transformasi Pendidikan ini dalam tempoh 13 tahun ada tiga gelombang. Gelombang pertama 2013-2025, mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama. Gelombang dua 2016-2020, memacu peningkatan sistem. Gelombang tiga 2021-2025, menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan operasi untuk memupuk budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional.

Senator Dato' Abdul Rahman dan seorang lagi Senator iaitu rancangan makanan tambahan, bantuan makanan asrama. Kerajaan sentiasa prihatin tentang keperluan pendidikan bagi semua murid terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Rancangan makanan tambahan (RMT) didapati masih relevan. Bantuan makanan asrama (BMA) pula, pemberian tersebut adalah untuk murid-murid yang tinggal di asrama dengan kadar semasa antara RM12 hingga RM14 sehari. Namun demikian, untuk meringankan beban kewangan kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenakan bayaran makanan asrama kepada ibu bapa yang berpendapatan RM4,999 sebulan dan ke bawah sebanyak RM1 sehari. Manakala pendapatan ibu bapa RM5,000 sebulan dan ke atas mereka dikenakan bayaran makan di asrama tetapi sedikit sahaja, RM3 sehari.

Kemudian, satu lagi tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini, ditanyakan sama ada, apa berlaku pada Penyata Rahman Talib dan Penyata Razak? Pelan Pendidikan ini sememangnya bertunjangkan kepada Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran 1979 yang dikenali juga sebagai Laporan Mahathir serta diadun dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1988 dan dasar-dasar pendidikan yang sedang berlangsung demi melahirkan insan yang seimbang, holistik, memupuk perpaduan nasional. Pelan Pendidikan yang disediakan ini juga adalah berasaskan kepada prestasi dan cabaran semasa Sistem Pendidikan Negara serta keperluan masa depan.

Enam inisiatif PPPM 2013-2005 yang berjaya dicapai dalam masa 100 hari selepas pelancarannya ialah pelancaran satu agenda Kementerian Pendidikan Malaysia, penubuhan Unit Padu dan Padu *Corporation*, pelancaran dan pengagihan saranan daripada ibu bapa, pengundian guru bahasa Inggeris melalui *Cambridge Placement Test*, pelaksanaan program rintis, program transformasi daerah dan yang keenam penyediaan video e-guru.

Senator Dato' Lim Nget Yoon, langkah-langkah yang telah dan akan diadakan oleh kerajaan meningkatkan *ranking* universiti. Pertama, memastikan universiti penyelidikan, (*RU*) *Research University* yang mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi pada 50% daripada keseluruhan enrolmen. Seterusnya memastikan IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan berimpak tinggi dengan izin, *high impact journals* bagi tujuan kenaikan pangkat, meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa, meningkatkan strategi pemasaran yang lebih menyasarkan peningkatan *branding* dan *word of mouth*, dengan izin.

Kualiti penerbitan jurnal oleh IPT tempatan dipertingkatkan supaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa, menubuhkan Pusat Sitasi Negara yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara, memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA, memberi lebih autonomi, penurunan kuasa kepada universiti, membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti, melaksanakan *academic performance audit* (APA), dengan izin dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan kerangka kelayakan Malaysia dengan izin, *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) dan mempertingkatkan bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan pengambilan pelajar pascasiswazah dan pascadoktoral.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat, statistik terkini guru-guru PhD dan master, langkah-langkah kerajaan untuk memastikan guru-guru memberi sumbangan kepada pendidikan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang mempunyai kelayakan sarjana adalah seramai 15,209 dan PhD seramai 135 orang. Mereka ini sedang berkhidmat di sekolah-sekolah di seluruh negara. Sebagai pendidik dalam Sistem Pendidikan Negara, sudah pastilah mereka telah diberi tanggungjawab untuk mendidik anak bangsa tidak kira sama ada peringkat rendah mahupun di peringkat menengah.

Bagi guru-guru yang ingin menyambung pengajian dengan tanggungan sendiri, mereka bolehlah memohon kepada Bahagian Tajaan Pendidikan KPM melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk mengikuti program berikut:

- (i) cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa. Tempoh kelulusan dua tahun bagi sarjana, tiga tahun bagi PhD;
- (ii) cuti belajar separuh gaji untuk ijazah pertama sahaja. Tempoh kelulusan mengikut tempoh pengajian di universiti berkenaan;
- (iii) cuti belajar tanpa gaji; dan

- (iv) program yuran pengajian ditawarkan secara *one-off* tahun 2013 pada semua kakitangan KPM akan menaja semua yuran pengajian tetapi tiada elemen cuti belajar diberikan.

Senator Dato' Lim Nget Yoon berkaitan dengan Sistem Pendidikan Negara kerana banyak masalah sosial. Kita ingin menyatakan bahawa Sistem Pendidikan yang kita amalkan di negara ini sebenarnya tidak hanya memberi tumpuan kepada akademik dan kemahiran, tetapi juga memberi tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni di kalangan murid sekolah dan pelajar di pusat pengajian tinggi digubal berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Di peringkat sekolah, pemupukan pembudayaan nilai-nilai murni dilaksanakan berkonsep merentas kurikulum dan semua mata pelajaran yang diajar. Aktiviti kokurikulum dan program integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP). Kita juga di peringkat pengajian tinggi, pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta hubungan etnik. Di samping itu, program bersesuaian juga disediakan sebagai platform bagi membincangkan pelbagai perkara termasuklah isu pengukuhan pembangunan dan perpaduan negara seperti Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK). Hal ini bertujuan untuk menyediakan modal insan mempunyai jati diri yang utuh, cinta kepada negara, mengamalkan nilai-nilai murni dan saling menghormati sebagai rakyat dalam masyarakat majmuk.

Seterusnya, KPM telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan sahsiah dan jati diri. Antaranya menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun ini. Mata pelajaran Sejarah juga akan diperkenalkan di peringkat sekolah rendah di Tahap Dua mulai tahun 2014 secara berperingkat-peringkat. Kedua, mewujudkan jawatankuasa induk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum di peringkat KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan memutuskan apa-apa dasar pelaksanaan serta operasi berkaitan perpaduan dan integrasi murid pelbagai kaum di Malaysia. Ketiga, mewujudkan sekretariat perpaduan murid di peringkat KPM bertujuan untuk meningkat, memantapkan perpaduan integrasi murid pelbagai kaum di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seluruh negara serta mengukuh identiti nasional murid pelbagai kaum dengan mengamalkan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa depan Malaysia.

Dato' Boon Som, pendidikan memberi perhatian supaya pelajar di luar bandar tidak tercicir. KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar

penyertaan murid dan seterusnya dapat mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambahbaikkan kemudahan asas, memperbanyak program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluaskan program-program bantuan seperti menyediakan biasiswa kecil persekutuan, rancangan makanan tambahan, skim baucer tuisyen, kumpulan wang amanah pelajar miskin (KWAPM).

Selain itu, di bawah inisiatif terkini, KPM telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak yang memberi fokus untuk meningkatkan enrolmen dan penyertaan murid sehingga ke peringkat menengah rendah. Inisiatif tersebut termasuk menaik taraf sekolah-sekolah sedia ada sebagai sekolah K9 yang menyediakan prasarana pengajaran dan pembelajaran (PDP) dari prasekolah sehingga Tingkatan Tiga di sekolah yang sama.

KPM berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid terutamanya untuk pelajar luar bandar. Juga bersama agensi awam dan swasta memang telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menangani masalah pelajar lepasan SPM dan STPM memenuhi masa terluang mereka dengan aktiviti yang berfaedah seperti mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang kemahiran dan program-program kemasyarakatan.

Sektor Pengajian Tinggi KPM juga terlibat dengan melalui kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kementerian Belia dan Sukan melalui Program Rakan Muda, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah melalui program-program MARA serta *JobsMalaysia* yang menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang untuk persediaan sebelum pekerjaan.

Hemodialisis mesin. Pada masa ini, terdapat 128 buah hospital Kementerian Kesihatan (KKM) dan tiga buah klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan hemodialisis dengan sejumlah 1,633 unit mesin hemodialisis bagi merawat 5,924 pesakit.

#### ■1910

Jangka hayat sesebuah mesin hemodialisis adalah lapan tahun. Mesin hemodialisis yang lama yang mengalami kerosakan perlu diganti. Terdapat hospital yang mempunyai *point* untuk mesin hemodialisis tambahan pada tahun 2013. Kerajaan telah meluluskan 150 unit mesin hemodialisis di bawah Bajet 2013 dan sebanyak 75 unit mesin hemodialisis lain juga akan ditempatkan di hospital-hospital KKM yang telah dikenal pasti.

Kementerian Belia dan Sukan. Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal, apakah kerajaan ada menyediakan skim insurans kepada atlet negara? Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun menyediakan perlindungan insurans kepada atlet serta para pegawai sukan. Terdapat dua jenis skim insurans iaitu atlet normal dan atlet paralimpik.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Perbadanan Stadium Malaysia telah menerbitkan buku garis panduan penyelenggaraan padang. Ini pertanyaan tentang padang-padang. Kemudian penjelasan kementerian, kenapa peruntukan tambahan dipohon semata-mata untuk tujuan pembangunan sukan. Itu tidak betul kerana RM6 juta peruntukan tambahan ini juga untuk menampung keperluan tambahan-tambahan kerja penyelenggaraan peralatan latihan dan bangunan di 20 buah Institut Kemahiran Belia Negara.

Bertanyakan tentang agar sukan-sukan tradisi diberi perhatian agar tidak terus tercicir seperti sepak takraw. Sukan sepak takraw telah pun tersenarai dalam 19 jenis sukan teras negara yang berpotensi untuk memenangi pingat di kejohanan antarabangsa. Justeru itu pihak MSN sentiasa menyenaraikan sukan sepak takraw dalam program-program khusus di temasya Sukan SEA dan Sukan Asia.

Cadangan supaya IKBN diperbesar dan diperbanyakkan di seluruh negeri serta melengkapkan peralatan keperluan latihan mengikut kehendak industri. Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk menambah bilangan IKBN. Institut Latihan Kemahiran Awam yang baharu dalam RMKe-10.

Pada masa ini terdapat 20 buah institut IKBN, satu Kolej Kemahiran Belia Nasional dan satu Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan di seluruh Malaysia dengan kapasiti para pelajar kesemuanya boleh diisi 13,500 orang. Sebanyak 16 bidang utama ditawarkan merangkumi pelbagai kursus kemahiran dan latihan teknikal untuk melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri.

Selain IKBN terdapat juga Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang lain seperti kolej komuniti, Institut Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan banyak lagi di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus kemahiran dan latihan teknikal.

Punca untuk pemindahan lokasi penganjuran perlawanan persahabatan antara pasukan Malaysia dengan pasukan antarabangsa Barcelona. Punca utama pemindahan lokasi penganjuran adalah keadaan padang tidak sesuai untuk perlawanan bola sepak bertaraf antarabangsa. Kementerian telah memaklumkan keadaan padang tetapi penganjur masih bertegas mahu melangsungkan perlawanan berkenaan di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Pihak perbadanan telah melakukan penambahbaikan selama dua minggu dari tarikh perlawanan dan pemantauan telah dilakukan oleh pihak penganjur sepanjang kerja-kerja dijalankan. Pihak perbadanan telah dimaklumkan oleh penganjur untuk

membatalkan perlawanan selepas aktiviti latihan dijalankan di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Penambahan RM10 juta kos penyelenggaraan di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara adalah untuk membaik pulih keseluruhan tandas di Stadium Nasional, kerja-kerja penggantian sistem ozon di Pusat Akuatik, pendawaian semula sistem *electrical* di Stadium Nasional serta kerja-kerja pembinaan saluran paip baru menggantikan paip sedia ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Itu tujuan tambahan.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, perancangan kementerian untuk menyokong sukan golf dan tenis supaya bersiaran di ESPN, FOX Sport, BBC yang tersiar dalam *prime time* bagi meningkatkan imej sukan negara. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa membantu persatuan Lawn Tennis Malaysia dan Persatuan Golf Malaysia dalam menyediakan atlet-atlet untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

Dalam membantu persatuan-persatuan ini melahirkan atlet-atlet berbakat, Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan Kejohanan Golf Junior Swing untuk bakat-bakat baru, manakala Kejohanan Tenis BMW Circuit Kebangsaan merupakan platform terbaik dalam melahirkan pemain tenis elit untuk negara. Kejohanan mencungkil bakat iaitu Sport Excel yang menganjurkan kejohanan tenis dan golf juga banyak membantu melahirkan atlet-atlet di peringkat akar umbi.

Senator Puan Hajah Khairiah mencadangkan pegawai agama ditempatkan di temasya sukan, kemudahan solat. Pihak kementerian mula membawa pegawai agama di Temasya Sukan SEA 2011 di Palembang bagi meningkatkan kesedaran di segi keagamaan dan motivasi diri. Semasa di Sukan Olimpik di London 2012, pihak kementerian telah mengeluarkan satu manual panduan solat dan puasa kerana temasya berkenaan berlangsung di bulan Ramadhan.

Dari dahulu lagi pihak kementerian sentiasa menitikberatkan soal agama sebelum dan selepas sukan temasya seperti solat hajat dan solat syukur di kalangan pegawai dan atlet. Setiap kompleks sukan seperti stadium bola sepak di Bukit Jalil setiap aras telah disediakan surau untuk penonton. Malah pihak stadium juga menyediakan surau tambahan di luar kawasan stadium bagi menampung penonton yang hadir di perlawanan bola sepak mahupun temasya sukan.

Senator Puan Hajah Rohani, Parlimen Belia Malaysia bila akan dimulakan? Parlimen Belia Malaysia akan diadakan, dilaksanakan pada April 2014. Mekanisme pendaftaran Parlimen Belia Malaysia adalah melalui sistem *online*. Selain itu promosi juga diadakan di pusat-pusat membeli belah. Persatuan negeri juga membantu



mempromosikan Parlimen Belia Malaysia dengan mengadakan skuad pendaftaran Parlimen Belia Malaysia di setiap negeri. Selain itu KBS juga menjalinkan kerjasama dengan kementerian lain, badan politik dan NGO.

Kementerian Sumber Manusia. Kenapa kerja-kerja yang dilakukan oleh warga asing tidak dilakukan oleh warga tempatan, di mana silapnya? Ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kadar pengangguran negara pada kadar 3% pada suku kedua 2013 adalah rendah. Kehadiran pekerja asing adalah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor-sektor yang tidak mahu diisi oleh pekerja tempatan, iaitu 3D dengan izin, *dirty, dangerous and demanding* seperti sektor pembinaan, pembuatan, perladangan dan pembantu rumah.

Mengenai laman web yang menyenaraikan 26 buah ILJTM di mana empat buah lagi kita akan semak tentang perkara itu dan akan diambil tindakan segera. Kemudian mengenai tindakan pengusaha premis perniagaan Kuala Lumpur yang mendiskriminasikan pekerja wanita Islam bertudung ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sehingga hari ini tidak ada peruntukan undang-undang perburuhan yang khusus berkaitan dengan melarang majikan dengan meletak syarat tidak menerima wanita Islam bertudung bekerja di premis perniagaan mereka.

Walau bagaimanapun Kementerian Sumber Manusia sentiasa peka dengan masalah ini. Jika ada laporan atau aduan akan disiasat dan majikan dinasihati untuk tidak mendiskriminasikan pekerja wanita Islam bertudung untuk bekerja. Selain itu majikan juga dinasihati untuk memberi kelonggaran kepada pekerja-pekerja beragama Islam untuk mengamalkan dan melaksanakan tuntutan agama. Sehingga hari ini juga majikan-majikan yang menghadapi isu ini telah memberi kerjasama sepenuhnya apabila dinasihati.

Pelaksanaan gaji minimum. Adalah terlalu awal untuk menilai impak pelaksanaan gaji minimum kepada peluang pekerjaan kerana gaji minimum baru mula dilaksanakan pada 1 Januari 2013. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan beberapa majikan terpaksa mengambil langkah untuk *trim-down* jumlah pekerja sedia ada bagi pengurangan kos buruh, susulan pelaksanaan gaji minimum. Bagi tujuan ini terdapat kaedah-kaedah tertentu yang perlu dipatuhi dari pihak Jabatan Tenaga Kerja. Pihak Jabatan Tenaga Kerja boleh dihubungi bagi mendapatkan nasihat sewajarnya.

Senator Dato' Lim Nget Yoon, *front liner* hotel-hotel tidak diisi oleh pekerja asing. Secara dasarnya pekerja asing di sektor perkhidmatan hanya dibenarkan untuk kerja-kerja *back room* sahaja. Pelanggaran dasar ini boleh dilaporkan kepada pihak Jabatan Imigresen untuk diambil tindakan sewajarnya. Kementerian Sumber Manusia sentiasa

menggalakkan pihak majikan untuk menyediakan taska untuk kemudahan pekerja, itu perkara yang kedua ditimbulkan.

Bagi memastikan pembantu rumah berkualiti, kerajaan mengadakan MoU dengan negara sumber iaitu Indonesia supaya pembantu rumah diberi latihan secukupnya sebelum dihantar ke Malaysia. Itu lagi satu soalan yang ditimbulkan. Bagi menggalakkan wanita profesional yang berhenti kerja untuk kembali bekerja, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program dengan izin, HEARTS iaitu *Housewife Enhancement and Reactivate Talent Scheme* yang memberi latihan dalam bidang-bidang khusus seperti agensi insurans, penterjemahan supaya mereka boleh bekerja dari rumah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tentang OKU, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat prihatin akan golongan orang kelainan upaya (OKU) di Malaysia. Sehingga Jun 2013 seramai 464,967 OKU telah berdaftar dengan JKM. Peluang pekerjaan bagi OKU telah dipertingkatkan dengan dasar dan program tersebut. Seramai 2,186 OKU sedang bekerja di sektor awam berasaskan dasar 1% OKU dalam sektor awam.

#### ■1920

Seramai 60,502 OKU bekerja dengan pendapatan di bawah RM1200 telah menerima elaun pekerja cacat. Seramai 150 *job coach* telah dilantik untuk memberikan perkhidmatan kepada OKU yang sedang bekerja. Pada tahun 2012, seramai 500 orang OKU telah dilatih melalui Program Pemerksaan Ekonomi (EEP). Program ini mensasarkan seramai 500 orang OKU setahun melibatkan diri dalam program EEP di seluruh Malaysia. Seramai 150 orang OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran terbuka sedang menjalani latihan sambil bekerja melalui Program Bengkel Terlindung.

Mengenai data yang ditimbulkan oleh Dato' Syed Ibrahim, pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyalurkan bantuan kepada seramai 152,138 orang warga emas daripada 2.4 juta orang warga emas di Malaysia. Bagi tujuan ini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM519 juta untuk kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun mengenai statistik keluarga miskin dan OKU. Statistik penerima bantuan JKM adalah seperti berikut:

- (i) bilangan bantuan yang terdiri daripada keluarga OKU seramai 123,702 orang. Pangkalan data OKU warga emas dan keluarga miskin;
- (ii) keluarga miskin 274,473 premis. Sistem datanya dipanggil e-Kasih;

- (iii) OKU seramai 464,967 orang. Sistem datanya sistem maklumat OKU atau SMOKU; dan
- (iv) warga emas 2.4 juta dalam sistem DOS.

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mempunyai pangkalan data sebagaimana yang telah saya sebutkan dan sistem e-bantuan yang mempunyai data penerimaan bantuan kewangan juga ada. Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat menggunakan pendapatan garis kemiskinan PGK dan per kapita yang ditetapkan oleh EPU JPM dalam menentukan kelayakan bagi golongan miskin menerima bantuan dari kerajaan.

Kemudahan kepada warga emas antaranya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah bertanya tentang ini. Syarikat penerbangan Malaysia telah memberikan diskaun tambang penerbangan sebanyak 50% kepada warga emas yang ingin menggunakan perkhidmatan Malaysia Airlines. Begitu juga dengan tambang pengangkutan darat lain seperti ERL diskaun 30%, kereta api diskaun 50%, KTM komuter diskaun 50%, LRT dan monorel diskaun 50%, bas Rapid KL diskaun 50%, bas henti-henti diskaun 50% bas Rapid Penang diskaun 50%.

Begitu juga pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta pergigian milik kerajaan mulai 1 Januari 2012. Sebagai susulan kepada pengumuman dan insentif tersebut, kerajaan juga telah bersetuju memberikan pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran Jabatan Pesakit luar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas ketiga sebanyak 50% dan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik kerajaan. Pengecualian ini telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012.

Penyelarasan pencen yang melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta dengan kenaikan 2% setahun tanpa menunggu penyelarasan gaji, dan pemberian bantuan bulanan kepada warga emas iaitu bantuan orang tua daripada JKM sebanyak RM300. Bantuan ini adalah bersifat sementara dan hanya diberikan kepada warga emas yang tidak produktif. Ia bertujuan membantu menampung negara keperluan asas warga emas.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah bertanya tentang takrif warga emas. Adakah perlu diperluaskan kepada mereka yang berumur 55 tahun. Penentuan takrifan umur warga emas adalah merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai

dalam *United Nations World Assembly on Aging di Vienna* (PBB) 1982 dan di kalangan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia.

Dalam hal ini pelbagai faktor perlu dipertimbangkan jika ingin diperluas kepada 55 tahun dan ke atas. Antaranya ialah faktor peningkatan jangka hayat menyebabkan bilangan warga emas iaitu yang berumur 60 tahun ke atas bertambah. Antara tahun 2000 hingga 2010, terdapat pertambahan daripada 1.4 juta kepada 2.3 juta. 6.7% kepada 8.1% warga emas. Ini bermakna pertambahan lebih 90,000 orang warga emas setiap tahun bagi tempoh 2000 hingga 2010. Berdasarkan trend tersebut Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun ke atas merupakan 15% daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Satu lagi cadangan ialah supaya kementerian jangan hanya memfokuskan kepada bantuan kewangan semata-mata. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengamalkan pendekatan *productive welfare*, dengan izin bagi membantu golongan sasaran bagi hidup berdikari termasuklah kepada anak-anak yatim yang ditimbulkan. Pendekatan ini diambil kira aspek motivasi latihan kemahiran, penglibatan dalam bidang pekerjaan dan perniagaan. Program disediakan di bawah KPWKM adalah seperti berikut:

- (i) Program 1AZAM iaitu Akhiri Zaman Miskin;
- (ii) Bantuan Latihan Perantis;
- (iii) Bantuan Geran Pelancaran;
- (iv) Program Pemerksaan Ekonomi; dan
- (v) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal.

Berapakah jumlah pusat aktiviti setempat kanak-kanak setakat Ogos 2013? 149 buah pusat aktiviti kanak-kanak (PAKK) di seluruh Malaysia. Melalui program ini seramai 20,000 orang kanak-kanak telah menyertai aktiviti program yang dianjurkan sepanjang tahun itu.

Mengenai Pelan Tindakan Warga Emas. Kita akan dan telah merangkumi strategi berikut:

- (i) promosi dan advokasi pembelajaran sepanjang hayat;
- (ii) keselamatan dan perlindungan;
- (iii) tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab;
- (iv) penglibatan dan kesepaduan antara generasi; dan
- (v) penyelidikan dan pembangunan.

Persoalan yang dibangkitkan mengenai taska berkualiti. Kementerian amat prihatin mengenai keperluan penyediaan taska yang berkualiti pelbagai program advokasi

dan penguatkuasaan telah dijalankan oleh JKM. Untuk menggalakkan penubuhan taska itu, pada tahun 2009 sebanyak 373 taska, tahun 2010 sebanyak 483 taska, tahun 2011 sebanyak 819 taska dan pada tahun 2012 melonjak kepada 2045 taska dan sehingga September tahun ini sebanyak 2772 taska.

Kementerian Dalam Negeri (KDN). Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah memperkenalkan MyKad struktur baru bermula 3 Januari 2012. MyKad baru ini diperbuat daripada bahan *polycarbonate* sepenuhnya, yang telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf di mana kualitinya adalah lebih tinggi dan lebih berdaya tahan berbanding dengan MyKad lama yang digunakan sebelum ini. Cip pada MyKad lama ini juga telah diuji di peringkat pengeluaran dan telah melalui beberapa peringkat pengujian iaitu sebelum proses masukkan cip di dalam MyKad. JPN juga telah melaksanakan peringkat pengujian semasa proses terakhir percetakan MyKad. Bagi mengelakkan kes pemalsuan, JPN telah memperkenalkan beberapa ciri keselamatan baru seperti berikut:

- (i) tulisan laser pada nama nombor kad pengenalan dan gambar kecil;
- (ii) *micro text* nombor kad pengenalan di bawah gambar berwarna; dan
- (iii) perubahan reka bentuk lapisan keselamatan (*securery guard hologram*).

Soalan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som mengenai keturunan Siam. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada tahun 2004 JPN telah memutuskan penentuan bagi semua keturunan yang tidak boleh ditafsirkan mengikut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah mengikut negara di mana beliau berasal. Sehubungan dengan itu semua kelahiran oleh ibu bapa, berketurunan Thailand yang didaftarkan pada masa itu akan didaftarkan sebagai Thai.

Walau bagaimanapun, pada bulan Jun 2009, melalui arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil 4/2009, penggunaan keturunan Siam telah diguna pakai semula. Untuk makluman, keturunan Siam diguna pakai bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan ibu bapa yang bertaraf warga negara Malaysia, berketurunan Siam dan dilahirkan di Malaysia. Manakala keturunan Thai pula diguna pakai bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan ibu yang bertaraf warga negara Thailand, pemegang pasport Thailand dan dilahirkan di Thailand.

Kementerian Pertahanan. Mencadangkan pesara tentera dan anggota tentera yang masih berkhidmat diberi kemudahan memiliki rumah, perubatan, dan pendidikan. Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) melalui Kementerian Pertahanan telah menyediakan kemudahan memiliki rumah kepada pesara tentera di bawah Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia iaitu Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia.

JHEV juga menyediakan kemudahan dari segi perubatan dan pendidikan bagi anak-anak pesara tentera melalui Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan iaitu bantuan persekolahan, bantuan kemasukan ke IPTA/politeknik dan bantuan peralatan.

Pesara tentera juga diberi kemudahan perubatan di mana mereka boleh membuat tuntutan bayaran balik kos perubatan melalui JHEV berdasarkan syarat-syarat menyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009: Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan.

#### ■1930

Mengenai nelayan-nelayan kita selalu diancam oleh nelayan Vietnam dan Filipina. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa membuat rondaan berkala bagi melindungi kawasan pesisir pantai dan pencerobohan asing. Di samping itu terdapat juga agensi lain iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang sentiasa memantau aktiviti nelayan dan penangkapan ikan dalam kawasan negara. Dengan adanya agensi-agensi ini keselamatan nelayan kita sentiasa terjamin dari ancaman nelayan asing.

Kemudian ditanyakan apakah bantuan pengurusan jenazah kepada anggota tentera yang terkorban di Lahad Datu dan apakah bantuan-bantuan lain. Bantuan yang diterima termasuk:

- (i) bantuan pengebumian RM3,000;
- (ii) derma tanggungan;
- (iii) insurans kelompok tertakluk kepada jumlah unit;
- (iv) Tabung Amanah Perwira;
- (v) Tabung Kebajikan ATM RM5,000;
- (vi) pencen terbitan;
- (vii) pencen orang tanggungan; dan
- (viii) bayaran *ex gratia*.

Ada lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh bertanyakan berapa banyak ditangkap dan disoal siasat bagi kes geng.

- (i) jumlah ditangkap 16,276;
- (ii) jumlah disiasat 6,703; dan
- (iii) jumlah didakwa 1,584.

Kenapa prestasi sekolah Tamil lebih rendah daripada sekolah-sekolah lain serta langkah-langkah? Dalam beberapa mata pelajaran seperti bahasa Inggeris keupayaan murid-murid SJK(T) boleh dibanggakan. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang prestasi akademik semua sekolah termasuklah

SJK(T) melalui program-program PPPM 2013-2025. Di samping itu juga kerajaan di dalam manifesto Barisan Nasional dengan jelas menyebut bahawa SJK(T) bantuan bayaran yang bersedia menukar kepada status sekolah kerajaan akan dipertimbangkan.

Kemudian tindakan kepada pegawai yang gagal mengutip wang bantuan, apakah langkah mengesan terhadap unsur penyelewengan dan langkah diambil untuk mengelak perkara ini berulang. Kementerian mengambil maklum perkara ini dan sedang berusaha supaya mengutip semula wang tersebut daripada waris penerima bantuan yang terlibat. Satu jawatankuasa siasatan peringkat jabatan akan ditubuhkan bagi menyiasat secara mendalam sama ada terdapat elemen kecuaiian atau faktor bebanan tugas menyumbang kepada fenomena tersebut.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul mencadangkan agar sekolah seni negeri Sabah ditubuhkan. KPM mengalu-alukan cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, KPM akan mengkaji terlebih dahulu cadangan ini dengan teliti dan bergantung kepada kedudukan kewangan.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh Singh a/l Gurbakhes Singh juga bertanyakan program yang diberikan kepada pelajar yang gagal dalam UPSR dan tidak dapat meneruskan pelajaran di sekolah menengah. Ujian Penilaian Sekolah Rendah merupakan ujian untuk menilai pencapaian murid di tahap sekolah rendah dan bukan salah satu syarat untuk meneruskan pendidikan di sekolah menengah.

Kemudian cadangan membaik pulih dan menaik taraf kompleks sukan negeri di Sabah. Kementerian Belia dan Sukan menjelaskan bahawa kompleks sukan negeri adalah ditadbir dan diurus oleh kerajaan negeri dan boleh timbulkan di *venue* yang lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, peruntukan RM10 juta diperuntukkan adalah bagi menaik taraf di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Saya sudah nyatakan pecahan-pecahannya tadi. Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, latihan hospitaliti bagi pembantu rumah warga tempatan. Terdapat dua pusat latihan bagi melatih pembantu rumah tempatan yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Walau bagaimanapun pusat berkenaan hanya berjaya melatih seramai 159 pelajar.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, tindakan maksimum terhadap majikan yang tidak memperbaharui permit kerja warga asing. Kerajaan melalui KDN, Jabatan Imigresen Malaysia memang prihatin akan perihal majikan yang tidak memperbaharui permit kerja warga asing. Oleh yang demikian, Jabatan Imigresen sering menjalankan operasi dalam mengesan majikan-majikan sebegini. Maklumat ini diperolehi dari aduan awam, risikan, analisa statistik jabatan yang sedia ada. Dalam tahun 2012

sebanyak 57,711 pelbagai operasi berjaya dijalankan. Manakala Ogos 2013 sebanyak 2,800 operasi telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen. Dari ini seramai 183 orang majikan berjaya ditangkap dalam tahun 2012 atas pelbagai kesalahan. Sehingga Ogos 2013 seramai sembilan orang majikan telah ditangkap.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan meminta kementerian membuat pindaan kadar geran RM8 sehari dinaikkan RM15 sehari kepada rumah-rumah anak yatim. Kementerian mengambil maklum akan cadangan kenaikan kadar geran ransom daripada RM8 kepada RM15 seorang sehari untuk anak yatim. Cadangan ini akan diteliti dengan lebih lanjut. Pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar dengan JKM menguruskan anak yatim diberikan geran dan pembaikan. Mengikut perjanjian yang dipersetujui dengan memulangkan kembali peruntukan yang tidak dibelanjakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, tambahan peruntukan diminta untuk *cover* tambahan bagi kos bagi kad pengenalan. Statistik jumlah kad pengenalan tidak dituntut dan lain-lain soalan itu akan dijawab kemudian.

Isu bekalan ubat Kementerian Kesihatan. Semua ubat-ubatan sama ada produk tempatan atau import perlu berdaftar manakala produk kosmetik pula perlu *notification* dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dipasarkan di Malaysia. Kriteria pendaftaran untuk produk farmaseutikal adalah ianya wajib memenuhi keperluan kualiti, keberkesanan dan keselamatan, pengimportan setiap produk farmaseutikal selain produk yang tertakluk kepada keperluan perundangan khusus seperti produk psikotropik ke Malaysia perlu berdaftar dan pengimport mempunyai lesen import sah yang dikeluarkan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan KKM. Ubat-ubatan yang dipasarkan di negara ini perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa supaya semua ubat-ubatan itu selamat, berkualiti dan berkesan.

Bagi ubat generik kita perlu *bioequivalent* bagi memastikan keberkesanan produk. *Bioequivalent* dengan izin, bermaksud sesuatu produk mempunyai paras ubat dalam darah sama dengan ubat asal. Kementerian Kesihatan mempunyai program kawalan mutu di pasaran untuk memastikan produk di pasaran menepati ciri-ciri keselamatan, kualiti dan keberkesanan.

Ada lagi. Sedikit, ini fail yang terakhir. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah mencadangkan insentif diberi kepada syarikat pengeluaran ubat tempatan seperti pengecualian cukai. Kerajaan telah menyediakan insentif cukai kepada syarikat farmaseutikal termasuk syarikat mengeluarkan ubat seperti berikut:



- (i) taraf perintis (*pioneer status*) pengecualian 70% cukai pendapatan syarikat untuk tempoh lima tahun atau elaun cukai pelaburan (*investment tax allowance*); dan
- (ii) pengecualian dalam bentuk potongan cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal yang layak.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, operasi ESSCOM. Peraturan-peraturan keselamatan awam telah menggariskan tugas dan tanggungjawab ESSCOM. Di antaranya adalah menjaga keselamatan dan pengumpulan maklumat risikan keselamatan. Dalam konteks ini ESSCOM sememangnya mengambil kira semua kegiatan jenayah termasuklah seperti yang dinyatakan iaitu mengawal dan mencegah barang-barang bersubsidi, penyeludupan manusia, senjata api dan dadah. Bagi memastikan tindakan pembanterasannya dapat dijalankan secara berkesan dengan kerjasama semua agensi keselamatan termasuklah APMM.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani, tambahan peruntukan pinjaman kepada perkhidmatan awam. Jumlah peruntukan pinjaman yang disediakan kerajaan untuk penjawat awam yang diluluskan mengikut pengajian secara jarak jauh di IPT adalah sebanyak RM8.1 juta.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, pekerja lantikan kontrak dilantik tetap dalam perkhidmatan awam. Pada masa ini kerajaan tidak menetapkan apa-apa komitmen untuk melantik pegawai kontrak secara tetap kerana pelantikan kontraknya dibuat untuk tempoh tertentu sahaja yang telah dipersetujui oleh pegawai dalam perjanjian kontrak yang telah ditandatangani. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan secara tetap dengan pihak berkuasa melantik yang berkenaan berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan kerajaan sewaktu kontrak sewajarnya digunakan sepenuhnya dan menjadi kelebihan kepada pegawai semasa proses temu duga lantikan tetap berbanding calon lain.

Cadangan supaya jawatan Setiausaha Dewan Negara dinaik taraf daripada PTD Gred M54 kepada Gred Utama C sebagaimana Setiausaha Dewan Rakyat. Pada ketika ini jawatan Setiausaha Dewan Negara adalah pada Gred M54/N54. Kerajaan sememangnya mengakui akan kompleksiti tugas dalam mengendalikan urusan dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, JPA telah mengambil maklum permohonan untuk menaik taraf jawatan Setiausaha Dewan Negara daripada Gred M54/N54 kepada Gred Utama C dan ianya masih dalam pertimbangan dan urusan pihak yang berkenaan.

Adakah kerajaan masih mengeluarkan permit kerja kepada pelawat sosial daripada Indonesia? Mulai 1 Oktober 2013 Kerajaan Malaysia telah memberhentikan pengeluaran *Journey Perform* (JP) Visa kepada pelawat sosial daripada Indonesia yang berhasrat untuk bekerja sebagai pembantu rumah. Oleh yang demikian, semua warganegara asing yang hendak bekerja perlu masuk dengan visa, dengan rujukan dengan ringkasnya VDR.

Kementerian Kesihatan menyediakan tempat pemulangan ubat yang tidak digunakan lagi oleh pesakit. Satu cadangan dan kenapa pesakit perlu membeli atau mencari ubat sendiri di farmasi. Bagi menjamin pesakit mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, pelbagai inovasi yang dilakukan seiring dengan peredaran masa pada tahun 2010 Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM telah melaksanakan program pemulangan ubat. Melalui program ini pesakit boleh memulangkan ubat di kaunter farmasi ataupun kotak pemulangan ubat yang disediakan di semua hospital dan klinik kesihatan.

#### ■1940

Objektif program pemulangan ubat ialah untuk menggalakkan pesakit memulangkan ubat-ubatan yang tidak digunakan bagi menjamin keselamatan perubatan pesakit di samping boleh mengenal pasti ubat-ubat yang dipulangkan dilupus mengikut prosedur yang betul. Maklumat terperinci berkaitan program ini boleh diperolehi daripada garis panduan pemulangan ubat edisi kedua. Dalam laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).

Jumlah wanita dalam pasaran pekerjaan yang rendah. Golongan wanita adalah aset negara pada populasi 14.4 juta atau 48.6% daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 29.71 juta pada tahun 2013. Dengan populasi hampir separuh penduduk Malaysia, kerajaan mengiktiraf potensi wanita dalam pembangunan negara. Berikutan peningkatan tahap pendidikan golongan wanita, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah meningkat daripada 44.7% pada tahun 1995 kepada 49.5% pada tahun 2012.

Bilangan wanita yang bekerja bagi tempoh yang sama turut meningkat daripada 2.6 juta pada tahun 1995 kepada 4.6 juta pada tahun 2012. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita kepada 55% pada tahun 2015. Untuk mencapai sasaran ini antara inisiatif yang telah dijalankan oleh kerajaan adalah seperti program 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 106,967 di seluruh negara mulai 2010 sehingga 31 Disember 2012. Daripada jumlah tersebut, 70,224 atau 65.65% peserta adalah wanita.

Selain itu, kementerian turut bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia sebagai agensi pelaksana untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita. Dari bulan Jun 2010 hingga 31 Disember 2012, kementerian telah berjaya melahirkan 4,300 orang usahawan wanita melepasi sasaran pada tahun 2012 iaitu sebanyak 4,000 orang usahawan.

Selain itu program *Get Malaysian Business Online* turut diperkenalkan dalam usaha untuk membantu 50,000 orang usahawan kecil terutamanya wanita bagi melonjakkan perniagaan dengan meningkatkan jualan secara *online*. Dalam hal ini geran sebanyak RM1,000 diberikan melalui peruntukan RM50 juta oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bermula daripada bulan Januari hingga Jun 2013 sebanyak 8,037 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,750 permohonan telah diluluskan di mana 952 orang daripadanya adalah usahawan wanita.

Kementerian telah bekerjasama dengan Talent Corporation Malaysia Berhad dan melancarkan satu portal yang khusus untuk mengembalikan wanita ke pasaran pekerjaan yang dipanggil *flexworklife.my* pada 8 Julai 2013. *Flexworklife* bermatlamat membina jaringan antara majikan dan bakat kemahiran bagi mengekal wanita di pasaran kerja dan menggalakkan wanita kembali bekerja. Sehingga Julai 2013, sebanyak 15 buah syarikat telah mengiklankan peluang pekerjaan dalam portal tersebut.

Geran bantuan rumah kebajikan warga emas, setakat Ogos 2013 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan geran untuk operasi kepada sebanyak 25 pertubuhan sukarela kebajikan yang telah memenuhi syarat-syarat.

Kementerian menjalankan kajian bidang keperluan peluang kerja bagi tujuh tahun akan datang bagi melahirkan tenaga kerja mahir, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kementerian Sumber Manusia secara dasar mengetatkan syarat dalam kelulusan permohonan surat JCS (*jobs circling system*) bagi menyokong pengambilan pekerja asing ke pusat kelulusan setempat di KDN. Syarat yang diketatkan berkenaan ialah setiap majikan diwajibkan mengutamakan pekerja tempatan terlebih dahulu. Majikan perlu berusaha mengambil pekerja tempatan, kemudian jika tiada pekerja tempatan mahu bekerja, maka barulah surat JCS ini dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kalau ada yang tidak dapat dijawab tetapi saya telah mengarahkan para pegawai daripada semua kementerian untuk memberikan jawapan dan tugas saya ialah untuk menyaring jawapan-jawapan itu dan saya telah membacakan jawapan-jawapan itu. Saya harap 27 Yang Berhormat Senator yang telah mengutarakan ucapan-ucapan mereka telah berpuas hati. Kalau tidak berpuas hati, boleh menulis surat kepada saya untuk saya memberi jawapan yang bertulis dan terima kasih

juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah. Ada seorang dua Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Baharudin ya yang suka mencelah. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana dapat menjawab soalan-soalan daripada 28 orang Ahli-ahli Senator bagi pihak 16 buah kementerian dengan rekod masa 1 jam 25 minit, Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]* Jawapan agak terperinci dan komprehensif sekali. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam teks yang diberikan kepada saya ini adalah bacaan kali ketiga. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 9 Oktober 2013. Terima kasih Yang Berhormat.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.47 malam]*